

# CREATE

*Memasyarakatkan Teknologi*



Mei - Ogos 2016



## 1,500 warga UMP sambut raya bersama Tengku Mahkota Pahang

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



Rimbunan Cendekia  
himpun 20 UA dalam  
penghijauan kampus



Jurnal IJAME UMP  
No.1 di Asia

# Kandungan



**4** 1,500 warga UMP sambut raya bersama Tengku Mahkota Pahang



**6** KDYTM Tengku Mahkota Pahang berbuka puasa bersama 4,000 warga UMP



**8** UMP rai 165 ahli keluarga asnaf terima sumbangan dan bantuan Aidil Fitri

- |  |   |  |
|--|---|--|
| 9 Rimbunan Cendekia himpun 20 UA dalam penghijauan kampus  | 32 GIGvaganva-empower ECER tarik minat belajar bahasa Inggeris                            | 56 Kunjungan alumni UMP beri sinar 72 keluarga sambut Syawal                         |
| 10 Jurnal IJAME UMP No. 1 di Asia  | 33 GIGVaganza UMP tingkat pemahaman tatabahasa bahasa Inggeris pelajar                    | 57 Konvoi Kembara Singgah Sahur edar 700 bungkus makanan                             |
| 11 UMP perkenal iLEAD program pengukuhan kemahiran insaniah yang pertama di Malaysia               | 34 Kolaborasi UMP dan Kolej Teknikal Yayasan Sabah dalam Program                          | 58 Ziarah Prihatin Ramadan UMP bantu insan lain kurang berkemampuan                  |
| 12 Penyelidikan UMP memasyarakatkan teknologi  | 35 UMP, Dimension Bid jalin kerjasama bagi pengkomersialan produk industri minyak dan gas | 59 UMP rai 165 ahli keluarga asnaf terima sumbangan dan bantuan Aidil Fitri          |
| 14 Ketua Pegawai Eksekutif TNB dilantik jayakan CEO@Faculty Programme                              | 36 UMP sumbang kepakaran dalam Misi Kemanusiaan Aceh                                      | 60 Penghuni Perempuan Maahad Lil Aytam gembira terima sumbangan raya                 |
| 15 3 pelajar terima Biasiswa Konfusian bagi Program Mobiliti Bahasa Mandarin Musim Panas           | 37 Pay For Performance penggerak kecemerlangan universiti                                 | 61 Pameran Kemerdekaan di Perpustakaan UMP   |
| 16 UMP terima 2,153 mahasiswa baru   | 38 Klik-Klik Lensa  | 62 50 serta Kem Motivasi dan Klinik Badminton Bersama Dato Razif                     |
| 17 UMP lancar Ind-E- Zone pusat sehenti perkhidmatan kerjaya                                       | 40 UMP lancar Pusat Tadbir Urus dan Integriti (FGIC)                                      | 63 UMP cemerlang Seni Gerak Silat Tradisional Pahang                                 |
| 18 FKKSA terima 5 pelajar mobiliti dari Indonesia dan China  | 41 337 pelajar cemerlang akademik program empower ECER dirai                              | 64 Temasya Olahraga UMP dapat tumpuan  |
| 19 UMP anjur seminar SMEE kongsikan kepakaran dalam bidang kejuruteraan                            | 42 250 pelajar antarabangsa dan keluarga hadir Majlis Iftar                               | 65 UMP Racing serta sambutan kemerdekaan   |
| 20 UMP dan MBM lancar Program 1B1K-UMP untuk belia   | 43 Teater Muzikal Sudirmania Serlah Bakat   | 66 UMP tumpuan peminat sukan berbasikal UMP Funride                                  |
| 21 Teroka ilmu baru dengan kemahiran penyelesaian masalah TRIZ                                     | 44 130 peserta Konvoi Bermotosikal sambut merdeka   | 67 Kumpulan Teater Senandika Raih Naib Juara   |
| 22 CAIC anjur Bengkel Penyediaan & Pembangunan Laluhan Kerjaya Staf Akademik                       | 45 Makmal FKKSA terima anugerah MSOSH 2015  | 68 Sukarelawan UMP edar 450 pek juadah sahur untuk gelandangan                       |
| 23 UMP hasilkan Portal e-Dagang Wanita Mall bantu usahawan wanita                                  | 46 OSH In School pupuk kesedaran pelajar tentang keselamatan dan kesihatan                | 69 Eksplorasi Fotografi Shutterbuster serlah kreativiti                              |
| 24 UMP menang anugerah khas MIPA dan 13 emas dalam ITEX 2016                                       | 47 Sambutan Majlis Khatam al-Quran UMP meriah   | 70 Program Tamar 4U ceriakan pelajar   |
| 25 Penyelidik FKP Hasilkan Alat Bantuan Tulang Patah   | 48 Sahur Percuma Setiap Rabu Sempena Ramadan  | 71 38 sukarelawanan PEKA 5 anjur program Lil' Elephant                               |
| 26 Penyelidik FKKSA hasilkan konkrit ringan dari sisir buangan industri                            | 49 Program Jom Lepak@Masjid jelajah bersama komuniti                                      | 72 Modul Bahasa Inggeris berkonsepkan Fun Learning tingkat kemahiran pelajar sekolah |
| 27 Penyelidik FSTI temui sumber gula glikosaminoglikan halal untuk kegunaan perubatan dan kosmetik | 50 UMP bersama 50 pengamal industri erat hubungan kerjasama                               | 73 LPU baharu 2016   |
| 28 Produk Iszuani Inazuma diterima di Jepun  | 51 UMP terima van jenazah sumbangan DRB-HICOM Berhad                                      | 74 Pelantikan Baharu   |
| 29 Projek Inovasi FKEE bersama komuniti Kuala Koh  | 52 UMP laksana OJS pertingkat sistem pengurusan jurnal                                    | 75 Alumni UMP lancar Aplikasi Mobile Android sebagai saluran komunikasi              |
| 30 Komuniti Antarabangsa UMP Meriah Sambut Raya  | 53 Kempen RM2 untuk Tabung Ihyar Ramadan  | 76 Ramah Mesra Alumni Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawanan                 |
| 31 400 serta Gigvaganza-ECER tingkat kemahiran tatabahasa Bahasa Inggeris                          | 54 UMP kongsikan kepakaran tingkat kemahiran penulisan ilmiah                             | 77 Alumni bantu 96 keluarga asnaf dalam Ziarah Prihatin Ramadan                      |
|  | 55 UMP kumpul dana MyGift 1.8 juta untuk Endowmen Biasiswa Pelajar                        | 78 Terbitan Terkini  |
|  |   | 80 Transformasi Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan Awam dan Premis Kerajaan         |

# Sidang Editorial

## PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim  
[daing@ump.edu.my](mailto:daing@ump.edu.my)

## KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim  
[sajfulbahri@ump.edu.my](mailto:sajfulbahri@ump.edu.my)

## EDITOR

Safriza Baharuddin  
[safraiza@ump.edu.my](mailto:safraiza@ump.edu.my)

## WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais  
[hilmy@ump.edu.my](mailto:hilmy@ump.edu.my)

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Siti Aishah Ghani  
[sitiash@ump.edu.my](mailto:sitiash@ump.edu.my)

Nadira Hana Ab. Hamid  
[nadira@ump.edu.my](mailto:nadira@ump.edu.my)

Hazlina Faizal  
[haz@ump.edu.my](mailto:haz@ump.edu.my)

Nur Hartini Mohd Hatta  
[nurhartini@ump.edu.my](mailto:nurhartini@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

Shafarina Shahriman  
[shafarin@ump.edu.my](mailto:shafarin@ump.edu.my)

PEREKAA GRAFIK  
Azman Md Diah  
[azmanm@ump.edu.my](mailto:azmanm@ump.edu.my)

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhar@ump.edu.my](mailto:noorazhar@ump.edu.my)

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Manapun bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Aras Bawah, Anjung Selatan  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5057  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: [safraiza@ump.edu.my](mailto:safraiza@ump.edu.my)



## JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

Mohammad Naufal Samsudin  
[naujal@ump.edu.my](mailto:naujal@ump.edu.my)

## PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
[lin@ump.edu.my](mailto:lin@ump.edu.my)

## PENGEDARAN

Mohd Afendi Zamri  
[maffendi@ump.edu.my](mailto:maffendi@ump.edu.my)

Muhammad Kairus Ibrahim  
[kairus@ump.edu.my](mailto:kairus@ump.edu.my)



# Dari Meja Ketua Editor

Salam 1UMP dan terima kasih kepada semua pembaca *CREATE* yang masih setia menunggu keluaran *CREATE* kali ini. Menemui pembaca *CREATE* kali ini, pastinya memberi satu suntikan semangat buat sidang editorial untuk terus berkarya, dan memberikan input yang menarik dan terkini bagi segenap ruangan penerbitan.

Baru-baru ini, Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum al-Mutawakkil 'Allallah Sultan Iskandar al-Haj berangkat bercemar duli meraikan sambutan Hari Raya Aidil Fitri bersama 1,500 warga UMP dan tentunya mencatatkan detik manis kerana turut diraikan bersama kalangan asnaf dan anak yatim.

Dengan tema, 'Menjana Kegemilangan', Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang memberi tumpuan kepada aspek peranan Universiti ini dalam mentransformasi masyarakat sejagat melalui kelebihan dan kepakaran teknikal yang dimilikinya dalam bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi. Oleh itu, peranan universiti tidak terbatas kepada perkhidmatan semata-mata, warga universiti turut memberikan komited bagi membawa kepakaran teknologi tersebut untuk manfaat masyarakat yang kurang berasih baik di luar Malaysia melalui projek-projek Inovasi Sosial Korporat atau *Corporate Social Innovation* (CSI) yang diterajui oleh pelbagai Pusat Tanggungjawab dan pertubuhan mahasiswa di universiti ini.

Sebelum mencoret lebih panjang, sidang editorial dengan bangga ingin mengucapkan sekalung ucapan tahniah kepada jurnal terbitan UMP, Jurnal Automotif dan Kejuruteraan Mekanikal Antarabangsa (IJAME), yang berjaya mengekalkan kedudukan sebagai nombor satu di Asia sejak tahun 2013, menurut data saintifik terkemuka, Scopus Database by Elsevier, dan turut mencatat kedudukan 10 peratus teratas di dunia.

Sidang editorial juga mengalu-alukan kedatangan seramai 2,153 mahasiswa baharu ke UMP. Selamat datang dan selamat menjadi warga UMP. Selain itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut mengumumkan tentang biasiswa UMP yang pertama kali diperkenalkan pada tahun ini menerusi data *MyGift* menerusi satu Skim Bantuan Insentif Pendidikan bernilai RM1,00 bagi mahasiswa yang diluluskan untuk 10 mahasiswa baharu yang menghadapi masalah kewangan.

Selain itu, walaupun sabar tahun, UMP berbangga dengan pencapaian baharu dalam penyelidikan, namun ia bukanlah sesuatu yang lapuk untuk dicoret dalam keluaran kali ini. Pencapaian penyelidikan itu, bukan sahaja dalam Malaysia, malah di luar Malaysia. Tahniah diucapkan kepada para penyelidik UMP. Rekod kejayaan dan pengalaman manis ini akan terus diingati, seiring perkembangan UMP, dan tersimpan kukuh dalam sejarah UMP.

Oleh itu, sidang editorial akan terus berkarya agar *CREATE* terus bernafas memberi perkhabaran betapa hebatnya UMP yang kita cintai ini. Semoga segala coretan, dapat dimanfaatkan seluruh warga UMP.

Selamat membaca.

**Saiful Bahri Ahmad Bakarim**



# 1,500 warga UMP sambut raya bersama Tengku Mahkota Pahang

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil 'Allallah Sultan Iskandar al-Haj berangkat bercemar duli meraikan sambutan Hari Raya Aidil Fitri bersama 1,500 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan pada 28 Julai 2016 yang lalu.

Majlis dihadiri Pengurus Lembaga Pengaruh UMP, Dato' Sri Mohd. Hilmy Mohd. Taib dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam ucapannya turut menyampaikan tentang perkembangan UMP yang bertemakan 'Memasyarakatkan Teknologi', Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang memberi tumpuan kepada aspek peranan universiti ini dalam mentransformasi masyarakat sejagat melalui kelebihan dan kepakaran teknikal yang dimilikinya dalam bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi.

"Peranan tersebut tidaklah hanya terbatas kepada sumbangan perkhidmatan UMP kepada masyarakat tempatan semata-mata, tetapi warga universiti turut komited untuk membawa kepakaran teknologi tersebut untuk manfaat masyarakat yang

kurang bernasib baik di luar Malaysia melalui projek-projek Inovasi Sosial Korporat atau *Corporate Social Innovation* (CSI) yang diterajui oleh pelbagai Pusat Tanggungjawab dan pertubuhan mahasiswa di universiti ini.

"Pada yang sama, tumpuan juga terus diberikan secara khusus oleh warga kerja UMP untuk memberikan pengalaman kampus yang terbaik kepada para mahasiswa universiti ini, khususnya dalam konteks kebajikan dan kesejahteraan mereka, termasuklah tatkala menjalani ibadah puasa baru-baru ini.

"UMP juga telah berupaya melaksanakan program Ifthar Jamaie di kampus Pekan dan Gambang sepanjang bulan Ramadan baru-baru ini untuk manfaat para mahasiswa dan warga kampus yang lain dengan keseluruhan perbelanjaan bagi majlis berbuka puasa pada bulan Ramadan lalu berjumlah RM 90,000 dibayai sepenuhnya daripada Tabung Ramadan UMP melalui inisiatif *MyGift* UMP dan tajaan para dermawan," katanya.

Inisiatif *MyGift* ini turut meliputi Endowmen Kursi, Biasiswa Pelajar, Makmal/Kemudahan serta Tabung Wakaf, Komuniti, Masjid, Bencana, Ramadhan dan Sumbangan Tidak Patuh Syariah serta lebih banyak lagi inisiatif yang berkaitan dapat dirintis oleh UMP bagi manfaat warganya dan masyarakat sejagat melalui pelbagai ruang dan peluang

yang tersedia.

Dalam majlis itu juga, Tengku Abdullah turut mengurniakan sumbangan duit raya kepada seramai 100 orang dalam kalangan asnaf, anak yatim dan hadir yang hadir memeriahkan sambutan yang antaranya dari Rumah Anak Yatim Permata Al-Kauthar dan Madrasah al-Quran To' Alim Kampung Bentan.







# KDYTM Tengku Mahkota Pahang berbuka puasa bersama 4,000 warga UMP

Lebih 4,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir dalam Majlis Berbuka Puasa Bersama Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang merupakan Canselor UMP dalam satu majlis yang berlangsung di Dataran Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan pada 8 Jun 2016 yang lalu.

Majlis dihadiri Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Dr. Haji Adnan Haji Yaakob, Pengurus Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Mohd. Hilmey Mohd. Taib, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Adun Pulau Manis, Dato' Khairuddin Mahmud dan Adun Peramu Jaya, Dato' Sri Sh. Mohamed Puzi Sh. Ali.

Dalam majlis itu, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar Al-Haj turut mengurniakan bantuan zakat Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan bantuan kewangan kepada pelajar yang telah diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah MyGift UMP kepada seramai 40 pelajar UMP dalam majlis ini.

Turut hadir menerima sumbangan MUIP adalah seramai 46 pelajar sekolah Maahad Tahfiz sekitar Kuantan termasuk 20 penduduk kampung sekitar Pekan.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir,

setiap kali menjelangnya Ramadan, Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) telah dipertanggungjawabkan oleh pihak pengurusan untuk mengelolakan program Festival Ramadan bagi mengimarahkan bulan yang mulia ini di UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang.

"Dengan penyertaan pelbagai peringkat warga kerja dan mahasiswa, aktiviti-aktiviti yang mengisi program Festival Ramadan 1437 Hijrah ini dapat dilangsungkan dengan jayanya untuk manfaat semua."

"Ini termasuklah aktiviti rewang untuk jamuan ifthar jama'e secara bergotong-royong oleh staf dari pelbagai pusat tanggungjawab mengikut giliran hari mulai 1 Ramadhan hingga 26 Ramadhan di UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang," katanya.

"Selain itu, aktiviti solat sunat terawih, sahur, ifthar jama'e dan moreh, Festival Ramadan turut diisi dengan program Kayuhan Mesra Rakyat, Bubur Lambuk @ RTC Kuala Pahang, Anda Tanya Ustaz Jawab, Jejak Asnaf dan Singgah Sahur @SOGO," katanya.

Tambah beliau, keseluruhan perbelanjaan tersebut dibayai oleh Tabung Ramadan UMP berjumlah RM90,000 melalui inisiatif MyGift UMP hasil sumbangan tunai warga Universiti ini serta tajaan oleh para dermawan.

Dato' Dr. Daing Nasir mengharapkan supaya lebih ramai lagi dermawan dalam kalangan orang perseorangan dan badan korporat untuk tampil menghulurkan

sokongan dan sumbangan kewangan terhadap inisiatif MyGift ini yang turut meliputi Endowmen Kursi, Biasiswa Pelajar, Makmal/Kemudahan serta Tabung Wakaf, Komuniti, Masjid, Bencana, Ramadhan dan Sumbangan Tidak Patuh Syariah.

"UMP terus prihatin terhadap kebajikan mahasiswa dengan memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang konstruktif bagi maksud kesejahteraan mahasiswa."

"Antaranya adalah Program Kongsi Rezeki yang menawarkan set makan tengah hari kepada mahasiswa dengan harga serendah RM 1.00 semasa musim peperiksaan, iftar jama'e dalam bulan Ramadhan, kupon makanan, pengagihan zakat dan pelbagai bantuan lain yang diusahakan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) untuk meringankan beban pelajar," katanya.

Bersempena dengan itu juga, UMP dengan kerjasama Institut Wasatiyah Malaysia (IWM) turut menganjurkan Seminar Perpaduan Melalui Pendekatan Wasatiyyah yang dihadiri tiga panel jemputan iaitu Felo Kanan IKSIM, YM Engku Ahmad Fadzil Engku Ali, Timbalan Pengarah IWM, Dr. Mohd. Afandi Mat Rani dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman, Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay.

Dalam majlis yang sama sebanyak 1,400 bubur lambuk telah diagihkan dalam kalangan warga UMP dan penduduk sekitar Pekan.





## UMP rai 165 ahli keluarga asnaf terima sumbangan dan bantuan Aidil Fitri

Seramai 165 orang dalam kalangan keluarga asnaf sekitar Kuantan dan Pekan dirai dalam Majlis Berbuka Puasa anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan UMP Advanced Education (UAE) pada 19 Jun 2016 yang lalu bertempat di Restoran McDonald's Indera Mahkota, Kuantan.

Dalam majlis itu, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil 'Allallah Sultan Iskandar Al-Haj berangkat mengurniakan sumbangan berbentuk makanan, keperluan harian, keperluan solat dan pakaian kepada 30 keluarga yang kurang berkemampuan ini.

Berangkat sama paduka anakanda Yang Mulia Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah bersama Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah Ibni Tengku Abdullah Al-Haj.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama isteri, Datin Fazia Ali yang juga Penasihat Persatuan Wanita UMP, Pendaftar, Abd Hamid Majid, Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced Education (UAE), Mohd. Rozi Hassan dan Presiden Persatuan Wanita UMP, Profesor Datin. Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, UMP mengambil inisiatif mendekati masyarakat dalam Program Jejak Asnaf Fakir

Miskin yang dilaksanakan bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan dalam menjalani kesempitan kehidupan sehari-hari terutamanya ketika umat Islam menjalani ibadah berpuasa pada bulan Ramadan.

"Program yang dijalankan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) sempena Festival Ramadan pada tahun ini berjaya menjelaki lebih 30 golongan asnaf yang fakir dan miskin yang tinggal sekitar Kuantan dan Pekan.

"Program Jejak Asnaf Fakir Miskin memberi peluang dalam kalangan warga universiti untuk turun padang menghulurkan sumbangan keperluan asas seperti bantuan bekalan makanan, keperluan rumah dan sumbangan baju raya untuk mereka merasai kegembiraan Syawal.

"Segala persiapan sumbangan diselaraskan menerusi Jawatankuasa Kebajikan di Jabatan Pendaftar dengan digerakkan pihak Persatuan Wanita UMP yang giat mengumpul sumbangan daripada pihak korporat dan orang ramai yang berhasrat membantu golongan yang memerlukan.

"Usaha ini merupakan salah satu program yang dijalankan dalam usaha mendekati masyarakat sekitar dalam membangunkan komuniti setempat yang mana universiti pada ketika ini turut memberi tumpuan terhadap program komuniti, kemasyarakatan dan

kesukarelawanan," katanya yang hadir sama menyampaikan sumbangan kepada penerima manfaat.

Justeru ujar Profesor Dato' Dr. Daing, program MyGift UMP merupakan satu inisiatif mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen atau tabung bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu bagi golongan yang memerlukan.

Dalam memeriahkan Festival Ramadan, UMP turut mengadakan Iftar bersama penduduk kampung, berbuka puasa berjemaah (Iftar Jamaie) di kampus dan program gotong-royong yang dijalankan staf dan pelajar mengikut jabatan yang ditetapkan secara bergilir.

Sepanjang Ramadan, UMP turut menganjurkan program Jelajah Ramadan Asian 2016 yang memberi peluang pelajar UMP merasai pengalaman berpuasa, bersahur dan berbuka puasa bersama anak-anak yatim di Rumah Kebajikan Nurul Dayah di Aceh Indonesia.

Selain itu, Program Ziarah Prihatin Ramadan dan Ziarah Prihatin Syawal anjuran bersama alumni UMP juga turut menyokong inisiatif universiti ini yang cukup sinonim dengan program kesukarelawanan dan juga universiti komuniti.



# Rimbunan Cendekia himpun 20 UA dalam penghijauan kampus

Naib Canselor seluruh Universiti Awam (UA) di Malaysia berhimpun pada 25 Ogos 2016 yang lalu di Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor UA (JKNC) Bil.3/2 Tahun 2016 yang berlangsung di UMP Pekan sebagai tuan rumah pada penganjuran kali ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berbesar hati menerima kunjungan 20 Naib Canselor UA, wakil Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan pegawai-pegawai universiti dari seluruh Malaysia.

Kunjungan tetamu istimewa kali ini memberi peluang mereka menyertai Royal Town Tour bagi menyaksikan keindahan sekitar Pekan Bandar Diraja dengan menyelusuri Sungai Pahang selain menikmati

makanan yang terkenal dari negeri Pahang termasuk Puding Raja, Opor Daging, Martabak, Apam Balik Awang dan Tembosa Raja," katanya yang berucap semasa Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat JKNC yang berlangsung di Hotel Ancasa Royale Pekan bagi meraikan delegasi Naib Canselor.

Sebagai simbolik, sebanyak 30 pokok yang terdiri daripada Chengal, Meranti, Gaharu, Tualang dan Kelumpang Burung ditanam di laman Rimbunan Cendekia berdekatan Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak sebagai tanda ingatan dan penghijauan kampus.


Ianya melambangkan tanda penyataan golongan cendekiawan dalam menyuburkan bidang pendidikan yang selari dengan semangat 'Soaring Upwards' yang merupakan slogan bagi KPT.

Dalam majlis ini juga, para delegasi UA

turut dijamu dengan durian Musang King dan lain-lain buah-buahan dalam *The Musang King Experience*.

Pada hari yang sama turut berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor Jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan Mesyuarat Universiti Penyelidikan Malaysia (MRUN) yang berlangsung di Perpustakaan UMP.

Majlis dihadiri Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin merangkap Pengurus JKNC, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dato' Sri Dr. Zaleha Kamarudin, Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Tan Sri Profesor Dr. Mohd. Amin Jalaludin dan semua Naib Canselor UA.



# Jurnal IJAME UMP No. 1 di Asia

Jurnal terbitan Universiti Malaysia Pahang (UMP) iaitu Jurnal Automotif dan Kejuruteraan Mekanikal Antarabangsa (IJAME), mengekalkan kedudukannya sebagai No.1 di Asia sejak tahun 2013 menurut pangkalan data saintifik terkemuka, Scopus Database by Elsevier.

Jurnal ini juga berkedudukan 10 peratus teratas di dunia.

Kedudukan ranking IJAME adalah berdasarkan kepada kekerapan artikel-artikel yang diterbitkan menjadi bahan rujukan dan merupakan indikator impak atau ukuran keberkesanan bahan yang diterbitkan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMP, Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff mengucapkan tahniah kepada pasukan editorial jurnal yang berusaha keras dalam mengekalkan pencapaian ini.

"IJAME merupakan satu-satunya jurnal pelbagai disiplin yang berimpak tinggi dalam kategori Kejuruteraan Automotif (6 peratus teratas di dunia) dan kategori Kejuruteraan Mekanikal (8 peratus teratas di dunia).

"Pasukan editorial yang sama juga telah berjaya menerbitkan sebuah lagi jurnal UMP pelbagai disiplin iaitu Jurnal Kejuruteraan Mekanikal & Sains (JMES)," katanya.

Jurnal ini berada dalam kedudukan 10 peratus teratas kategori Kejuruteraan Tenaga dan Teknologi Bahan Api dan pada kedudukan 12 peratus teratas dalam kategori Kejuruteraan Industri dan Pembuatan.

JMES buat pertama kalinya muncul dalam pengkalan data Scopus pada tahun 2015.



# UMP perkenal iLEAD program pengukuhan kemahiran insaniah yang pertama di Malaysia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal melahirkan graduan yang kompeten dengan memperkenalkan Program Pengukuhan Kemahiran Insaniah yang dikenali sebagai iLEAD yang pertama seumpamanya di Malaysia dengan dilaksanakan secara berstruktur sebelum menamatkan pengajian.

Dengan pelaksanaan program iLEAD ini, pelajar akan diukur dari pelbagai aspek, iaitu kemahiran komunikasi, keusahawanan, etika dan nilai tambahan lain berbanding sistem penilaian terdahulu yang hanya berdasarkan markah akademik dan kurikulum sahaja.

Program iLEAD ini adalah merupakan sebahagian dari kaedah untuk memantapkan kemahiran insaniah pelajar melalui kaedah pengukuran yang baharu iaitu Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi (iCGPA) yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi

Dato' Seri Idris Jusoh pada 15 Mac 2015 yang lalu.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, program iLEAD ini amat baik selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ke arah melahirkan graduan yang berkualiti sepertimana yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang dilancarkan di bawah lonjakan pertama iaitu melahirkan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang.

"UMP menyambut baik hasrat kementerian dengan menjadi salah satu universiti perintis yang melaksanakan iCGPA bagi menyediakan satu kaedah baharu pelaporan pencapaian pelajar yang bukan lagi tertumpu kepada pencapaian gred akademik semata-mat tetapi juga berdasarkan keupayaan pelajar mengikut pencapaian kognitif, kemahiran psikomotor atau kerja tangan serta kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, nilai etika, kemahiran keusahawanan dan sebagainya," katanya semasa melancarkan iLEAD di UMP pada 23 Ogos 2016 yang lalu.

Majlis dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusof, Pengarah Pusat Daya Saing dan Inovasi (CAIC), Dr. Mohd Rusllim Mohamed dan Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab.

Profesor Dato' Dr. Daing menghargai komitmen Jawatankuasa Teknikal iCGPA UMP serta semua pensyarah yang terlibat terutamanya dari PBMSK, CAIC, Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dan staf di peringkat fakulti yang bekerja keras untuk memastikan graduan yang dihasilkan oleh UMP adalah graduan yang berkualiti dan memenuhi

kehendak industri.

UMP turut berbangga apabila program ini dapat dibangunkan malahan turut dikagumi pihak KPT menjayakan usaha ini.

Lebih menarik, walaupun pada asalnya di peringkat KPT hanya melibatkan Program Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan kepujian dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), namun UMP berjaya melaksanakannya bagi semua 34 program akademik di peringkat prasiswazah tanpa mengira latar belakang program sama ada dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan ataupun sains dan teknologi.

Kejayaan pelaksanaan program pengukuhan kemahiran insaniah ini merupakan satu *landmark* yang penting ke arah mencorak pendidikan tinggi Negara dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti. Menurutnya, iCGPA dapat mengatasi masalah ketidaksepadanan antara kualiti graduan dan kehendak majikan memandangkan sistem sedia ada hanya mengukur kemampuan akademik pelajar.

Program dihadiri seramai 86 pelajar yang berpeluang meningkatkan kemahiran insaniah (*soft skills*) dengan tiga modul yang diberi tumpuan iaitu Modul *Modern Tool Usage*, Modul Komunikasi dan Modul *Problem Oriented Project Based Learning* (POPBL).

UMP merupakan antara lima universiti perintis pelaksanaan sistem iCGPA sejak diperkenalkan KPT sejak 2009 dengan empat universiti lain adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebelum diperluas di universiti awam lain pada masa ini.



## Penyelidikan UMP memasyarakatkan teknologi

Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) cemerlang dalam penyelidikan dan ilmiah yang dapat dimanfaatkan serta dikongsikan bersama masyarakat di negara ini dan universiti ini akan terus memberi tumpuan besar dalam untuk memperkasa pencapaian universiti ini dalam lapangan penyelidikan, kreativiti dan inovasi.

Dengan sasaran menjadikan UMP sebuah universiti teknologi terunggul menjelang tahun 2020, tema Memasyarakatkan Teknologi mendasari Pelan Strategik UMP 2016-2020 dengan lonjakan strategiknya terhadap keunggulan penyelidikan dan inovasi serta kemampuan sosioekonomi dan persekitaran.

Kepakaran kejuruteraan, saintifik dan teknologi yang dimiliki universiti ini sangat berkait rapat dengan isu-isu yang paling pokok di peringkat masyarakat akar umbi seperti keperluan tenaga elektrik, bekalan air bersih dan penggunaan bahan bakar.

Dengan kejayaan meraih kemenangan dan mendapat pengiktirafan meraih 24 pingat emas, 18 pingat perak dan sembilan pingat gangsa serta sembilan anugerah khas dapat memberi keyakinan kepada agensi kerajaan, swasta dan industri untuk terus berkolaborasi, khususnya dalam lapangan penyelidikan, inovasi, penerbitan berimpak tinggi dan pembiayaan dana.

Bagi mengiktiraf sumbangan warga UMP ini, universiti meraikan

seramai 56 orang penyelidik dan pensyarah dalam Malam Anugerah Cendekia Bitara yang menjadi suntikan semangat untuk warga UMP berkarya dengan kreativiti dan inovasi serta menghasilkan kecemerlangan.

Majlis dirasmikan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Dr. Haji Adnan Haji Yaakob yang menyampaikan hadiah kepada semua pemenang. Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Sri Mohd. Hilmey Mohd. Taib.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Diraja Dr. Haji Adnan berkata, Kerajaan Negeri Pahang berharap semua hasil kajian yang dihasilkan penyelidik dari UMP diaplikasikan pihak industri di negeri ini.

"UMP diharapkan dapat mengenal pasti peluang untuk menjalinkan kerjasama dengan industri terlibat bagi mengaplikasikan hasil kajian berkenaan dalam perindustrian. Kedudukan UMP yang berada di dua kampus iaitu satu di Gambang manakala satu lagi di Pekan boleh dikatakan sangat strategik kerana ia berhampiran dengan kawasan perindustrian Gebeng," katanya di Hotel Zenith Kuantan pada 20 Mei 2016 yang lalu.

Tambah beliau, ianya merupakan kawasan terdapatnya syarikat multinasional dari seluruh dunia mendirikan kilang. Kalau UMP dapat bekerjasama dengan kilang tersebut dari segi bagaimana hasil kajian ini boleh diaplikasikan, ianya akan memberi makna lebih besar kepada UMP.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, UMP telah menerima geran penyelidikan dengan nilai pembentangan berjumlah RM 51.2 juta bagi 729 projek penyelidikan dengan menerima tiga geran antarabangsa dari negara Arab Saudi dan Republik Indonesia.

"Universiti ini juga telah turut menyumbang kepakarannya dalam aktiviti inovasi dan penyelidikan guna melalui inisiatif *Public-Private Research Network* (PPRN) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dengan perolehan dana bagi lima projek penyelidikan kontrak bersama



Kepakaran kejuruteraan, saintifik dan teknologi yang dimiliki universiti ini sangat berkait rapat dengan isu-isu yang paling pokok di peringkat masyarakat akar umbi seperti keperluan tenaga elektrik, bekalan air bersih dan penggunaan bahan bakar.



syarikat-syarikat swasta yang terpilih bagi membantu peningkatan produktiviti pihak swasta.

“Universiti terus komited terhadap pembangunan projek *Industrial Technology Engineering Creativity Space* (ITECS) di tapak seluas 20 ekar di UMP dengan fasa kedua pembangunan melibatkan dua rakan utama kerjasama projek iaitu Switch Vehicles Inc. yang berpengkalan di California, Amerika Syarikat bagi inkubasi pembangunan kenderaan berkuasa elektrik dan Encr8tor Technologies Sdn. Bhd. bagi inkubasi industri enkripsi data,” ujar beliau.

Majlis menyaksikan Anugerah Akademik Universiti (AAU) kategori Kejuruteraan dimenangi Siti Noraishah Ismail dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Sains Gunaan dimenangi Dr. Mohamad Fadli Zolkpi dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan kategori Sains Sosial Gunaan dimenangi Yong Ying Mei dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Manakala seramai 53 orang menang Anugerah Cendekia Bitara bagi kategori penerbitan jurnal (33), produk penyelidikan (9), Geran Paten (3), Kualiti (1) Kreativiti (1) dan Geran Antarabangsa (2).



# Ketua Pegawai Eksekutif TNB dilantik jayakan *CEO@Faculty Programme*

Oleh: JULIANA ALI

Pada 8 Ogos 2016 yang lalu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Ir. Azman Mohd bersama delegasi TNB ke kampus universiti susulan pelantikan beliau sebagai *CEO@Faculty Programme* oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 15 Mac 2016 lalu.

Antara tugas CEO yang dilantik untuk *CEO@Faculty Programme* adalah berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkaitan dunia korporat bersama staf UMP.

Selain itu, terdapat juga program bersama pelajar bagi membentuk serta membimbing dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan dan pembangunan sahsiah secara holistik.

Kunjungan ini memberi peluang Datuk Seri Ir. Azman berbincang bentuk kolaborasi yang bakal dijalankan antara UMP dan TNB bagi memastikan agenda *CEO@Faculty Programme*

ini dapat direalisasikan. Hadir sama Timbalan Pengurus Kumpulan Sumber Manusia TNB, Dato' Mohamad Razif Abdul Rahman.

Menurut Datuk Seri Ir. Azman, pihak TNB berpandangan program *CEO@Faculty Programme* ini merupakan satu program yang memberi impak positif kepada pelajar dan pihaknya bersedia untuk menjayakan kerjasama ini.

"Saya juga melihat UMP mempunyai banyak potensi dan mempunyai acuan yang tersendiri dalam kalangan universiti teknikal di Malaysia selain mempunyai strategi untuk memastikan pelajar mendapat tempat di pasaran setelah bergraduasi," katanya.

Dalam perbincangan, Dato' Mohamad Razif Abdul Rahman turut berkongsi tentang kriteria graduan yang berpotensi menjadi pilihan pihak TNB.

Katanya, kecemerlangan akademik

sahaja tidak menjadi jaminan utama untuk mendapatkan tempat dalam alam pekerjaan tetapi penekanan kepada kecemerlangan softskills juga turut dititikberatkan.

Sementara itu, Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berharap semoga jalinan antara UMP dan TNB ini menjadi penanda aras dalam melahirkan pelajar yang berpotensi.

Beliau turut menyampaikan Sijil Watikah Pelantikan kepada Datuk Seri Ir. Azman yang dilantik sebagai Profesor Adjung di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) selama setahun sehingga 8 Ogos 2017.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob dan Pengurus Besar Komuniti dan Kebajikan TNB, Wan Amizan Wan Yunus.



# 3 pelajar terima Biasiswa Konfusian bagi Program Mobiliti Bahasa Mandarin Musim Panas

Oleh: YONG YING MEI

Tiga orang pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dianugerahkan Biasiswa Konfusian bagi mengikuti Program Mobiliti Bahasa Mandarin Musim Panas 2016 di Tianjin Universiti, China selama satu bulan bermula 14 Julai hingga 15 Ogos 2016 yang lalu.

Mereka adalah Zulhilmi Mohd, Hairul Bariyah Mohammad dan Ramizah Liyana Rosdiansah. UMP ialah satu-satunya universiti Malaysia mendapat Biasiswa Konfusian dan kali pertama warga Malaysia memperoleh biasiswa bagi mengikuti program ini.

Menurut Pengarah Pusat Kebudayaan dan Bahasa Mandarin (MLCC) universiti ini, Yong

Ying Mei, walaupun MLCC hanya mempunyai dua orang guru bahasa Mandarin, tetapi usaha guru-guru bahasa Mandarin tempatan di UMP telah banyak membantu calon universiti ini membuat persediaan yang terbaik bagi permohonan biasiswa program ini.

"Pelajar yang berjaya memperoleh biasiswa program ini menunjukkan usaha dan kemajuan yang amat memberangsangkan dalam pembelajaran bahasa Mandarin."

"Kursus MLCC yang dianjurkan ialah kursus yang tiada kredit. Ianya hanya sebagai kursus lanjutan kepada pelajar yang ingin terus mempelajari bahasa Mandarin selepas mengikuti kursus bahasa Mandarin yang sebagai bahasa asing yang berkredit."

"Kebanyakan kursus MLCC diajar oleh guru bahasa Mandarin China yang mana MLCC ialah projek kerjasama melibatkan Hebei Universiti, China sejak tahun 2011," katanya.

Bagi Hairul Bariyah yang merupakan pelajar dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), beliau tidak menyangka mendapat biasiswa program ini. Beliau telah memilih kursus bahasa Mandarin sebagai kursus bahasa asing yang berkredit di UMP dan mengikuti kursus selama dua semester.

Selepas itu, beliau mengikuti kursus praktikal seni budaya Cina yang tiada kredit anjuran MLCC bagi meningkatkan pengetahuan tentang seni budaya Cina.

Menurut pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Zulhilmi pula, beliau mempunyai keinginan untuk menguasai

bahasa Mandarin selepas mengikuti kursus bahasa Mandarin yang berkredit di UMP untuk meningkatkan peluang pekerjaan pada masa depan.

Malahan beliau menggunakan masa lapang untuk terus belajar lebih dengan mengikuti Kursus Pertuturan Bahasa Mandarin yang tiada kredit anjuran MLCC.

Manakala bagi pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Ramizah, beliau telah mengikuti kursus Intensif HSK yang tiada kredit anjuran MLCC pada masa lapang.

Biasiswa Konfusian untuk Program Mobiliti Bahasa Mandarin Musim Panas 2016 ialah satu program pembelajaran Bahasa Mandarin bagi pelajar bukan Cina dianjurkan Ibu Pejabat Intitut Kongzi, Beijing, China (HANBAN) dengan kerjasama 26 buah Universiti China yang terpilih.

Tujuan program ini adalah menggalakkan warga asing dari seluruh dunia mempelajari bahasa Mandarin. Mereka diberi peluang menyertai program mobiliti ke China secara percuma.

Calon yang terpilih akan mengikuti kursus di negara China selama sebulan. Biasiswa ini akan menanggung yuran pelajaran dan kos kehidupan pelajar semasa di negara China.

Calon-calon permohonan bisiswa ini dikehendaki mencapai ujian kefasihan bahasa Mandarin (HSK) dengan cemerlang dan lulus penilaian pertama yang dalam bentuk temu duga dan penilaian kedua yang dalam bentuk menulis anjuran HANBAN.



# UMP terima 2,153 mahasiswa baharu

Seramai 2,153 mahasiswa baharu ditawarkan tempat bagi mengikuti 25 program pengajian lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan setaraf bagi sesi akademik 2016/2017 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung pada 28 Ogos 2016 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, mahasiswa baharu yang mendaftar masuk UMP untuk melanjutkan pengajian mulai Sesi 2016/2017 ini juga bakal berpeluang memohon biasiswa UMP yang buat pertama kalinya diperkenalkan pada tahun ini menerusi dana *MyGift*.

"Mahasiswa yang mempunyai latar belakang keluarga yang miskin tetapi memiliki keputusan yang cemerlang untuk meneruskan pengajian di UMP serta memenuhi kriteria dan memenuhi syarat-syarat kelayakan asas dan juga khusus yang ditetapkan universiti layak untuk memohon dan menerima bantuan bantuan yuran pengajian mereka."

"Selain itu, menerusi inisiatif program *MyGift* juga, satu Skim Bantuan Insentif Pendidikan bernilai RM 1,000 bagi seorang mahasiswa diluluskan untuk manfaat sepuluh mahasiswa baharu yang menghadapi masalah kewangan yang mendaftar hari ini," katanya.

yang menyampaikan sumbangan insentif kepada pelajar.

"Bantuan ini yang akan disaring di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) bertujuan membolehkan para mahasiswa baharu yang mempunyai masalah kewangan yang mendesak menyediakan keperluan berkaitan bagi memulakan pengajian di sini," katanya.

Pada hari pendaftaran juga, pihak JHEPA telah menyediakan kaunter runding melibatkan petugas dari Jabatan Bendahari, Bahagian Pengurusan Akademik dan Unit Pembiayaan dan Kebajikan Pelajar bagi membantu memberi nasihat dan runding cara bagi pelajar yang mempunyai masalah berkaitan yuran pengajian dan sebagainya.

Selain itu, seramai 19 pelajar antarabangsa dari negara Sudan, Yemen, Somalia dan Indonesia telahpun mendaftar pada 26 Ogos lalu bagi kemasukan kali ini.

Sepanjang Minggu Induksi Siswa 2016, mahasiswa turut mengikuti program Majlis Amanat Naib Canselor dan IkRAR, Program Mahasiswa Sihat 1 Malaysia, Diskusi Mahasiswa Cakna, info pembiayaan dan kebijakan pelajar dan Info Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) serta taklimat akademik.



# UMP lancar Ind-E- Zone pusat sehenti perkhidmatan kerjaya

Naib Canselor Universiti Malaysia PAhang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah melancarkan Zon Pembabitan Industri (*Industry Engagement Zone* ataupun Ind-E-Zone), hasil kerjasama strategik di antara Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan UMP pada Majlis Perasmian Karnival Kerjaya UMP yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 13 Mei 2016 yang lalu.

Ditubuhkan oleh TalentCorp untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui usaha sama antara pihak industri dan akademik, pusat sehenti Ind-E-Zone ini membolehkan mahasiswa bertemu dengan pihak industri bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai kerjaya ataupun penempatan latihan industri.

Di samping itu, pusat tersebut juga menawarkan pelbagai aktiviti seperti Pembabitan Industri, Sesi Jalinan Kerja, Ceramah Kerjaya dan Sesi Perkongsian bersama para majikan untuk membantu pelajar membuat keputusan kerjaya yang lebih bermaklumat.

Pada masa ini, empat mahasiswa dilantik sebagai avenger yang dilantik pihak TalentCorp sebagai duta kampus. Mereka adalah Muhammad Ameen Abdul Aziz, Muhammad Qaiyyim Muhammad Haniff, Foo Kathleen dan Nor fashilin Azhar.

Majlis dihadiri Ketua Jabatan Pembangunan

Modal Insan Malaysia (Kebolehpasaran Graduan) Talent Corp. Siti Norliza Mohd. Sahar; Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob; Pengarah Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya, Dato' Jeffrey Khor Chooi Beng dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Perancangan dan Hubungan Industri Jabatan Pendidikan Tinggi, Subramaniam Krishnasamy.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, hubungan baik antara universiti dan industri ini penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan (GE) dengan memastikan kurikulum yang dirangka dapat memenuhi kehendak industri.

"Dalam memenuhi keperluan industri dan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkenalkan Sistem Bersepadu Purata Penilaian Gred Kumulatif Bersepadu (ICGPA) yang bakal dilaksanakan di universiti ini. Turut sama dipilih Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

"Pelaksanaan ICGPA ini menekankan lapan aspek iaitu ilmu pengetahuan dan kemahiran; kemahiran praktikal; kemahiran sosial dan kebertanggungjawaban; kemahiran profesional; nilai dan etika; komunikasi; penyelesaian masalah; pengurusan maklumat;

keusahawanan dan perpaduan dan patriotism.

"Pelaksanaan sistem ini mampu mampu memenuhi kehendak industri moden masa kini yang memerlukan graduan bukan hanya bijak akademik, tetapi berketerampilan dalam kemahiran insaniah dan kemahiran interpersonal. UMP juga komited mengerakkan usaha ini di peringkat fakulti, pusat-pusat tanggungjawab dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) seperti yang ditetapkan dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020," ujar beliau

Karnival Kerjaya UMP yang berlangsung dua hari itu merupakan acara kemuncak bersempena Bulan Kerjaya yang melibatkan ceramah kerjaya, Program Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) dan Bicara Usahawan bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan mencari bakat berpotensi serta berpeluang mendapatkan input-input baharu mengenai kehendak industri.

Sebanyak 40 syarikat yang menyediakan lebih 5,000 peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam sektor masing-masing. Antara syarikat tersebut adalah TalentCorp Malaysia, Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd., UMP Advanced Education, Motorola Solutions (M) Sdn. Bhd., TT Electronics, Jobs Malaysia.com, Great Eastern Life Assurance (M) Sdn. Bhd., Jobstreet.Com, Polyplastics Asia Pacific Sdn. Bhd. dan Bosch (M) Sdn. Bhd.



## FKKSA terima 5 pelajar mobiliti dari Indonesia dan China

Seramai lima orang pelajar dari Universiti Ahmad Dahlan (UAD), Indonesia dan Guizhou University of Engineering Science (GUES), China mendaftar di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai pelajar mobiliti dalam Program Pertukaran Pelajar Antarabangsa antara UAD dan GUES pada 7 September 2016 yang lalu.

Pelajar-pelajar ini akan menghadiri sesi kuliah di FKSSA selama satu semester bermula 7 September 2016 sehingga 30 Januari 2017.

Program ini merupakan langkah proaktif yang dilaksanakan FKSSA dalam melaksanakan agenda pengantarabangsaan UMP iaitu menggalakkan kerjasama dua hala dengan pihak antarabangsa dalam meningkatkan kualiti akademik universiti.

Di samping itu juga, ia bertujuan mengukuhkan kualiti akademik dan penjenamaan UMP di peringkat antarabangsa serta mampu memperkemaskan lagi dan memperkuatkan jaringan dana hubungan antara rakan universiti antarabangsa.



# UMP anjur seminar SMEE kongsi kepakaran dalam bidang Kejuruteraan

Penganjuran Seminar Engineer Subject Matter Expert Exchanges (SMEE) hasil kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama pihak US Pacific Fleet (USPACFLT) menggalakkan perkongsian kepakaran dalam bidang kejuruteraan awam dan sumber alam melibatkan organisasi antarabangsa.

Hadir merasmikan seminar, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Turut hadir Laksamana Pertama Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia, Abu Bakar Mohd. Ajis yang merupakan Pengarah Latihan Pacific Partnership 2016, Komander Latihan Pacific Partnership 2016, Kapten Thomas Williams dan Dekan, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Dr. Mohamad Idris Ali.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, penganjuran seminar ini memberikan ruang yang lebih luas terhadap prospek kerjasama baru melibatkan pihak UMP dengan rakan strategik dari ATM dan Tentera Laut Amerika Syarikat pada masa hadapan.

"Melihat kepada skop wacana edisi SMEE kali ini, salah satu isu yang akan diberi perhatian ialah bantuan bencana. Perbincangan mengenai perkara itu adalah suatu yang sangat penting apatah lagi bencana seperti banjir besar yang sering melanda

negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang pada Disember 2013," katanya dalam majlis yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 8 Ogos 2016 yang lalu.

Ujar beliau, tidak dapat dinafikan kesan terhadap kejadian banjir besar juga telah membuka mata ramai, terutama dalam konteks menguruskan bantuan bencana dan bantuan kemanusiaan dengan cara yang lebih sistematis dan bersesuaian.

"Malahan kaedah pengurusan banjir di daerah Kemaman yang terletak di negeri Terengganu dijadikan penanda aras untuk pengurusan banjir yang disifatkan mencapai piawaian standard operasi (SOP) dalam menangani bencana itu dan pada masa ini merupakan penanda aras terhadap negeri-negeri lain di Malaysia.

"Saya percaya penganjuran seminar ini akan dapat dimanfaatkan dari segi menambah baik SOP yang sedia ada dari segi teknikal, kapasiti logistik dan sumber tenaga untuk menangani bencana alam pada masa akan datang."

"Universiti ini juga telah terlibat secara langsung dalam penyelarasan membabitkan pengurusan sukarelawan dan misi kemanusiaan dari seluruh Institusi Pengajian

Tinggi (IPT) seluruh negara sejak tahun 2011.

Selain itu, dalam menghadapi cabaran ini, UMP melalui FKASA dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan komited dalam mendapatkan kaedah penyelarasan yang sesuai dengan amalan dan dasar dalam sistem pengurusan bencana semasa untuk mengurangkan risiko dan ancaman bencana banjir pada masa hadapan.

Seminar empat hari itu menyaksikan seramai 200 peserta dalam kalangan akademik dan organisasi luar berkongsi kepakaran. Antara pembentang kertas kerja adalah Lieutenant Commander Robert Bob Olsen, Peng, NAVFAC Pacific US Navy yang menyampaikan perkongsian tentang Taufan Haiyan, Ribut Sandy dan Taufan Katrina.

Dalam masa yang sama, pensyarah UMP turut berkongsi kepakaran dalam menangani bencana, antaranya Noram Irwan Ramli yang menyampaikan tajuk 'Disaster Risk Management Using GIS' dan Dr. Mohamad Idris Ali dengan tajuk 'Flood Hazard in Peninsular Malaysia'.

Turut hadir dalam pembentangan Profesor Madya Dr. Oceana Puananie Francis dari Jabatan Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, University of Hawaii dan Ketua Jurutera, Menara Jam Diraja Mekah, Wan Nazri Wan Aria.



# UMP dan MBM lancar Program 1B1K-UMP untuk belia

Dalam merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui UMP Advanced Education (UAE) bekerjasama menjayakan satu program baharu iaitu 1B1K-UMP Kompeten: TVET Berasaskan Pembelajaran Sepanjang Jayat (PSH).

Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Khairy Jamaluddin bersempena Majlis Konvokesyen Ke-4 bertempat di Dewan Seri Endon, Puspanita, Putrajaya pada 10 Mei 2016 yang lalu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berbahagia Dato' Lokman Hakim Ali, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Presiden Belia Malaysia, Muamar Ghadafi Jamal Datuk Wira Jamaludin dan Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohd Rozi Hassan.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program PSH yang dibangunkan ini bertujuan untuk memperkembangkan ilmu dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan sumber manusia sedia ada dalam sektor industri tertentu yang dilaksanakan secara eksekutif.

"Dalam fasa menjana kegembilan, UMP mengorak langkah mengembangkan potensinya dengan memperkenalkan satu

inisiatif terhadap pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Usaha ini dapat dilihat sebagai menyokong langkah kerajaan terhadap ekosistem TVET nasional secara berkualiti dan berinovasi," katanya.

Manakala menurut Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohd Rozi Hassan, pihaknya menawarkan pendidikan TVET berdasarkan PSH ini dalam empat peringkat iaitu Sijil, Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana manakala sebanyak 21 program yang ditawarkan merupakan Program TVET.

"Program ini mensasarkan peserta yang sedang berkerja namun ingin menyambung pelajaran bagi tujuan untuk meningkatkan kelayakan akademik yang lebih tinggi.

"Tenaga pengajar adalah terdiri daripada staf UMP sedia ada dan melibatkan tenaga pengajar lain termasuk dari IPT lain serta industri yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan," katanya.

Bagi peserta, Nur Atikah Abdullah, 31 yang bertugas di Syarikat Furley Bloextracts Sdn. Bhd. kini sedang mengikuti jurusan Diploma Profesional Pengurusan Operasi Industri di UAE, UMP.

Beliau telah lama berhasrat untuk menyambung pelajaran dan mengharapkan dapat meningkatkan kerjayanya pada masa akan datang.





## Teroka ilmu baharu dengan kemahiran penyelesaian masalah TRIZ

Seramai 250 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengikuti Program TRIZ yang bertajuk "Secret Hack For Graduate anjuran Contemporary Leadership in Community (UHE3012) dengan kerjasama Jabatan Kemahiran Insaniah, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) bertempat di Dewan Kuliah Utama PBMSK, UMP Pekan pada 6 Mei 2016 yang lalu.

Menurut Pengarah Program, Imaduddin Abidin yang merupakan Pensyarah PBMSK, berkata, Teoriya Resheniya Izobreatatelskikh Zadatch (TRIZ) merupakan akronim dalam bahasa Rusia yang maknanya dalam bahasa Inggeris "Theory of Inventive Problem Solving" (TIPS) ataupun dalam bahasa Melayu iaitu Teori Penyelesaian Masalah Secara Inventif.

"Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar UMP untuk menyelesaikan masalah secara inventif iaitu TRIZ. Pihak PBMSK bakal menawarkan TRIZ sebagai salah satu subjek elektif pada semester yang akan datang. Dengan ini, pelajar UMP mempunyai peluang untuk meneroka ilmu baharu dan kemahiran penyelesaian masalah TRIZ," katanya.

Program kali ini dihadiri Dr. Zulhasni Abdul Rahmin dari PROTON yang mempunyai pengalaman selama lima tahun dalam TRIZ dengan tahap Matriz 3 bagi berkongsi kepadarannya bersama pelajar UMP.

Beliau juga merupakan penasihat teknikal bagi Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

dan kini sedang berkhidmat sebagai Penolong Pengurus di Jabatan Transformasi di PROTON.

Dalam ceramahnya, Dr. Zulhasni Abdul Rahmin berkongsi mengenai fungsi TRIZ dan kelebihan TRIZ yang diperkenalkan oleh Genrich Altshuller, Pegawai Tentera Laut Rusia. Penyelidikannya lebih daripada 200,000 paten mendapat masalah yang sama berulang-ulang dalam industri yang berbeza dan penyelesaiannya telah lama wujud.

"Oleh sebab kebanyakan masalah yang wujud telah mempunyai penyelesaian yang sedia ada, dan bukannya sumbang saran untuk penyelesaian baharu atau tertentu, masalah ini boleh diselesaikan dengan menggunakan penyelesaian yang sama.

"TRIZ merupakan satu kaedah bagi mencipta inovasi dalam produk, sistem, kaedah dan sebagainya secara sistematik. Caranya ialah dengan menyatakan sesuatu masalah secara umum, kemudian menggunakan kaedah penyelesaian secara umum, sesudah itu memfokus kepada masalah khusus dan penyelesaian khusus. Ini disebut sebagai Masalah Inventif (*Inventive Problem*).

"Dalam TRIZ terdapat 39 parameter, 40 Prinsip Inventif dan 76 penyelesaian yang piawai (*standard*) yang dapat membantu kita mencipta inovasi dan seterusnya memberikan tambah nilai kepada produk, sistem, kaedah dan sebagainya. TRIZ telah memasuki berbagai bidang dan hampir semua bidang

kegiatan manusia walau pun ianya bermula dari bidang Kejuruteraan," katanya.

Beliau mengharapkan peserta akan mempelajari teknik ini bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh diri sendiri atau organisasi tempat mereka bekerja menerusi kaedah ini.

Tambahnya lagi, selain itu, trend teknologi dalam bidang yang berbeza berkembang ke arah yang sama. Oleh itu, kebanyakan inovasi dalam bidang tertentu datang dari luar kawasan domain.

Beliau turut memberi memberi kita contoh inovasi penukar haba ada pada automobil menggunakan idea yang sama dengan membakar kek. Dengan penjelasan dengan contoh yang mudah difahami, para pelajar dapat memahami dengan mudah tentang TRIZ. Dengan mempunyai 39 parameter bercanggah am dan 40 prinsip negeri dalam TRIZ.

Selain itu, beliau turut memperkenalkan matriks percanggahan, yang boleh digunakan untuk menganalisis masalah dan sepadan dengan penyelesaian yang paling sesuai.

Ceramah tersebut telah diteruskan dengan menerangkan kepentingan dan kelebihan TRIZ dalam inovasi dan mengapa graduan perlu mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah TRIZ. Dr. Zulhasni menegaskan bahawa graduan perlu melengkapkan diri dengan tiga kemahiran TRIZ, iaitu fungsi, masalah analisis dan berpandangan jauh.



# CAIC anjur Bengkel Penyediaan & Pembangunan Laluan Kerjaya Staf Akademik

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN

Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Universiti Malaysia PAhang (UMP) menganjurkan Bengkel Penyediaan & Pembangunan Laluan Kerjaya Staf Akademik pada 26 Julai yang lalu di UMP Pekan bagi menentukan haluan dalam kerjaya akademik staf UMP yang akan memperkasa perancangan universiti pada masa hadapan.

Pelaksanaan laluan kerjaya pelbagai trek staf akademik ini dijangka dapat dilaksanakan seawal-awalnya pada tahun 2017 nanti.

Pembangunan laluan kerjaya staf akademik ini adalah merupakan salah satu agenda di bawah Lonjakan 5 di bawah KPI 5 iaitu Memartabatkan Kecemerlangan Bakat yang terkandung dalam Pelan Strategik UMP 2016 -2020 dan juga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)

PPPM (PT) 2015 – 2025 di bawah Lonjakan 2 – Kecemerlangan Bakat.

Bengkel berkenaan dikendalikan oleh Pengarah CAIC, Dr. Mohd Rusliim Mohamed, Timbalan Pengarah Unit Inovasi Amalan Terbaik (UIAT) CAIC merangkap Ketua Inisiatif, Dr. Nasratun Masngut dan juga Enabler Lonjakan 5 – KPI 5 (a), Profesor Dr. Jamil Ismail dan dihadiri seramai 50 orang peserta bengkel yang telah dipilih bagi membangunkan laluan kerjaya ini.

Menurut Dr. Mohd Rusliim, dalam menjayakan program peserta bengkel telah dibahagikan kepada empat kumpulan mewakili setiap laluan kerjaya bagi membangunkan kriteria dan meletakkan pemberat iaitu laluan pengajaran (*teaching & learning track*), laluan penyelidikan (*research track*), laluan pengamal profesional

(*professional practitioner track*) dan laluan kepimpinan institusi (*institutional leadership track*).

"Penyertaan dalam bengkel ini melibatkan staf akademik pelbagai gred dan jawatan merangkumi kumpulan Pensyarah (gred DS), Guru Bahasa (gred DG) dan Pegawai Latihan Vokasional yang telah diperkasakan skimnya daripada gred J kepada gred DV," katanya.

Sementara itu, Profesor Dr. Jamil selaku pemudah cara turut menekankan penyediaan laluan kerjaya pelbagai trek ini amat penting bagi menghargai kepelbagaiannya dan kebolehan setiap staf akademik.

Tambahan pula, untuk setiap kriteria, pemberat dan KPI yang dibangunkan perlulah realistik dan munasabah untuk dicapai disamping memaparkan tahap kesarjanaan yang bersesuaian dengan gred dan jawatan.



# UMP hasilkan Portal e-Dagang Wanita Mall bantu usahawan wanita

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pahang (JPW) menghasilkan Portal e-Dagang Wanita Mall bagi usahawan wanita memasarkan produk-produk perniagaan mereka dalam satu portal yang mudah diakses.

Perasmian portal disempurnakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim dalam Majlis Perasmian Penutup Festival Dari Wanita Untuk Wanita 2016 Negeri Pahang yang berlangsung di Dataran Temerloh pada 23 Mei 2016 yang lalu.

Majlis dihadiri Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, Dato' Hajah Shahaniza Shamsuddin dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dato' Sri Rohani berbangga dengan usaha JPW Negeri Pahang yang memulakan inisiatif dengan kerjasama pihak UMP dalam membangunkan Wanita Mall adalah satu sistem yang digunakan untuk membangunkan Portal e-Dagang untuk usahawan wanita, terutamanya di kawasan luar bandar bagi meningkatkan produktiviti serta memasarkan produk mereka.

"Usaha yang baik ini boleh dikongsikan dengan wanita lain seluruh negara dalam usaha membantu usahawan lain memajukan perniagaan masing-masing," ujar beliau.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, UMP telahpun mengadakan beberapa siri dan bimbingan kepada golongan usahawan dan ibu-ibu tunggal dari seluruh negeri Pahang dan kesinambungan daripada itu timbulnya satu idea membangunkan portal yang boleh membantu kalangan mereka ini dalam memasarkan produk perniagaan masing-masing.

"Sistem penghasilan Portal e-Dagang ini adalah hasil usaha penyelidik-penyeledik dari Pusat Kecemerlangan IBM bersama Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) yang diketuai oleh Pengarah Pusat Kecemerlangan IBM, Dr. Mohamed Ariff Ameedeen.

"Program ini merupakan salah satu usaha UMP dalam memasyarakatan teknologi selaras dengan perancangan dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020," katanya.

Manakala bagi Dr. Mohamed Ariff berkata, pada masa ini terdapat ramai usahawan wanita yang bermiaga secara kecil-kecilan di dalam komuniti masing-masing, walaupun bermiaga menggunakan laman sosial adalah salah satu cara mendapatkan pelanggan-pelanggan yang baharu, luar dari kawasan masyarakat tempatan, ianya tidak ideal bagi menjalankan operasi jual-beli antara pelbagai pihak.

"Biasanya timbul permasalahan seperti apakah platform yang paling ideal untuk

tujuan jual-beli seperti ini? Portal-portal e-Dagang kini boleh didapati dengan mudah, namun bayaran yang dikenakan oleh perek-perek laman web bagi menghasilkan portal e-Dagang adalah sangat tinggi.

"Sebuah portal biasa yang tidak boleh diubah suai sudahpun mencecah harga RM5,000. Apabila dimasukkan kos pengubahsuaian, pangkalan data, security certificates dan sebagainya, harga ini boleh melonjak lebih daripada RM 10,000.

"Melalui sistem ini, usahawan-usahawan kecil tersebut boleh menghasilkan sendiri portal e-Dagang secara mudah, tanpa memerlukan ilmu pembinaan laman web," ujarnya.

Katanya, dengan hanya menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh sistem ini, mereka boleh mereka bentuk portal mereka sendiri dan mengubah suai portal tersebut mengikut kesesuaian masing-masing. Sekiranya berpuas hati dengan portal yang mereka hasilkan, mereka dapat memuat naik portal mereka terus ke web server yang disediakan, dengan hanya menekan sebuah butang.

Selain itu, setiap portal yang dihasilkan juga akan disertakan dengan pangkalan data, modul pembayaran, modul-modul keselamatan serta pelbagai modul lain. Portal ini sangat mudah digunakan dan sesuai bagi golongan bukan IT.



# UMP menang anugerah khas MIPA dan 13 emas dalam ITEX 2016

Oleh: MOHD. SHAHRI MOHD. AKHIR

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meraih kejayaan besar dengan meraih 13 pingat emas dan satu Anugerah Khas Malaysia Innovative Products Award (MIPA) serta tujuh pingat perak dan dua pingat gangsa dalam *International Invention & Innovation Exhibition (ITEX)* ke-27 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 14 Mei 2016 yana lalu.

Produk *PISOPTERA: The Green Technology Solution for Eliminate Termite* oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) iaitu Abdul Syukor Abd. Razak menerima pingat emas dan Anugerah MIPA yang merupakan anugerah yang diberikan kepada produk-produk yang telah berjaya dikomersialkan di Malaysia dan juga telah mendapat pingat emas pada pertandingan ITEX tahun sebelumnya.

Tiga pingat emas disumbangkan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) iaitu Dr. Devarajan A/L Ramasamy dengan projek *Dissimilar CAM Profile for CNG Engine*, Dr. Muhamad Mat Noor

dengan projek *Novel Combustion of N- Heptane Fueled in Homogenous Charge Compression Ignition Engine* dan Dr. Saiful Anuar Che Ghani dengan projek *Wrehab - A Rehab Device to assist wrist recovery of Traumatic Brain Injury Patient*.

Tiga lagi pingat emas diraih penyelidik Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Dr. Sumaiya Zainal Abidin@Murad dengan projek *Sulphonated Hypercrosslinked Exchange Resin (SHER) as Catalyst in Reaction Processes* dan Mohd Najib Razali dengan projek *Eco-Friendly Modified Bitumen from Industrial Wastes (From Waste to Wealth)*. Dr. Vo Nguyen Dai Viet dengan projek *Multi-Functional Modified Ni/SBA-15 CATALYST for Syngas production from Various H-Cointaining Compounds*.

Pingat emas turut dimenangi Dr. Essam Abdellatif Makky dengan projek *Mouthwash Vs OP: Reality & Improvement*, Profesor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan projek *Online Deep Drilling Monitoring Assessment Tool (ODDMAT)*,

Profesor Dr. Abdullah Ibrahim dari Fakulti Pengurusan Industri (FIM) dengan projek *Development of Mathematical Models for Quantitative Risk Assessment in Petroleum Refining Industry*, Profesor Madya Dr. Mazlina Abdul Majid dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dengan projek *Colour Scheme Assessment Tool (COSAT)*, Dr. Intan Suhana Mohd Razelan dari FKASA dengan projek REAP: Road Enviroment Assessment Program dan Muhammad Ikram Mohd Rashid dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dengan projek *Split Plug-In Hybrid Electric Car Conversion Kit*.

Pingat perak pula dibawa pulang oleh Profesor Madya Dr. Ruzaini Abdullah Arshah dari FSKKP dengan projek *Dashboard Model for Social Research Network Sites*, Dr. Muhammad Nomani Kabir dari FSKKP dengan projek *A Web Extension for Authentication of Online Hadish Texts*, Profesor Madya Dr. Fahmi Samsuri dari FKEE dengan projek *Farmer Digital Expert Assistant System and Future Prospective*,

Dr. Ngien Su Kong dari FKASA dengan projek *Contalisis*, Dr. Mohd Hafizi Zohari dari FKM dengan projek *Smart Monitoring of Composite Structure (SMOCS)*, Mohd Shafierul Zaman Abdul Majid dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan projek *Mobile Technical English Module (MOTEM)*, dan Profesor Madya Dr. Maksudur Rahman Khan dari FKKSA dengan projek *Photosynthesis: Turn CO<sub>2</sub> into Fuel*.

Pingat gangsa pula telah disumbangkan melalui dua projek iaitu HUFFAZ-M oleh Dr. Rashidi Abbas dari PBMSK dan Ir. Dr. Faiz Mohd Turan dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan projek *Sustainable Design Concept Evaluation (SDCE)*.

Booth UMP juga telah mendapat pingat perak bagi Best Booth Design untuk ITEX 2016 ini. ITEX 2016 (27th International Invention & Innovation Exhibition) yang berlangsung selama tiga hari itu telah dirasmikan oleh oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia, Datuk Seri Panglima Madius Tangau.



# Penyelidik FKP hasilkan alat bantuan tulang patah

Melihat kepada kos yang tinggi pada alat bantuan tulang patah bagi kegunaan orang yang mengalami patah dibahagian buku lali, mendorong penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) mencipta inovasi alat bantuan tulang patah dengan harga yang lebih murah dan ringan.

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pascasiswazah), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Dr. Zamzuri Hamedon berkata, idea inovasi tercetus apabila seorang rakannya yang terlibat dengan kemalangan dan mengalami patah di bahagian buku lali.

Justeru doktor menasihatkan rakannya untuk menggunakan alat bantuan pemulihan Fixator. Namun katanya, pihak insurans tidak menanggung kos alatan tersebut dan beliau sendiri tidak mampu untuk membelinya kerana alat tersebut mencecah ribuan ringgit.

"Sejak kejadian itu, saya terpikir kenapa

tidak keluarkan barang yang begitu dengan harga yang mampu milik terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah kerana alatan tersebut tidaklah menggunakan teknologi yang tinggi untuk dihasilkan.

"Kebetulan sahabat saya adalah *orthopedic surgeon* di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM). Kami berbincang, bertukar idea dan akhirnya terhasillah External Hinge Fixator," katanya.

Tambahnya lagi, kajian ini berkaitan dengan *biomechanic*, alat bantuan perubatan bagi penyembuhan tulang yang patah. Kajian ini bermula sejak tahun 2007 namun berhenti seketika apabila beliau melanjutkan pengajian kedoktorannya (PhD) ke Jepun pada tahun 2010. Namun menyambung semula penyelidikan ini selepas tamat pengajian PhD pada tahun 2014.

Menurut Dr. Zamzuri, alat ciptaannya ini lebih ringan dan mudah digunakan berbanding dengan yang telah ada di pasaran. Penghasilan penyelidikan ini adalah bagi kemudahan pengguna yang berpendapatan rendah.

"Alat ini digunakan terutama bagi mereka yang mengalami kerosakan sendi akibat kemalangan, berfungsi sebagai sendi sementara proses penyembuhan. Jika digunakan simen maka sendi akan keras dan kaku menghalang fungsi harian dan penyembuhan tidak sempurna seperti

sediakala," ujarnya.

Tambahnya lagi, berdasarkan objektif pembuatan alat ini adalah sebagai alternatif kepada peralatan yang di import, selain dari menghasilkan peralatan yang mampu milik.

Bagi perancangan masa akan datang, pihaknya bercadang untuk bekerjasama dengan hospital seluruh Malaysia dengan meletakkan beberapa set alatan ini untuk digunakan kepada pesakit.

Dalam masa terdekat ini beliau sedang berusaha mendapat persetujuan dari beberapa hospital swasta bagi memperkenalkan kelebihan alatan ini kepada *orthopedic surgeon* mereka, dengan harapan alatan ini akan menjadi alternatif kepada yang mereka gunakan sekarang.

Bagi tujuan pembangunan prototaip pula, pihaknya telah bekerjasama dengan *orthopedic surgeon* dari Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) hasil kerjasama dengan Dr. Badrul Akmal Hisham, namun selepas ini kami akan berusaha mencari geran atau pelabur yang berminat bagi tujuan pembangunan secara komersial dan pemasaran di peringkat antarabangsa.

Hasil penyelidikan ini juga banyak mendapat beberapa pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa seperti pingat emas ITEX 08 dan dalam British Invention Show (BIS 2009) serta yang terbaru pingat emas PECIPTA 2015, Patent Granted.



# Penyelidik FKKSA hasilkan konkrit ringan dari sisa buangan industri

Produk yang dihasilkan oleh sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi hasil penyelidikan Zero Waste Cycle: POW Create meraih pingat perak kategori teknologi hijau dalam Pameran dan Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2016 bertempat di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Penyelidikan ini diketuai oleh Dr. Khairunnisa Muthusamy dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) itu berjaya menghasilkan konkrit ringan yang dihasilkan dengan menggunakan dua jenis

sisa buangan industri iaitu tempurung kelapa sawit sebagai aggregat kasar dan abu terbang kelapa sawit yang berfungsi mengurangkan penggunaan simen.

Menurut Dr. Khairunnisa, beliau bersama pelajar pascasiswazahnya, Nur Azzimah Zamri dan sekumpulan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam telah memulakan penyelidikan ini sejak tahun 2013 bagi mengintegrasikan dua jenis sisa pejal industri sawit ini dalam penghasilan bahan binaan konkrit ringan.

Ujarnya, idea ini tercetus kerana perkembangan industri pembinaan negara yang rata-rata menggunakan konkrit sebagai bahan binaan utama yang kandungan pentingnya adalah simen.

"Kajian telah menunjukkan bahawa industri pengeluaran simen menyumbang kepada pelepasan gas karbon dioksida yang banyak memberi kesan buruk bagi rumah hijau.

"Pada masa yang sama, industri sawit di negara kita juga turut menjana sisa pejal yang banyak dan kuantitinya semakin meningkat setiap tahun.

"Manakala abu terbang kelapa sawit yang dibuang di tapak pelupusan menyebabkan pencemaran alam dan akan memerlukan lebih banyak tapak pelupusan pada masa yang akan datang.

"Selain itu, tempurung kelapa sawit juga turut dihasilkan dalam kuantiti yang banyak serta memiliki ciri-ciri yang sesuai untuk digunakan sebagai batu baur ringan untuk membuat konkrit," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, dengan mengantikan bahan-bahan sisa ini dalam penghasilan konkrit ringan, iaanya dapat mengurangkan sisa yang dibuang ke tapak pelupusan.

"Selain itu, penggunaan abu terbang kelapa sawit sebagai bahan pengganti separa simen dapat mengurangkan penggunaan simen dalam pembuatan konkrit.

"Keunikan integrasi abu terbang ini adalah ia berjaya meningkatkan kekuatan dan ketahanlasakan konkrit berbanding konkrit yang dihasilkan dengan menggunakan simen sepenuhnya.

"Sehingga kini penyelidikan ini turut mendapat kerjasama daripada kilang sawit berdekatan dengan memberikan memberikan sisa buangan sawit untuk digunakan dalam penyelidikan tersebut dan juga kolaborasi dengan industri tempatan iaitu CCA System Sdn. Bhd," katanya.

Beliau berharap produk konkrit ringan mesra alam ini dapat dikomersialkan di negara ini sama ada dalam bentuk konkrit bancuh siap mahupun konkrit pra tuang.

Selain itu, kuantiti sisa industri sawit yang dibuang di tapak pelupusan juga akan dapat dikurangkan. Malahan, penggunaan simen yang mahal dan kurang mesra alam juga dapat dikurangkan.

Produk ini juga banyak memenangi anugerah lain seperti berjaya meraih pingat emas di Pertandingan Pameran Kreativiti, Inovasi dan Penyelidikan (CITREX 2016) dan International Festival Innovation On Green Technology 2016 (I-FINOG).



# Penyelidik FSTI temui sumber gula glikosaminoglikan halal untuk kegunaan perubatan dan kosmetik

Penyelidik dan juga Pensyarah Kanan, Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr. Nina Suhairy Azmi bersama pelajar Sarjana Bioteknologi Industri, Nurul Haida Idris berjaya menemui hasil penyelidikan hasil penemuan sumber gula *glikosaminoglikan* yang halal untuk bidang perubatan dan kosmetik menerusi sisa ikan pari dan ikan siakap.

Dr. Nina Suhairy berkata, penyelidikan yang telah dijalankan adalah berkaitan dengan *Glikosaminoglikan* (*mukopolisakarida*) terdiri atas sejumlah rantai karbohidrat kompleks yang dicirikan oleh kandungan gula amino dan asam-asam uronatnya.

Katanya, *Glikosaminoglikan* bergabung dengan unsur-unsur pembentuk struktur jaringan seperti tulang, elastin, dan kolagen. *Glikosaminoglikan* terdiri daripada heparin, heparin sulfat, keratan sulfat, dermatan sulfat dan asid hialuronik.

“Dalam hasil kajian, pengekstrakan *glikosaminoglikan* telah dijalankan ke atas pelbagai jenis hidupan laut dan air tawar serta tumbuhan-tumbuhan herba yang mempunyai potensi yang tinggi di dalam dunia perubatan, kosmetik dan industri.

“Kajian penyelidikan gula *glikosaminoglikan* telah dijalankan semenjak tahun 2008. Walau bagaimanapun, pada ketika itu kajian yang dijalankan berdasarkan ‘synthesis of heparin sugar for drug delivery using nanoparticles approaches and biosensor’.

“Idea untuk menghasilkan kajian ini bermula tatkala mencari alternatif sumber yang halal untuk mendapatkan gula *glikosaminoglikan*.

Pada ketika ini, seluruh dunia menggunakan heparin yang diekstrak daripada babi. Dalam dunia perubatan, heparin banyak digunakan untuk mencegah dan mengatasi pembekuan darah,” katanya.

Katanya, fungsi heparin yang lain adalah untuk mengubati pembekuan darah di paru-paru, juga dapat digunakan setelah ‘surgery/operation’, ketika dialysis serta ketika seseorang tidak mampu bergerak pada masa yang lama.

Ujar beliau, pencarian sumber yang halal adalah fardhu kifayah dan beliau merasakan satu tanggungjawab untuk saya meneroka sumber-sumber yang halal yang sedia ada di Malaysia.

Maka bermulalah penerokaan sumber-sumber halal daripada sumber air masin dan air tawar untuk mendapatkan *glikosaminoglikan*.

Daripada hasil kajian, beliau mendapat sumber-sumber halal sedia ada mempunyai kandungan gula *glikosaminoglikan* yang agak tinggi.

Tujuan utama penyelidikannya adalah untuk menghasilkan halal heparin. Walau bagaimanapun, sepanjang kajian dijalankan, beliau juga telah menjumpai kompaun *glikosaminoglikan* yang lain yang berpotensi sebagai serum untuk rambut gugur, yang boleh juga menguatkan gentian rambut dan mengekalkan kesihatan dan kecantikan rambut yang diekstrak daripada spesis ikan pari yang tidak dimakan.

Produk ini iaitu *Glamequin Hair Serum* telah banyak memenangi pingat di peringkat nasional dan antarabangsa.

Di samping itu, kumpulan penyelidikannya juga telah menemui aktif kompaun daripada sisa siakap yang berupaya menolong mereka yang mengalami *osteoarthritis*.

Produk yang dibangunkan adalah dalam bentuk supplement yang penting kepada manusia dan juga binatang peliharaan seperti kuda, kucing dan sebagainya.

Katanya, sisa ikan siakap juga boleh digunakan untuk menghasilkan produk lain. Di antara produk yang telah dihasilkan untuk formulasi *joint health* adalah *joint spray for athletes and adults* yang dapat membantu mengurangkan kesakitan ketika diserang *osteoarthritis*. Penyelidikan ini juga turut diadakan dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

“Kini, kami sedang dalam proses untuk memasarkan produk-produk yang telah dihasilkan untuk kebaikan semua dan mmengharapkan semoga hasil kajian ini dan yang akan datang dapat memberi manfaat kepada semua golongan dan mudah-mudahan dengan penemuan-penemuan baharu di dalam Sains dan Teknologi,” ujar beliau.

Hasil penyelidikan ini juga berjaya menarik beberapa anugerah dari dalam dan luar negara seperti meraih Anugerah *Best Of The Best* di *Creation, Innovation, Technology & Research Exposition* (CITREX 2015), pingat Emas di (CITREX 2015) dan ITEX 2014, pingat Perak di Seoul International Invention Fair 2015, PEPISTA 2015 dan BioAsia 2014.



Perisian Iszuani Inazuma Jap dan buku Yasashii Nihongo bakal memperoleh geran penyelidikan bahasa Jepun yang disediakan oleh kerajaan negara matahari terbit itu sebagai usaha penarafan kepada penyelidik luar.

Guru Bahasa Jepun, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusian (PBMSK), Mohd Iszuani Hassan berkata, geran tersebut disediakan oleh beberapa pusat pembelajaran dan pendidikan di Gyoda, Jepun.

“Penyelidikan ini telah dibentangkan di hadapan Ahli Parliment Gyoda, Satoshi Yanase pada Mac lalu di Gyoda City Hall.

“Program ini adalah inisiatif di bawah Parliment Gyoda bagi merancakkan kerjasama dalam bidang pembelajaran dan pendidikan bahasa Jepun membabitkan penyelidik luar dengan penyelidik negara tersebut,” katanya.

Mohd Iszuani berkata, kerjasama tersebut juga adalah salah satu inisiatif organisasi pendidikan Gyoda bagi menggerakkan sektor pelancongan pendidikan secara agresif di daerah itu.

“Penyelidikan ini memberi fokus sepenuhnya kepada pembelajaran bahasa Jepun secara mudah dengan menggunakan Perisian Iszuani Inazuma Jap dan dikukuhkan dengan latihan intensif.

Sebelum ini, Perisian Iszuani Inazuma Jap dan buku Yasashii Nihongo terbitan Penerbit UMP telah menarik minat beberapa organisasi pendidikan seperti di Brunei dan Indonesia.

# Produk Iszuani Inazuma diterima di Jepun

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN



# Projek Inovasi FKEE bersama komuniti Kuala Koh

Selaras dengan Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2016–2020 bertemakan Memasyarakatkan Teknologi, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) menjalankan projek inovasi sosial dengan mencipta satu produk berteknologi hijau iaitu *UMP Solar Traveller Kit (UST-Kit)* yang menggunakan tenaga solar untuk menjana tenaga elektrik.

Melalui inovasi baharu ini menjadikan solar sebagai salah satu punca bagi menjana elektrik tetapi mempunyai kelebihan mudah alih (*Portable Kit*) yang mudah dibawa kemana-mana.

Sebagai projek pilot, Taman Negara Kuala Koh, Kelantan di bawah Jabatan Perhilitan Kelantan telah dipilih untuk dijadikan penanda aras inovasi teknologi hijau ini.

Menurut Dekan FKEE, Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari Ghazali, Taman Negara Kuala Koh terkenal dengan kehijauan dan keindahan semula jadi yang menjadi tarikan pelancong dan warga Malaysia yang meminati dan mencintai alam sekitar. Taman Negara ini

jugalah menempatkan beberapa kelompok Orang Asli yang menjadi penghuni di Kuala Koh.

“Kekurangan bekalan elektrik di kawasan ini menjadi kekangan kepada penghuni dan juga pengunjung yang datang untuk melakukan aktiviti sama ada penyelidikan, pengembalaan atau mengisi masa lapang. UST-Kit dapat membantu mereka untuk memudahkan urusan pihak Perhilitan Kelantan di Taman Negara ini,” katanya.

Selain itu, ia juga boleh menjana pendapatan dengan menyewakan kepada pengunjung yang datang untuk melakukan aktiviti sama ada penyelidikan, pengembalaan atau menikmati kemudahan alam sekitar. Penyelidik telah beberapa kali berkampung selama tiga hari dua malam di Taman Negara Kuala Koh bagi mengkaji kecekapan dan keberkesanan USTK dengan tidak dilengkapi dengan sumber elektrik yang lain.

Profesor Madya Dr. Kamarul berkata, pihaknya juga menjalankan khidmat komuniti bersama warga Orang Asli serta menyampaikan bantuan sumbangan apatah

lagi dalam suasana menjelang bulan Ramadan tidak lama lagi.

Sementara itu, penyelidik UMP, Muhammad Ikram Mohd. Rashid berkata, UST-Kit dapat membekalkan elektrik menggunakan tenaga solar yang mana ia mampu memberi kemudahan pencahaayaan pada waktu malam di samping digunakan untuk kemudahan sehari-hari selama lapan jam melalui kapasiti 300 watt.

UST-kit ini dilengkapi dengan lampu LED dan pengecas bateri yang boleh digunakan untuk telefon mahupun lampu persendirian. USTK menggunakan panel solar untuk menukar cahaya matahari kepada elektrik dan tenaganya disimpan di dalam bateri penyimpanan berkapasiti tinggi.

Turut berlangsung program kemasyarakatan Kelab EES dan PROSIS bersama masyarakat Orang Asli dalam program perkongsian pintar, dakwah ummah orang kita dan pemeriksaan kesihatan yang diadakan pada 22 Mei 2016 yang lalu di Gua Musang, Kelantan.



# Komuniti antarabangsa UMP meriah sambut raya

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIFLI

Seramai 250 orang komuniti antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada pelajar dan staf hadir dalam Majlis Sambutan Aidilfitri 2016 anjuran Pejabat Antarabangsa bertempat di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 20 Julai 2016 yang lalu.

Sambutan dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Ketua Polis Gambang, SM Mohd Hanif Ahmad.

Turut hadir pegawai dari Jabatan Imigresen Pahang, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pahang, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dan Pejabat Polis Daerah Kuantan.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim berkata, sambutan yang dianjurkan mereka bertujuan merapatkan ikatan persaudaraan selain meraikan bersama kemerahan berhari raya.

"Program ini juga dapat dimanfaatkan warga kampus yang berpeluang bertemu dan bersui kenal dengan pihak yang bertanggungjawab

dalam pengurusan pelajar antarabangsa terutamanya melibatkan urusan visa dan pas pelajar, lesen memandu serta lain-lain," katanya.

Bagi pelajar dari Nigeria, Chinonso Ishmae Ukaegbu, 23, yang menuntut di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) berkata, sambutan tahun ini merupakan tahun kedua beliau beraya di Malaysia.

"Kepelbagai sambutan di Malaysia membuatkan saya kagum seperti satu perayaan disambut bersama oleh semua.

"Walaupun jauh dari kampung halaman namun masih berpeluang meraikan Syawal bersama rakan-rakan walaupun jauh dari kampung halaman.

Manakala Mohd Abdulqawi Ahmed, 25 dari Yemen melahirkan rasa seronok kerana kemerahan sambutan Aidilfitri tiada banyak bezanya seperti di Yaman.

"Peluang bertemu rakan-rakan dan saudara menjadi objektif utama dalam merapatkan silaturahim antara satu sama lain," katanya.



## 400 sertai Gigvaganza-ECER tingkat kemahiran tatabahasa Bahasa Inggeris

Seramai 400 pelajar tingkatan 3 hingga tingkatan 5 daripada enam buah sekolah sekitar Kuantan telah menyertai Program Gigvaganza-Empower ECER 2016: *Fun Learning English* bertempat di Dewan Astaka Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang pada 25 Julai 2016 yang lalu.

Majlis dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah UMP, Dato' Ahmad Azmey Haji Abu Talib. Hadir sama Pengurus Bahagian Pembangunan Modal Insan ECERDC, Benji Johan Ibrahim, Ketua Program Jabatan Bahasa Moden, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Noor Raha Mohd Radzuan dan Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Perniagaan UAE, Zainal Haji Bahari.

Menurut Dato' Ahmad Azmey, program kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan UMP ini dapat membantu kerajaan membangunkan sosioekonomi

rakyat dengan menawarkan khidmat kepakaran akademik.

Tambahnya, menerusi peranan PBMSK, UMP dapat melaksanakan program ini seterusnya dapat membantu masyarakat setempat dalam penguasaan bahasa Inggeris.

Menurut Benji Johan Ibrahim, program ini merupakan platform untuk pelajar sekolah mengaplikasikan serta mengukuh tatabahasa yang dipelajari seterusnya mengubah persepsi pelajar terhadap tatabahasa yang sering dianggap sukar.

"Peserta yang terlibat ini adalah terdiri daripada Pelajar Empower ECER 2016 iaitu 180 pelajar PT3 dan 180 pelajar yang akan menduduki SPM pada tahun ini.

"Program Empower ECER ini merapkan jurang perbezaan ekonomi yang wujud antara masyarakat luar bandar dan bandar selaras dengan Model Ekonomi Baharu dan Program

Transformasi Ekonomi (ETP) Negara.

"Melalui peningkatan pendidikan dan kemahiran, warga ECER mampu memperbaiki taraf kehidupan dan menikmati peluang-peluang yang tersedia hasil kemajuan pesat Pahang dan di negara Malaysia amnya," katanya.

Empower ECER terbahagi kepada dua program, program latihan akademik untuk pelajar sekolah yang lemah dari segi akademik serta berasal daripada keluarga berpendapatan rendah, manakala program latihan kemahiran dan keusahawanan pula memfokuskan kepada golongan belia dan dewasa yang kurang berasib baik.

Beliau berharap menerusi program ini para pelajar akan terus bersemangat untuk meningkatkan lagi limu pengetahuan dan mendorong mereka agar lebih cemerlang dalam pelajaran.

Menurut Dr. Noor Raha pula,

beliau amat berterima kasih atas kejasama gugu-guru dan pelajar yang terlibat pada program ini dan diharapkan kerjamasa ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Program Gigvaganza adalah salah satu untuk inisiatif kreativiti untuk mempelajari tatabahasa dalam bahasa Inggeris dengan lebih menarik. Antara sekolah yang terlibat seperti Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan, SMK Astana, SMK Padang Garuda, SMK Lepar, SMK Dato' Mahmud Mat, SMK Paloh Hinai.

Manakala peserta dari SMK Lepar, Siti Noor Khairunnisa Asmadi melahirkan perasaan gembira apabila berpeluang untuk menyertai program ini. Sepanjang program ini banyak memberi ilmu tentang penggunaan tatabahasa yang betul dalam perbualan sehari-hari. Selain itu juga, secara tidak langsung memberikan pelajar lebih berkeyakinan untuk berbual dalam bahasa Inggeris.



# GIvganova- empower ECER tarik minat belajar bahasa Inggeris

Oleh: NORHIDAYAH MOHAMAD

Seramai 377 pelajar dari beberapa buah sekolah sekitar daerah Bera menyertai

program GIvganova-empower ECER 2016: *Fun Learning English* anjuran UMP Advanced Education (UAE) dengan kerjasama Majlis pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Program ini turut diserikan dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri Guai, Dato' Norol Azali Sulaiman serta Zulkifkifli Ya'acob, Pengurus Besar ECERDC di Kompleks Rakan Muda Daerah Bera.

Dalam ucapannya beliau berkata, program sebegini sangat membantu memupuk minat pelajar kepada bahasa Inggeris serta mengubah persepsi pelajar terhadap bahasa Inggeris yang sering dianggap sukar.

"Takut untuk mencuba bercakap di dalam bahasa inggeris menjadi faktor utama tambahan pula dengan kurang pendedahan menjadi mereka ketinggalan di dalam penggunaan bahasa kedua ini," katanya yang hadir merasmikan program pada 21 Julai 2016 yang lalu di Bera, Pahang.

Bagi pelajar dari Sekolah Kebangsaan Iskandar, Arika Maira yang merupakan antara pelajar asli yang bakal menduduki peperiksaan UPSR berkata, beliau sangat seronok dan teruja menyertai program ini buat pertama kalinya.

Beliau yang turut meminati subjek bahasa Inggeris berharap dapat menyertainya pada masa akan datang kerana dapat membantu meningkatkan prestasi dan menguasai bahasa Inggeris.

Beliau sering berkongsi minat bersama rakan-rakan seperti membaca novel atau akhbar mahupun mendengar lagu-lagu dalam bahasa Inggeris. Secara tidak langsung membantu beliau memperbaiki tatabahasa dan kemahiran berkomunikasi.

Turut hadir Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Eksekutif Kanan UMP Advanced Education (UAE), Mohammad Nurasraf Nordin.



# GIGvaganza UMP tingkat pemahaman tatabahasa bahasa Inggeris pelajar

Lebih 500 pelajar Diploma Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menyertai program *Get Into Grammar* (GIGvaganza 2016) anjuran Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dalam meningkatkan pemahaman tatabahasa bahasa Inggeris dalam program yang diadakan di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 14 Julai 2016 yang lalu.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Program Jabatan Bahasa Moden, PBMSK, Dr. Noor Raha Mohd Radzuan.

Dalam ucapannya, beliau menyarankan agar pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajar dalam kehidupan harian kerana dengan secara tidak langsung dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Ianya juga dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan berpeluang tinggi mendapatkan pekerjaan.

Manakala menurut Pengarah Program, Azimah Ahmad Zaki, program ini bertujuan untuk memantapkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Diploma Tahun 1 Semester 0 2016/2017 khususnya aspek tatabahasa.

"Selain itu, program ini bertujuan mengubah persepsi pelajar terhadap penggunaan bahasa Inggeris dengan menggunakan pendekatan yang kreatif, interaktif dan menyeronokkan.

"Program GIGvaganza ini merupakan anjuran kali keenam dalam memantapkan penguasaan tatabahasa pelajar UHL1412," katanya.

Tambahnya lagi, pelbagai aktiviti yang berasaskan aplikasi tatabahasa yang merentasi kurikulum serta berintegrasikan kreativiti dan teknologi telah dimuatkan didalam program ini.

Melalui program ini juga, para pelajar dapat mengaplikasikan segala kemahiran yang mereka pelajari di dalam kursus ini seperti kemahiran komunikasi, intrapersonal dan interpersonal.

Menurut peserta, Syazana Mohd Suhami yang merupakan pelajar Diploma Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), program ini banyak membantu peserta untuk mengingatkan semula dalam penggunaan tatabahasa bahasa Inggeris.

Aktiviti yang dijalankan juga amat menyeronokkan untuk mempelajari dan menggunakan bahasa Inggeris.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti *Arrange the Adjective (Adjective)*, *Learning by Doing (Verb)*, *Which One Comes First? (Sentence Structure)*, *Odd One Out (Parts of Speech)*, *Place Me rRght! (Preposition)* dan *When Is This? (Tenses)*.



# Kolaborasi UMP dan Kolej Teknikal Yayasan Sabah dalam Program Kejuruteraan Jerman

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Yayasan Sabah memeterai perjanjian dalam kerjasama akademik bagi Program Asasi membabitkan tiga Program Kejuruteraan Jerman-UMP hasil kerjasama dari Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman dalam menawarkan program Dwijiazah pada 11 Ogos 2016 yang lalu di Putrajaya.

Ianya melibatkan program Sarjana

Muda Kejuruteraan Perniagaan di Fakulti Pengurusan Industri (FIM) serta Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Automotif yang ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dan Dekan FIM, Dr. Mohd. Ridzuan Darun menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) mewakili UMP manakala pihak KTYS diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datin Tarsiah T.Z. Zaman dan Pengurus Kanan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Waky Taim.

Hadir sama dalam majlis, Pengurus Lembaga Pengarah KTYS, Datuk Kamal D.E. Quadra, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid.

Menurut Datin Tarsiah, pihaknya menghargai komitmen pihak UMP manakala pihak Yayasan Sabah turut mempertimbangkan tajaan biasiswa kepada pelajar cemerlang yang memenuhi kriteria kelayakan dan ditawarkan untuk program kerjasama ini.

"Dalam masa yang sama kerjasama ini juga membabitkan dua program Francias dengan UMP iaitu Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dengan kepujian dan

Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan kepujian.

"Pihaknya juga menawarkan program persediaan bahasa Inggeris secara percuma kepada pelajar baharu selain biasiswa dan kemudahan pinjaman pengajian kepada mereka yang memenuhi syarat dalam program tertentu yang ditetapkan pihak KTYS.

"Pada masa ini, KTYS sedang dalam usaha menaik taraf kepada Kolej Universiti Teknikal Yayasan Sabah pada tahun 2018. Justeru, bagi tujuan ini pihaknya mengharapkan dengan program kerjasama ini dapat merealisasikan hasrat kolej dalam melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing," katanya.

Dato' Dr. Daing Nasir menyambut baik kerjasama ini dan mengharapkan lebih banyak ruang kerjasama dalam bidang-bidang lain pula selepas ini bagi manfaat kedua-dua pihak.

Kolej yang ditubuhkan pada tahun 1990 ini adalah milik penuh KKYS Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat dalam Yayasan Sabah yang akan terus komited dalam meningkatkan kecemerlangan dan kualiti akademik terutama dalam bidang teknikal bagi memenuhi keperluan negara.

Turut sama berlangsung adalah pemeteraian perjanjian pihak KTYS dengan pihak DRB-HICOM University of Automotive Malaysia (DHU) dan RENG College.



# UMP, Dimension Bid jalin kerjasama bagi pengkomersialan produk industri minyak dan gas

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Dimension Bid Sdn. Bhd. (DB) dalam mengkomersialkan produk yang boleh dimanfaatkan oleh industri minyak dan gas.

Kerjasama ini melibatkan perkongsian kepakaran, pengalaman antara kedua pihak terutamanya dalam bidang formulasi bahan kimia bagi kegunaan industri minyak dan gas.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Profesor Dr. Jamil Ismail menandatangani dokumen MoA dengan Ketua Pegawai Eksekutif Dimension Bid Sdn. Bhd., Dato' Aziz Ayob dan Timbalan Presiden Operasi DB, Mia Indorman Ismail pada 18 Mei 2016 yang lalu di UMP Pekan.

Hadir sama Pengarah Eksekutif Malaysia Petroleum Resources Corporation, Dr. Mohd. Shahreen Zainooreen dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusarie Zainuddin.

Dato' Dr. Daing Nasir berkata, keunggulan penyelidikan dan inovasi merupakan salah satu daripada lima lonjakan yang telah dikenal pasti dalam pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

"UMP komited untuk memberikan tumpuan khusus terhadap

kemampuan penyelidikan yang memberi impak kepada masyarakat melalui kluster penyelidikan yang berstruktur.

"Bidang-bidang kepakaran yang dimiliki syarikat ini seperti Slickline Intervention, Cased Hole Electric Line Logging, Coiled Tubing Services, Braided Line Fishing, dan Subsurface and Data Services adalah amat relevan dengan bidang-bidang Kejuruteraan dan Sains yang ditawarkan di UMP terutamanya di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKSA), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Ekektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)," katanya

Tambah beliau, skop kolaborasi ini tidak hanya memberi manfaat dari segi aspek penyelidikan, inovasi dan daya saing, tetapi juga mampu meningkatkan kepakaran dan kemahiran bakat dalam kalangan staf dan mahasiswa di universiti ini antaranya program sangkutan staf, penempatan latihan industri mahasiswa, kursus jangka pendek, undangan syarahan tamu dan lain-lain.

Sementara itu, Dato' Aziz berkata, kerjasama melibatkan kepakaran UMP dan pengalaman industri dari pihak DB ini pastinya memberi manfaat kepada kedua-dua pihak terutamanya dalam menggalakkan lebih banyak projek penyelidikan dapat dijalankan.

Dalam masa yang sama, beliau turut menyampaikan sumbangan Anugerah Industri Dimension Bid sebanyak 50 ribu kepada UMP untuk dianugerahkan kepada pelajar cemerlang dalam setiap kali Majlis Konvokesyen UMP mulai tahun ini.

Dimension Bid Sdn. Bhd. (DB) merupakan salah sebuah syarikat Bumiputra yang telah bertapak di Malaysia sejak 22 tahun yang lalu. Syarikat ini bukan sahaja telah menempa nama di Malaysia malah telah meluaskan empayar perkhidmatan di negara Vietnam, Myanmar, Thailand, Indonesia, Filipina, Turkmenistan dan yang terbaru di negara Arab Saudi.

Syarikat yang terus melakar warna di persada antarabangsa ini, kini mempunyai lebih dari 400 orang pekerja mahir dan mampu memberi perkhidmatan yang terbaik. Dimension Bid Sdn. Bhd. juga merupakan syarikat tempatan pertama yang berjaya menyiapkan perkhidmatan Coiled Tubing dalam lapangan minyak luar pantai Terengganu.



# UMP sumbang kepakaran dalam Misi Kemanusiaan Aceh

Dalam merealisasikan hasrat universiti terhadap memasyarakatkan teknologi pada 4 Mei 2016 yang lalu Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalankan Program Misi Kemanusiaan dengan menyumbangkan kepakaran dengan menyediakan alat penapis air dan lampu solar bagi kegunaan penghuni dan anak yatim seramai 230 orang di Rumah Kebajikan Dayah Nurul Huda di Aceh.

Program itu membabitkan seramai 36 orang ini dianjurkan Persatuan Wanita UMP (Matahari) dengan kerjasama Persatuan Pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (ProTech).

Turut serta sepuluh mahasiswa dari Universitas Syiah Kuala (Unsyiah) dan pengamal media dari negeri Pahang yang sama-sama menjalankan kerja lapangan dalam membantu membersihkan kolam-kolam air, mengecat dan membersihkan sekitar penempatan ini.

Ketua Timbalan Pendaftar (Penyelidikan & Inovasi) yang merupakan Penasihat Persatuan Wanita UMP (Matahari), Datin Fazia

Ali berkata, program pada kali ini melibatkan pelajar dan staf bertujuan menghulurkan sumbangan dan keprihatinan warga UMP bagi membantu mereka untuk mendapatkan keperluan asas yang lebih baik.

"Selain program mobiliti yang dijalankan pelajar, usaha ini dilihat sebagai suatu inisiatif menyokong agenda kesukarelawanan yang dilaksanakan UMP ke arah menjadikan universiti ini dikenali sebagai Universiti Komuniti yang mana kerja khidmat sosial ini diiktiraf dunia," katanya.

Beliau berkata, program ini juga adalah hasil kerjasama pihak persatuan Wanita UMP dengan pihak Universitas Teuku Umar (UTU) dan Unsyiah khususnya Rektor UTU, Profesor Dr. Jasman J. Ma'ruf dan isterinya, Ardawalisa Abdurrahman yang juga Ketua Darmawanita UTU yang banyak menyalurkan maklumat.

Pihaknya juga akan terus mengerakkan usaha mengumpulkan dana bagi menambah baik kemudahan fizikal mengikut penilaian yang dibuat untuk dimanfaatkan penghuni di sini seperti mana dalam Misi Kemanusiaan Kemboja seperti yang dijalankan di sebelum ini.

Bagi Pengurus Rumah Kebajikan, Abu Khushairi Nordin, 31 berkata, pihaknya bersyukur dengan sumbangan pihak luar terutamanya dari Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) yang membantu mendirikan sebuah penempatan untuk tenaga pengajar.

Katanya, kemudahan yang disumbangkan ini pastinya dapat digunakan penghuni di rumah ini yang semakin bertambah sedangkan kemudahan yang ada hanya mampu memuatkan seramai 60 penghuni sahaja.

Sementara itu, pensyarah FTeK, Noor Asiah Mohamed berkata, program ini

memberi peluang pelajar berkongsi idea dengan pelajar UTU dan perspektif dengan masyarakat Aceh. Pihaknya juga bercadang untuk meneruskan program ini pada masa akan datang dengan menambah baik sistem bekalan air terutamanya bagi tujuan memasak dan penggunaan di asrama perempuan serta meningkatkan fasiliti lain untuk menampung bilangan pelajar yang semakin bertambah.

Mahasiswa UMP, Muhammad Asmi Syamim Ahmad Sukri, 22, pengalaman ini memberikan cukup keinsafan apatah lagi berpeluang mendekati anak-anak ini yang berkongsi pengalaman berdepan dengan situasi kehilangan ayah dan ibu akibat peristiwa Tsunami atau kiamat kecil.

Berkongsi cerita Tsunami, seorang penghuni, Muhammad Arrif Jamaluddin, 12, yang kehilangan ayah berkata, sewaktu itu beliau masih dalam kandungan terselamat dan ibunya banyak menceritakan tentang kejadian bencana itu.

Seronok dapat berjumpa dengan mahasiswa UMP, beliau bernekad untuk belajar bersungguh-sungguh dan berhasrat untuk berhijrah ke Malaysia.

Begitu juga dengan Agistina Muhammad Jaafar, 12, dan kakaknya Zikriah, 14 yang kehilangan ayah dan ibu tatkala Tsunami bersyukur tinggal di rumah ini berbanding menjadi pengemis kerana mereka tiada tempat untuk bergantung.

Turut diadakan pertandingan mewarna kanak-kanak, program motivasi dan kesedaran kebakaran serta penyampaian sumbangan dana berbentuk wang tunai, peralatan persekolahan dan barang berjumlah sepuluh ribu ringgit hasil sumbangan universiti, persatuan dan pihak luar.



# **Pay For Performance penggerak kecemerlangan universiti**

Oleh: SUHANA MOHD. NOR

Lebih 500 orang staf meliputi staf bukan akademik dan staf akademik telah menghadiri sesi taklimat Awareness on Pay for Performance ataupun Program Kesedaran Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Bersepadu anjuran Bahagian Pengurusan Bakat (BPB).

Program yang dijalankan secara berjadual melibatkan Pejabat Naib Canselor (PNC), Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), Perpustakaan, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Institut Pengajian Siswazah (IPS),

Pusat Sukan & Kebudayaan (PSK) dan Makmal Berpusat.

Taklimat program ini telah disampaikan Timbalan Pendaftar BPB, Hazmin Aris dan Penolong Pendaftar BPB, Mohd. Izzat Mohd Shafie.

Menurut Hazmin, program bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kesedaran berkenaan pelaksanaan Sistem Pay for Performance kepada semua staf UMP serta untuk memberikan kefahaman berkenaan kepentingan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan kaitannya dengan sistem tersebut.

Selain itu, menerusi sesi pencerahan ini semua staf universiti memahami dan berkeupayaan membangunkan KPI masing-masing yang berteraskan konsep *Specific, Measurable, Achievable, Realistic and Time-bound (SMART)*.

"Staf yang hadir juga telah diberikan maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan Sistem Pay for Performance yang akan dilaksanakan bagi mengukur dan menilai prestasi semua staf.

"Sesi taklimat ini juga telah memberikan ruang dan peluang kepada staf yang hadir untuk mengemukakan pertanyaan dan komen. Malahan cadangan penambahbaikan yang bernes oleh staf telah diambil maklum oleh pihak BPB bagi dipanjangkan kepada pihak pengurusan universiti untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Bagi peserta dari PNC, Rosidah Hassan berkata, melalui taklimat ini beliau dapat mengetahui dengan lebih jelas dan mendalam

berkenaan Sistem *Pay for Performance* yang bakal dilaksanakan.

"Apabila UMP mengaplikasikan sistem ini kepada semua staf, secara tidak langsung prestasi staf akan meningkat yang mana staf akan berusaha sebaik baik untuk mencapai KPI masing-masing yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan," ujar beliau.

Manakala menurut Badaruddin Hamzah dari JHEAA pula, taklimat seperti ini amat bagus dalam memberikan input berkaitan perkara baharu yang akan dilaksanakan di UMP terutamanya yang melibatkan semua staf UMP.

"Sistem *Pay for Performance* ini dapat meningkatkan kecekapan dan motivasi staf kerana setiap usaha yang telah dilakukan oleh staf akan diberikan ganjaran yang setimpal kerana sistem tersebut adalah lebih adil dan telus," katanya.

Lanya turut disokong oleh Mohd Ghazali Salleh dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berkata, melalui pelaksanaan sistem Pay for Performance diharapkan akan dapat menambah baik sistem penilaian prestasi sedia ada yang sering menimbulkan rasa tidak puas hati sebilangan besar staf kerana kaedahnya yang kurang objektif dan kuantitatif.

"Pelaksanaan sistem penilaian prestasi yang lebih sistematik dan berstruktur akan meningkat kepercayaan staf terhadap organisasi serta meningkat motivasi dan iltizam staf untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada universiti.



**TANAM....** Naib-naib Canselor Universiti Awam menanam pokok sempena Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam Bil 3/2016.



**TAHNIAH....** YAB Menteri Besar Pahang sempat berbual dengan penerima anugerah pada Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2016.



**FOOD FOR ALL....** Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) menyampaikan sumbangan makanan percuma kepada mahasiswa UMP.



**PENGHARGAAN....** Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti menyampaikan cenderamata kepada mantan ahli LPU Datuk Aminar Rashid.





**CEMERLANG....** Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sempena Hari Kualiti & Inovasi UMP 2016.

Klik-Klik  
Lensa



## UMP lancar Pusat Tadbir Urus dan Integriti (FGIC)

Dalam memartabatkan tadbir urus cemerlang yang berintegriti sejajar dengan taraf autonomi yang dimiliki, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah merintis rangkaian peluang baharu untuk diterokai melalui pelancaran Pusat Tadbir Urus & Integriti (FGIC) di bawah naungan Fakulti Pengurusan Industri (FIM) daripada kluster penyelidikan Pimpinan Strategik dan Governan fakulti tersebut.

Penubuhan pusat ini hasil kerjasama dengan Yayasan Pahang (YP) ini akan memainkan peranan sebagai institusi yang memupuk budaya kerja yang tulus, cekap dan berintegriti dalam kalangan masyarakat setempat melalui proses penyelidikan, forum dan latihan kepada masyarakat setempat serta mempunyai pakar rujuk dalam bidang tadbir urus korporat dan integriti dengan mendapat perakuan daripada Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG), Institut Integriti Malaysia dan Jabatan Audit Negara.

Pelancaran disempurnakan Exco Pembangunan Luar Bandar Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Pahang, Dato' Shafiq Fauzan dalam majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet Canseleri UMP Kampus Gambang

yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim pada 15 Julai 2016 yang lalu.

Hadir sama dalam majlis Pengurus Besar Yayasan Pahang, Dato' Mahmud Mohd Nawawi, Timbalan Rektor Akademik, Universitas Teknologi Yogyakarta, Profesor Dr. Tri Gurnasih dan Pengarah Pengurusan Ilmu dan Inovasi Binus University, Karen Peyronnin Imam.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, pihaknya yakin kepelbagaiannya latar belakang akademik staf univeristi ini khususnya di FIM seperti pengurusan, perakaunan, kewangan, ekonomi, sains gunaan, undang-undang dan kejuruteraan merupakan suatu kelebihan bagi membolehkan kajian interdisiplinari berkaitan tadbir urus dan integriti dilaksanakan melalui platform FGIC ini.

"Sasaran telah ditetapkan untuk FGIC menerajui kegiatan ilmiah dan perundingan berkaitan tadbir urus dan integriti sama ada yang bersifat tempat atau antarabangsa.

"Justeru, sasaran output FGIC bakal meliputi tiga kategori utama iaitu pertama, penjanaan pengetahuan; kedua, penyebaran dan perkongsian pengetahuan;

dan ketiga, pusat *repository* atau pengumpulan maklumat," katanya.

Manakala dalam menentukan bahawa FGIC berfungsi dan berperanan dalam kerangka strategik yang terarah, sembilan objektif telah ditetapkan oleh pihak pengurusan UMP bagi mendasari penubuhan pusat ini iaitu menjalankan kajian mengenai isu-isu berkaitan governan dan integriti; menyediakan platform perhubungan antara industri dan akademia untuk membincangkan isu-isu berkaitan tadbir urus dan integriti dan melaksanakan program latihan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan awam terhadap isu berkaitan tadbir urus dan integriti.

Selain itu, FGIC juga berfungsi untuk membangunkan dan menerbitkan kajian kes daripada projek penyelidikan yang dijalankan bagi maksud pengajaran dan latihan; menghimpunkan tenaga pakar dari akademia dan industri dalam konteks pewacanaan dan penyelidikan isu-isu tersebut.

Pusat ini juga akan menerbitkan laporan dan buletin berdasarkan penyelidikan yang dijalankan bagi manfaat awam; menyediakan pusat sumber dan

rujukan bagi isu-isu tadbir urus, integriti dan audit; mengeluarkan cadangan penyelidikan untuk dibiayai dengan geran awam atau swasta; dan menjadi saluran perhubungan antara fakulti, badan-badan profesional dan para pakar dalam bidang tadbir urus dan integriti.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dengan dua universiti termuka di Indonesia iaitu; BINUS Universitas dan Universitas Teknologi Yogyakarta. Kerjasama pintar ini meliputi platform Kuliah Pembelajaran Global (Global Classroom), kerjasama penyelidikan, pertukaran staf dan pelajar serta penawaran program Doktor Falsafah (PhD).

Bersempena dengan itu juga dianjurkan satu forum bertajuk, "Tadbir Urus Korporat di Malaysia setelah 18 tahun – Kemana Arah Kita? membabitkan ahli panel yang terdiri untuk Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Presiden MICG, Dato' Yusli Mohamed Yusoff dan Pegawai Governan kepada Yang Berhormat Dato' Senator Paul Low, Menteri Jabatan Perdana Menteri iaitu Alan Kirupakaran yang diadakan di Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang.



# 337 pelajar cemerlang akademik program empower ECER dirai

Seramai 337 pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2015 dirai dalam Majlis Kecemerlangan Akademik 2015 Empower ECER Mahkota bagi daerah Pekan dan Empower ECER bagi daerah Kuantan yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang pada 30 Mei 2016 yang lalu.

Program anjuran UMP Advance Education dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Peramu Jaya, Dato' Sri Sheikh Mohamed Puzi Sheikh Ali yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengurus Besar ECERDC Negeri Pahang, Mazlan Sharudin dan Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohamad Rozi Hassan.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, UMP turut memikul tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam konteks transformasi landskap literasi pengetahuan dan pembangunan sosioekonomi masyarakat di sekitarnya.

"Dengan tagline 'Memasyarakatkan Teknologi', adalah menjadi tekal pihak pengurusan UMP untuk menggerakkan pelbagai agenda, inisiatif dan program yang membolehkan kewujudan UMP dapat dilihat, dirasai dan didengari oleh masyarakat akar-umbi bagi manfaat transformasi kehidupan dan masa hadapan mereka."

"UMP amat suka cita kerana dapat turut serta sebagai penggerak

yang proaktif dalam menjayakan program Latihan Akademik Empower ECER. Bermula dengan hanya 170 orang peserta dari dua buah sekolah rendah di daerah Pekan iaitu SK Lepar dan SK Runchang, inisiatif ini telah subur berkembang dari tahun ke tahun.

"Kini, selepas enam tahun pelaksanaannya, inisiatif ini telah berjaya memberi manfaat kepada 9,186 pelajar. Manakala untuk tahun 2016 pula, sebanyak 1,220 pelajar dari 30 buah sekolah di daerah Pekan, Kuantan dan Bera telah terpilih untuk menerima manfaat dari inisiatif ini," katanya.

Tambah beliau, keberkesanan dan kelestarian inisiatif ini banyak bergantung kepada sinergi yang berterusan dan jalinan yang harmoni antara pihak UMP dan ECERDC dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat.

Terdapat 11 program di bawah inisiatif ini dilaksanakan iaitu Program Guru Pakar, Program Motivasi Pelajar dan Ibu Bapa, Program Sains, Matematik dan Teknologi, Program Mencatat Nota Secara Efektif, Program Super Camp, Kem Pendidikan, Empower Akademik, Karnival Sains dan Matematik, Empower Boot Camp, Program Cekap Matematik dan English Camp merupakan pengupaya tambahan daripada pihak UMP dan ECERDC sebagai sokongan terhadap usaha berterusan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah-daerah yang terlibat dan sekolah-sekolah yang berkenaan.

Selain pembangunan akademik, program empower ECER turut memberi tumpuan terhadap program peningkatan pendapatan bagi golongan belia, ibu tunggal dan individu-individu yang tidak berpendapatan tetap di daerah Pekan, Kuantan dan Bera.

Majlis turut menyaksikan penyampaian anugerah Sekolah Cemerlang 2015 Daerah Pekan adalah SK Sri Maulana dan SK Kuala Penor dinobatkan Sekolah Cemerlang Daerah Kuantan manakala SK Runchang dianugerahkan Sekolah Cemerlang (Orang Asli) Daerah Pekan. Manakala seramai 47 memperoleh UPSR 5A, PT3 (159) dan SPM (43) memperoleh 5A dari bagi daerah Pekan daerah Kuantan seramai 17 memperoleh 5A (UPSR), PT3 (31) dan SPM (42).



## 250 pelajar antarabangsa dan keluarga hadir Majlis Iftar

oleh: NOR FADZILAH ZULKIPLI

Seramai 250 dalam kalangan pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir bersama keluarga masing-masing dalam Majlis Iftar anjuran Pejabat Antarabangsa yang diadakan di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 29 Jun 2016 yang lalu.

Program dimulakan dengan alunan bacaan ayat suci Al-Quran yang disampaikan pelajar Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, Ali Elzain dari Mesir.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim dalam ucapannya berkata, pihaknya berterima kasih atas kehadiran komuniti antarabangsa yang bersama-sama memeriahkan program iftar untuk tahun ini.

“Komuniti yang kecil ini harus diperkuuhkan lagi agar menjadi satu komuniti yang kuat dan pada bulan yang mulia ini program sebegini memberi peluang pelajar dan keluarga untuk berkumpul sertamengeratkan hubungan dengan lebih erat,” katanya.

Bagi Ayesha Noor, 32, yang kini

menuntut di Fakulti Pengurusan Industri (FPI), bulan Ramadan kali ini beliau memperbanyakkan aktiviti kerohanian dan bersama komuniti.

“Kami melibatkan diri memasak untuk program berbuka puasa di masjid, sedikit sebanyak kami mempelajari menu tempatan di sini,” katanya.

Manakala Presiden Pelajar Antarabangsa UMP, Basheer Mohd Al-Haimi, 28 yang kini menuntut di FPI pengalaman yang menyeronokkan berpuasa di Malaysia akan terus diingati.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pengurusan tertinggi dan Pejabat Antarabangsa serta pelajar tempatan yang sangat peramah dan mesra sepanjang berada di UMP dan ianya merupakan suatu penghargaan yang besar bagi mereka.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin dan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr. Zulkifli Yaacob.





# Teater Muzikal Sudirmania serlah bakat

oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI

Buat julung kalinya gandingan Kumpulan Waris Teater dan Kumpulan Senandika Teater dengan Revolution Stage yang merupakan produksi asal Teater Muzikal Sudirmania berjaya mementaskan Teater Muzikal Sudirmania di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang yang diadakan dua hari berturut-turut mulai 7 Mei 2016 yang lalu dengan disaksikan oleh lebih 2,000 penonton.

Pementasan teater kali ini dibantu oleh kumpulan budaya di bawah Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian UMP iaitu Kencana Pawana dan Shutterbuster.

Turut serta memainkan peranan adalah kerjasama Pusat Sukan dan Kebudayaan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Majlis

Perwakilan Pelajar (MPP) serta pihak RTM Pahang dengan susunan muzik oleh Ketua Kombo Music RTM Pahang, Muhammad Azrul Yeop.

Pementasan kali ini menampilkan naskah teater muzikal "Sudirmania" yang memaparkan kisah dalam era 80-an yang mana pada masa itu Sudirman merupakan bintang yang sangat berpengaruh.

Skrip hasil penulisan Khairunazwan Rodzy dari Revolution Stage yang menjadi pilihan kumpulan teater UMP untuk dipentaskan.

"Sedikit ubah suai dari skrip yang asal khas untuk kumpulan teater UMP supaya ia mengikut dan menghormati sensitiviti warga universiti. Skrip ditulis berpandukan lagu-lagu Sudirman agar perjalanan cerita dan lagu seiringan," kata Khairunazwan.

Pihaknya pernah terlibat dengan pelbagai teater bersama pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertajuk Superhero (2015) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Tepuk Amaimai dan Senapas (2012).

Bagi pendukung watak utama sebagai Ramlan, pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakri Shafiq Shahril, 23, dan Intan Nor Farhanah Mohd Said, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), 21 sebagai Zety berkata kepuasan sebagai peminat teater dapat dirasai untuk pementasan kali ini apabila membawa cerita yang amat bermakna terutamanya apabila berkaitan dengan lagu-lagu seniman terulung negara.

Fakri dan Intan antara pelajar UMP yang bergiat aktif dengan seni teater dan mereka

telah memberi sepenuhnya komitmen untuk pementasa kali ini kerana ianya mengabungkan dua kumpulan teater dari kampus Gambang dan Pekan.

Teater Sudirmania juga hasil pengarahan tiga orang pelajar UMP iaitu Afendi Shah Zabri dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) yang berumur 24 tahun dan Muhammad Rusydeen Rosmadi, 25 dari fakulti yang sama manakala seorang lagi, Nor Shafeeqa Farhaana Roheezat dari FKEE berumur 23 tahun.

Nor Shafeeqa, pengalaman di dalam penglibatan teater yang sebelumnya menjadi panduan mereka bertiga berganding bahu untuk penghasilan Sudirmania.

Sementara itu, Nurnajat Nadira Abdul Rahman, 23 menjadi tulang belakang apabila berjaya menguruskan produksi Sudirmania dengan jayanya.

Kata beliau yang kini menuntut di tahun 3 dalam Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, menjadi suatu kepuasan apabila produksi dengan penglibatan seramai 60 orang pelajar UMP berjaya walau dengan pelbagai cabaran sebelum dan sepanjang dipentaskan.

Lebih bermakna, teater turut ditonton Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti), Profesor Dato' Dr Ishak Ismail yang turut dihadiri Pendaftar, Abd. Hamid Majid dan Pendaftar dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd Rahman Haji Safie.



# 130 peserta Konvoi Bermotosikal sambut merdeka

Seramai 130 peserta yang terdiri daripada ahli Kelab Kebajikan Mesra Dakwah Parlimen Pekan (PERAMAH) dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Konvoi Bermotorsikal sempena sambutan menyambut kemerdekaan yang berlangsung di UMP Pekan pada 28 Ogos 2016 yang lalu.

Konvoi bermotorsikal itu diketuai oleh Penasihat Kelab Peramah, Dato' Mohd Nizar Mohd Najib dalam program anjuran Kelab Kebajikan Mesra Dakwah Parlimen Pekan (PERAMAH) dan UMP.

Peserta melalui perjalanan sejauh 50 kilometer itu melibatkan laluan bermula dari Perkarangan Kediaman YAB Perdana Menteri di Pekan menuju singgah di Pejabat ADUN Peramu Jaya, Dato' Sri Sh Mohamed Puzi Sh Ali dan Pejabat Mufti Pahang, Pekan serta berakhir di UMP Pekan.

Dalam masa yang sama turut berlangsung Ceramah Kemerdekaan yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dengan tajuk "Pengorbanan dan Kemerdekaan".

Dalam ceramahnya beliau menekan agar memupuk semangat bersatu padu yang telah menjadi amalan dalam kalangan rakyat Malaysia, keberanian dan kecekalan mereka yang terdahulu telahpun berkorban yang perlu dihargai.

"Sifat kepahlawanan mereka telah memberi kebebasan kepada kita untuk mencorakkan bumi Malaysia yang tercinta ini. Sekarang ini telah tiba masanya untuk kita pula menyambung perjuangan mereka dalam mengekalkan kemerdekaan negara ini," katanya.

Sementara itu, Dato' Mohd Nizar berkata, program ini juga dapat menjadi platform membentuk semangat berpasukan dalam kalangan belia dan pelajar universiti selain menerapkan budaya disiplin dan patuh peraturan jalan raya.

Beliau turut menasihati para belia agar menanam semangat setia kepada negara supaya nikmat kemerdekaan dapat dikekalkan di negara yang kita cintai ini.

Manakala menurut pengarah program merangkap Setiausaha Peramah, Mohd Khairul Anuar Mohd Khalyubi berkata, konvoi yang pertama kali diadakan ini bertujuan memeriahkan sambutan kemerdekaan ke 59.

Malahan, kelainannya pada hari ini peserta konvoi akan berkonvoi sambil memakai Baju kebangsaan kita iaitu Baju Melayu. Beliau mengharapkan konvoi seperti ini akan menjadi ikutan warga belia.

Selain itu, konvoi ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara belia di Daerah Pekan dengan pelajar UMP serta mereka bercadang menganjurkan lebih banyak program seumpama ini pada masa hadapan.





# Makmal FKKSA terima anugerah MSOSH 2015

Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) merangkul anugerah *Gold Class* dalam Majlis Anugerah MSOSH 2015 *Occupational Safety & Health Awards* yang berlangsung di Hotel Dorsett Subang Jaya pada 5 Ogos 2016 yang lalu.

Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (OSH Award) merupakan acara tahunan anjuran Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia dalam memberi pengiktirafan kebangsaan kepada organisasi-organisasi daripada pelbagai sektor industri yang mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSHMS) di tempat kerja.

Hadir menerima anugerah, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut dihadiri Dekan FKKSA, Zulkafli

Hassan dan Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHMO), Muhammad Hairynizam Muhd Taib.

Menurut Dato' Dr. Daing, anugerah berprestij ini merupakan sebagai tanda penghargaan terhadap pencapaian staf fakulti yang cemerlang di dalam mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja mereka.

"Dengan pengiktirafan ini menunjukkan makmal universiti ini mencapai penarafan menggunakan standard industri dan menjadi suatu tanda aras baru bagi amalan OSH di universiti ini," katanya.

Menurut Zulkafli, kejayaan ini bukan sahaja memberi suntikan semangat kepada staf dalam memperkasa pelaksanaan OSH di fakulti malahan memberi nilai tambahan terhadap mahasiswa UMP dalam mengamalkan budaya kerja selamat yang menjadi keutamaan oleh pihak majikan.

"Anugerah ini adalah susulan kejayaan FKKSA mengekalkan persijilan OSHAH 18001:2007, MS 1722:2011 dan ISO 14001:2004 selama sembilan tahun berturut-turut.

"Usaha yang bermula sejak tahun 2006 ini juga membuktikan kesungguhan pihak fakulti dalam memastikan keselamatan dan kesihatan warga kampus di persekitaran tempat kerja khususnya di makmal.

"Anugerah prestasi keselamatan dan kesihatan ini memberi pengiktirafan kepada semua organisasi atau syarikat-syarikat yang telah mencapai rekod keselamatan dan kesihatan terbaik dan telah menunjukkan peningkatan dalam proses keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui sistem keselamatan yang kukuh," ujar beliau.



## *OSH In School* pupuk kesedaran pelajar tentang keselamatan dan kesihatan



Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIFLI

Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan program kerjasama dengan Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) Kuantan dalam *OSH in School* bagi berkongsi ilmu berkaitan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKK) pada 27 Ogos 2016 yang lalu.

Seiring dengan slogan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam "Memasyarakatkan Teknologi", program yang berbentuk khidmat komuniti terhadap sekolah ini berjaya mendidik generasi muda tentang keselamatan dalam persekitaran sekolah.

Bagi Pengarah OSHMO, Muhammad Hairynizam Muhd Taib berkata, program sebegini adalah salah satu inisiatif UMP melalui pejabat ini dengan mengambil tanggungjawab untuk sama-sama membantu pihak pengurusan SEMSAS khususnya untuk meningkatkan tahap kesedaran KKK.

"Program OSH ini dapat berkongsi pengetahuan dan teknologi yang boleh diguna pakai oleh pihak sekolah bagi memastikan persekitaran sekolah adalah selamat dan sihat," katanya.

Tambah beliau, selain pelajar program turut membabitkan

kakitangan sekolah yang lain dalam membantu pihak sekolah melaksanakan perancangan pengurusan risiko KKP bagi menyediakan persekitaran sekolah yang bebas kemalangan kepada warganya.

Sementara itu, Ketua Program, Ahmad Harris Abd Hamid berkata, pengajian *OSH in School* ini dapat memupuk budaya keselamatan sebagaimana digariskan di dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 2016-2020.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan seperti *Hazard Hunt*, *Safety Games* dan demonstrasi mencegah kebakaran membabitkan pelajar.

Pelajar SEMSAS, Nurul Syafiqah Zulkifli, 13 pendedahan yang diberikan sepanjang program *OSH in School* amat menarik dan membantu untuk lebih memahami langkah-langkah keselamatan yang patut diambil.

Manakala bagi Syed Ahmad Nashril Izzat Syed Adnan, kehadiran UMP ini banyak memberi pengetahuan yang baru malahan rakan-rakannya juga seronok dengan permainan lebih kreatif dan menarik.

Program OSH ini mendapat kerjasama dengan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) termasuk Pengamal Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran (HSE Practitioner) dan alumni dalam mempromosikan program OSH kepada pihak luar.



## Sambutan Majlis Khatam al-Quran UMP meriah

Oleh: SITI SARAH MOHAMAD RAJIMI

Seramai 90 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Nuzul Quran dan Majlis Khatam al-Quran di Dewan Tun Fatimah UMP Kampus Gambang pada 22 Jun 2016 yang lalu.

Program yang bermula jam 9.00 pagi itu buat julung kalinya diadakan bersempena program Festival Ramadan anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

Lebih meriah program turut dihadiri tetamu jemputan Juara Akademi al-Quran Musim Ke-4 iaitu Ustaz Ahmad Tarmizi Ali dan Ustaz Solleh Ab Razak yang merupakan seorang penulis buku.

Menurut Ustaz Ahmad Tarmizi, terdapat lima perkara penting sekiranya ingin mendalamai al-Quran iaitu sebelum membaca al-Quran kita haruslah memastikan diri kita

beriman dengan Al-quran, keduanya baca al-Quran, ketiga tadabbur dengan al-Quran iaitu cuba memahami maksud di dalam al-Quran yang ingin Allah S.W.T sampaikan, keempat amalkan pembacaan Al-Quran dan yang kelima sebarkan Ilmu yang kita pelajari.

"Adalah tanggungjawab semua golongan untuk memainkan peranan bagi memastikan pendidikan al-Quran diterapkan dalam jiwa kanak-kanak khususnya ketika mereka masih kecil lagi," katanya dalam berkongsi formula dengan melatih diri mendekati al-Quran.

Peserta program, Pegawai Tadbir dari Jabatan Bendahari, Rahiatul Adawiyah, 39 berkata, beliau bersyukur diberi peluang menyertai program selain dapat menuntut ilmu serta mengambil tips membentuk anak mencintai al-Quran.

Begitu juga dengan Penolong Pegawai Vokasional dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Siti Murzalina Sh Murad, 37 yang menyampaikan rasa gembira dan teruja kerana dapat berjumpa dengan ustaz yang merupakan idolanya.

Beliau yang begitu mengagumi

Ustaz Ahmad Tarmizi terutama apabila mengalunkan bacaan ayat suci al-Quran sebelum ini hanya melihat beliau di kaca televisyen tetapi hari ini berkesempatan berjumpa dengannya.

Majlis turut diserikan lagi dengan kehadiran Ustaz Solleh Ab Razak yang berkongsi ilmu dan pengalamannya dalam mendidik anak menjadi seorang Hafiz Quran.

Antara tips yang dikongsi beliau adalah didiklah anak solat lima waktu, kenalkan anak dengan al-Quran, raikan anak dengan hadiah jika mereka berkelakuan baik dan sentiasa mencari pendekatan yang sesuai dalam mengajar anak-anak.

Buku hasil nukilan beliau turut dijual dalam program itu antara buku yang popular adalah 'Melahirkan Anak Pecinta al-Quran', 'Annakku Seorang Hafiz' dan terbaru, Diva Solehah'.

Program diakhiri dengan majlis khatam al-Quran oleh peserta dan dipimpin oleh Ustaz Ahmad Tarmizi Ali serta penyerahan cenderahati oleh Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail kepada semua wakil Pusat Tanggungjawab dan fakulti yang terlibat sepanjang Festival Ramadan 1437H.



# Sahur percuma setiap Rabu sempena Ramadan



Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA

Lebih 100 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang menikmati sahur percuma bertempat di *Student Lounge*, Kolej Kediaman Kedua pada setiap hari Rabu sejak minggu pertama Ramadan.

Sepanjang bulan Ramadan ini, Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA) 2 dengan kerjasama Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UMP menganjurkan Program Sahur Percuma kepada semua pelajar yang diadakan pada setiap hari Rabu.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Syafiee Sungali, 22, program ini merupakan program susulan daripada Program Sarapan Percuma yang diserahkan kepada pelajar pada bulan Mei lalu.

"Program ini bertujuan untuk memudahkan pelajar untuk bersahur secara tidak langsung ianya dapat mengurangkan beban kewangan pelajar di hujung semester ini dan pelajar diploma yang baharu mendaftar awal Jun lalu.

"Program sahur ini bermula sekitar jam 4.00 pagi yang menyediakan pelbagai menu menarik setiap minggu, antaranya seperti Nasi Putih, Nasi Goreng Ayam Berempah.

"Kami juga turut menyediakan Roti Bakar dan susu bagi pelajar sebagai pilihan menu untuk pelajar. Menariknya Program Sahur Percuma ini, pelajar yang hadir akan makan secara berjemaah iaitu beramai-ramai di dalam talam seperti yang sunnahkan oleh Rasulullah S.A.W," katanya.

Beliau amat bersyukur program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan walaupun ketika ini musim peperiksaan sedang berlangsung.

Lebih menarik, selepas bersahur pelajar akan bersama-sama menyertai solat Subuh berjemaah di Surau Kolej Kediaman Kedua ini. Menerusi program ini bukan sahaja dapat memupuk pelajar amalan bersahur malah memupuk semangat solat berjemaah.

Muhammad Syafiee berharap pelajar dapat mengambil peluang untuk sama-sama menyumbang dan menyertai program bersahur bersama pada setiap hari Rabu dalam bulan Ramadan ini.

Bagi pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Mohamad Farid Mohamad Basri, 22, beliau amat berterima kasih kepada UMP dengan penganjuran Program Sahur Percuma ini.

Menerusi program ini, beliau dapat menyimpan wang untuk membeli juadah berbuka puasa untuk hari mendatang dan yang pastinya pengalaman ini tidak akan dilupakan sepanjang bergelar mahasiswa universiti.



# Program Jom Lepak @masjid jelajah bersama komuniti

Seramai 60 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Jom Lepak @ Masjid anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) di Masjid Lama Permatang Kuantan pada 20 Mei 2016 yang lalu.

Program siri jelajah komuniti ini menerapkan elemen dakwah, ibadah dan khidmat sosial kepada masyarakat setempat bagi menjayakan agenda dalam memasyarakatan universiti dengan hubungan baik melibatkan mahasiswa, universiti dan komuniti.

Menurut Pengarah Program Jom lepak @ Masjid, Ustaz Shahru Nizam Md Akhir, lokasi kali ini adalah salah satu siri jelajah program khidmat komuniti.

"Program ini adalah kesinambungan daripada program sama yang telah dijalankan dengan jayanya di Masjid Paya Bungor, Kuantan bulan April lalu.

"Melalui program ini diterapkan

elemen dakwah, ibadah dan khidmat sosial kepada masyarakat setempat selain menyeru masyarakat setempat terutama generasi muda mengimarahkan masjid," katanya.

Selain itu, program ini merupakan salah satu medium bagi warga UMP untuk berbakti kepada masyarakat setempat. Program ini berlangsung selama dua hari dan melibatkan penyertaan pelajar UMP dari Pekan dan Kampus Gambang.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah Forum Muqarabin yang bertajuk "Malam Pertama Alam Kubur" dengan barisan panel forum terdiri dari al-Fadhil Ustaz Uwais Al-Qarni Abdul Wahab, Pengetua Maahad Tahfiz Ribath al-Mustafa dan Pensyarah Kanan UMP, Dr. Mohamad Hilmi Mat Said.

Lain-lain aktiviti ialah Qiammullail, Kuliah Subuh, gotong-royong memasak dan membersihkan masjid bersama jemaah masjid.



# UMP bersama 50 pengamal industri erat hubungan kerjasama

Lebih 50 pengamal industri dari seluruh Malaysia menyertai Program Ramah Mesra Bersama Industri yang diadakan di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 25 Ogos 2016 yang lalu.

Program julung kali ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerjasama di antara universiti dengan industri di samping meninjau prospek kolaborasi dalam bidang pendidikan, penyelidikan yang berpotensi untuk dimanfaatkan bersama.

Dalam majlis itu juga, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkongsi maklumat dalam pembentangan bertemakan 'Memasyarakatkan Teknologi' dan menyampaikan perkembangan dan hala tuju universiti serta inisiatif UMP dalam memperkenalkan inisiatif MyGift sebagai dana universiti.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, untuk menjadi pemain global yang kompetitif, UMP sentiasa komited mencipta inovasi dan keunikan dalam penawaran program akademik melalui jalinan strategik di peringkat antarabangsa dengan memperkenalkan program kejuruteraan yang sentiasa ditambah nilai melalui proses penanda aras secara berterusan menggunakan model bertaraf dunia seperti program kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman.

"UMP terus mendapat kepercayaan pihak institusi Jerman, HsKA Jerman dalam menjalankan hubungan kerjasama akademik dalam program kejuruteraan bertaraf dunia. Kesinambungan daripada usaha kejayaan dalam program dwijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik kini diperluas dengan penawaran program dwijazah sarjana dalam bidang kejuruteraan automotif yang boleh dimanfaatkan masyarakat di negara ini," katanya.

Dato' Dr. Daing turut berkongsi tentang program dwijazah sarjana yang membuka lembaran baharu antara UMP dan HsKA bagi mengeratkan hubungan kerjasama strategik dan membuka peluang yang lebih meluas dalam bidang penyelidikan dan pembangunan akademik kedua-dua universiti.

Program ini bakal membuka lebih banyak peluang pelajar di negara ini untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi serta berkongsi kepakaran dalam bidang kejuruteraan Jerman yang diiktiraf dunia. Lanya termasuklah dapat dimanfaatkan dalam kalangan jurutera industri, akademia serta pengamal industri automotif di Malaysia.

UMP kini mempunyai seramai 1,801 staf dengan 600 staf mempunyai latar belakang dalam industri termasuk 156 daripadanya

mempunyai pengalaman lebih lima tahun pengalaman industri yang dapat memberi kelebihan dalam memahami keperluan industri.

Penganjuran Program *CEO@Faculty* yang dijalankan UMP turut berpeluang berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkaitan dunia korporat bersama earha universiti bagi membentuk serta membimbing dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan serta pembangunan sahsiah secara holistik.

Pada masa ini, seramai tiga orang dilantik Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Ir. Azman Mohd, Pengarah Urusan Operasi Pulau Pinang Motorola Solutions, Dr. Hari Narayanan dan Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Dr Noorul Ainor Mohd. Nor.

Pencapaian pelajar UMP juga diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila seramai tiga orang pelajar UMP dianugerahkan Biasiswa Konfusian bagi mengikuti Program Mobiliti Bahasa Mandarin Musim Panas 2016 di Tianjin Universiti, China. UMP ialah satu-satunya universiti di Malaysia mendapat biasiswa Konfusian ini.

Justeru, dalam usaha melonjakkan mutu pendidikan tinggi negara dan pada masa yang sama keperluan terhadap universiti berdikari, UMP mengadakan beberapa inisiatif lain dalam mendapatkan pendapatan bagi pembiayaan termasuk *endowmen*, tabung dan program pengkomersialan dengan memperkenalkan Program MyGift UMP yang merupakan saluran sumbangan endowmen universiti bagi tujuan tajaan biasiswa, kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat sukarelawan dalam membantu golongan yang memerlukan.

Sepuluh jenis endowmen atau tabungan yang dilaksanakan adalah Endowmen Kursi, Endowmen Biasiswa Pelajar, Endowmen Makmal/Kemudahan dan Endowmen Kecemerlangan manakala Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Tidak Patuh Syariah.

Program ini bakal diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta pihak luar terutamanya daripada industri mahupun syarikat untuk sama-sama menyumbang kepada tabung endowmen universiti.

Majlis turut dihadiri Pengurus Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd. Taib, Penaung Dewan Perniagaan Muslim Malaysia, Datuk Syed Omar Al Sagaff, Ketua Pegawai Eksekutif Widad Business Group, Dato' Mohd. Rizal Mohd. Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas ICT Sdn. Bhd., Izwan Hasli Ibrahim.



# UMP terima van jenazah sumbangan DRB-HICOM Berhad

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sumbangan wakaf sebuah van jenazah daripada pihak DRB-Hicom Berhad dalam majlis yang diadakan di Masjid UMP Kampus Gambang pada 10 Ogos 2016 yang lalu.

Hadir menyampaikan sumbangan sebuah van jenis Toyota Hiace adalah Ketua Bahagian Komunikasi Kumpulan, DRB-HICOM Berhad, Tuan Shaik Abbas Ibrahim yang menyampaikan replika kunci kepada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Turut hadir Pengurus Kanan (Sumber Manusia & Pentadbiran), Isuzu HICOM Malaysia Sdn. Bhd., Dato' Hajah Rosmah Haji Hashim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin, Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid dan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, pihaknya menghargai komitmen pihak DRB-HICOM Berhad atas keprihatinan korporatnya untuk menyumbangkan kemudahan ini untuk dimanfaatkan warga kampus.

"Dalam konteks ini, UMP komited untuk mengembangkan peluang kolaborasi yang berpotensi untuk diteroka bersama pihak DRB-Hicom Berhad dalam pelbagai lapangan yang berkaitan dengan urusan teras (core business) kedua-dua pihak," katanya.

Beliau berkata, sumbangan ini turut bermakna apabila PIMPIN berjaya menujuhan Skuad Pengurusan Jenazah UMP baru-baru ini.

"Hasrat untuk memberi khidmat berkaitan pengurusan jenazah bertempat di premis universiti ini tersebut telah berjaya direalisasikan oleh pihak PIMPIN dengan kekuatan Skuad Pengurusan Jenazah tersebut dianggotai oleh 80 sukarelawan dalam kalangan mahasiswa dan staf yang telah diberikan latihan yang khusus berhubung skop

tugasan mereka.

"Dengan adanya skuad tersebut, maka universiti ini dapat menawarkan perkhidmatan pengurusan jenazah yang lebih sempurna meliputi persediaan peralatan bagi tujuan memandikan dan mengkafarkan jenazah, menyembahyangkan jenazah dan penghantaran jenazah ke lokasi pengkebumian."

"Dengan kapasiti semasa mahasiswa yang berjumlah hampir 10,000 orang dan hampir 2,000 staf yang berasal dari pelbagai negeri dan negara, maka aspek kebijakan dan kesejahteraan warga universiti sentiasa diberikan perhatian yang serius oleh pihak pengurusan," katanya.

Tambah beliau, aspek kebijakan umpannya, tidaklah hanya terhad kepada penyediaan kemudahan penginapan, makanan dan bantuan kewangan, tetapi turut melibatkan kemudahan sokongan perubatan dan juga pengurusan kematian secara sistematik dan memudahkan tanpa menyulitkan sesiapa.

"Perkhidmatan yang sempurna dengan peralatan yang serba lengkap ini pastinya akan memberikan kelegaan kepada keluarga si mati dan dengan itu membolehkan urusan pengkebumian dijalankan dengan lebih cepat dan teratur sebagaimana yang dituntut oleh hukum Syarak," katanya.

Beliau mengharapkan agar pihak PIMPIN dapat memanfaatkan van jenazah yang disumbangkan ini dengan cermat dan hemat bagi memberikan khidmat yang terbaik kepada pihak yang memerlukan bantuan sebagai amalan jariah.

Dalam pada itu, pada masa yang sama seramai 50 orang sukarelawan Skuad Pengurusan Jenazah menyertai Kursus Pengurusan Jenazah anjuran PIMPIN.



# UMP laksana OJS pertingkat sistem pengurusan jurnal

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Pusat Sitisasi Malaysia (PSM) bekerjasama menganjurkan Bengkel Taklimat Penggunaan dan Pengendalian Open Journal System (OJS), pada 30 Mei 2016 yang lalu di UMP Kampus Gambang.

Bengkel yang dihadiri seramai 20 wakil editor jurnal fakulti itu, mendengar taklimat mengenai sistem pengurusan jurnal secara atas talian yang semakin mendapat perhatian di negara ini.

Pengarah Penerbit, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, penggunaan OJS di universiti ini adalah bertujuan untuk menggantikan sistem pengurusan jurnal yang sebelum ini menggunakan kaedah manual.

"Sebelum ini pengurusan jurnal dibuat melalui penghantaran emel semata-mata dan kaedah manual ini

banyak kekurangan, terutamanya dari segi ketepatan masa.

"Ini kerana penerbitan jurnal adalah berkala dan tarikh penerbitannya perlu dipatuhi oleh editor.

Ini juga merupakan faktor terbesar yang menyumbang kepada kegagalan jurnal untuk diindeks dan penggunaan OJS di universiti ini diharap dapat menambahkan efisiensi penerbitan yang tepat pada tarikhnya bagi meningkatkan bilangan indeks jurnal.

"Kerjasama antara pihaknya dengan PSM juga dilihat dapat memberi kesan yang positif pada masa akan datang berikutnya badan terbabit bersedia untuk membantu editor jurnal fakulti dari segi teknikal dan latihan.

"Malah, kami juga bersedia bekerjasama dengan PSM bagi membantu badan terbabit dalam usaha menggalakkan penerbitan jurnal di negara ini," ujar beliau.



# Kempen RM2 untuk Tabung Ihya Ramadan

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIFLI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Tabung Ihya Ramadan pada 17 Mei 2016 yang lalu.

Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, dalam mengajak masyarakat kampus membudayakan amalan menderma, Kempen RM2 untuk Tabung Ihya Ramadan hasil sumbangan dan tajaan daripada seluruh warga kampus walaupun sedikit amat bermakna buat pelajar dan insan yang memerlukan bantuan.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menyampaikan sumbangan MyGift sebanyak RM90,000.00 kepada pihak PIMPIN sebagai penyediaan jamuan makan sepanjang bulan Ramadan.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung forum sambutan Israk dan Mikraj untuk menghayati peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad S.A.W dan rahiannya serta memberi kesedaran dan memupuk perasan kasih dan cinta kepada junjungan besar Nabi Muhammad.

Panel jemputan terdiri daripada pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Ustaz Ahmad Irfan Ikmal Hisyam dan Ustaz Shahril Ahmad serta Ustaz Azlan Abdul Rahman dari Jabatan Agama Islam Pahang. Perkongsian panel mengenai pengertian Israk dan Mikraj membantu pemahaman yang lebih kepada para hadirin.

UMP mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan individu serta badan-badan korporat sama ada di dalam maupun luar negara dalam menyokong pembudayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan di UMP ini dengan melayari laman web UMP <http://www.ump.edu.my>.





# UMP kongsi kepakaran tingkat kemahiran penulisan ilmiah

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Penganjuran Kursus *EndNote Introductory Workshop* oleh Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 24 Jun 2016 yang lalu di Perpustakaan UMP Kampus Gambang berjaya menarik lebih 30 kehadiran peserta dari luar dan dalam universiti ini.

Peserta terdiri daripada pelajar pascasiswazah dan pensyarah sekitar kolej berhampiran bandar ini termasuk Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Kolej PolyTech MARA (KPTM) dan Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Kursus disampaikan oleh Ketua Editor Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES), Dr. Muhamad Mat Noor dan Editor International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME), Profesor Madya Dr. Kumaran Kadrigama di Perpustakaan UMP

Seorang peserta, Azriana Ridouan berkata, input kursus tersebut amat bagus untuk peserta yang kurang pengetahuan dalam membuat teknik rujukan dan banyak membantunya untuk melengkapkan kertas kajian.

“Saya berpendapat, kursus seumpama ini wajar diteruskan pada masa akan datang dengan siri yang lebih ke hadapan kerana pengetahuan asas telah dibina.

“Ianya banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis terutamanya dalam mencari dan membuat sumber rujukan dengan lebih baik,” katanya yang juga Pensyarah KUIPSAS.

Sementara itu, Pengarah Penerbit, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, pihaknya akan sentiasa menyediakan kursus yang berkaitan dengan penulisan ilmiah bagi membantu peserta meningkatkan kemahiran dan kualiti.



# UMP kumpul dana MyGift 1.8 juta untuk Endowmen Biasiswa Pelajar

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraikan warganya dalam meningkatkan produktiviti, kualiti kerja, keikhlasan sumbangan dan kecemerlangan perkhidmatan dalam merealisasikan dua agenda perdana iaitu inisiatif *MyGift* dan penarafan autonomi untuk UMP.

Majlis dirasmikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail dan Pendaftar, Abd Hamid Majid.

Seramai 160 orang dirai dalam Majlis Apresiasi *MyGift* dan Jawatankuasa Pelaksana Audit Kesediaan Autonomi UMP yang berlangsung di Hotel Royale Ancasa Pekan pada 20 Julai 2016 yang lalu.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Kelestarian Kewangan merupakan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Universiti dan Lonjakan Strategik yang kritikal untuk UMP.

Justeru, atas kesedaran tersebut dan realiti pembiayaan geran kerajaan terhadap operasi universiti, pihak pengurusan melihat bahawa sumber-sumber kewangan dan kekayaan baharu perlu diteroka sendiri oleh UMP bagi manfaat kelestariannya dalam tempoh jangka panjang.

“Dalam konteks sektor pendidikan tinggi global, endowmen merupakan satu bentuk dana kewangan dan rizab aset yang diagregasikan sesebuah universiti untuk menyokong dan membiayai misi pendidikannya secara konsisten daripada sumber-sumber yang diperoleh daripada penyumbang individu dan korporat.

“Dengan strategi promosi dan advokasi yang proaktif serta insentif nilai yang atraktif kepada kelompok penyumbang, endowmen berupaya menjana dana kewangan dan rizab aset yang

amat signifikan kepada sesebuah universiti,” katanya.

Ujar beliau, realiti ekonomi semasa dan komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan serta status autonomi yang dimiliki UMP kini telah turut mencabar untuk mendakap inisiatif *MyGift* sebagai nadi pertumbuhan endowmen secara proaktif. Malah pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut meminta semua Universiti Awam (UA) untuk meneroka prospek endowmen seoptimum mungkin bagi mengurangkan kebergantungan kewangan mereka kepada sumber Kerajaan Persekutuan semata-mata.

Selain itu, katanya inisiatif *MyGift* harus juga lestari dalam kerangka strategik yang terancang dan terarah. Untuk itu, usaha yang proaktif perlu dilakukan untuk mengumpulkan sumbangan daripada pelbagai sumber untuk dimanfaatkan oleh universiti ini bagi tujuan tajaan pengajian dan peningkatan fasiliti dan kualiti akademik di UMP.

Dato' Dr. Daing Nasir berkata, satu daripada tabung tersebut ialah Endowmen Biasiswa Pelajar dan pihak pengurusan amat menghargai komitmen yang telah diperlihatkan oleh Pusat-pusat Tanggungjawab untuk memudahkan cara penyaluran sumbangan kepada endowmen ini bagi manfaat mahasiswa UMP yang menghadapi masalah kewangan yang tulen.

Buat pertama kalinya, Lembaga Pemegang Amanah *MyGift* telah bersetuju meluluskan skim tajaan biasiswa untuk mahasiswa baharu yang akan mendaftar bagi Sesi Akademik 2016/2017.

Biasiswa ini akan diberikan kepada 10 mahasiswa yang mempunyai latar belakang keluarga yang miskin tetapi memiliki keputusan yang cemerlang untuk meneruskan pengajian di UMP.

Melalui inisiatif *MyGift* juga, satu skim bantuan insentif pendidikan bernilai RM 1,000 juga telah diluluskan untuk manfaat para mahasiswa baharu yang menghadapi masalah kewangan.

Bantuan akan disaring di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni bertujuan membolehkan para mahasiswa baharu yang mempunyai masalah kewangan yang mendesak menyediakan keperluan-keperluan berkaitan bagi memulakan pengajian di sini.

Lain-lain program dalam usaha membantu mahasiswa termasuklah Kongsi Rezeki, Food For All, kupon makanan, pengagihan zakat dapat terus dilestarikan serta lain-lain manfaat.

Dalam majlis ini, sebanyak 1.8 juta disumbangkan setiap jabatan dalam usaha menyokong inisiatif *MyGift* bagi Endowmen Biasiswa Pelajar.

Pada masa yang sama, UMP turut meraikan warga universiti yang sentiasa memberi komitmen dalam usaha mendapatkan penarafan autonomi.



# Kunjungan alumni UMP beri sinar 72 keluarga sambut Syawal

Oleh: SITI SARAH MOHAMAD RAJIMI

Kunjungan seramai 30 sukarelawan alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam Program Ziarah Prihatin Syawal 2016 pada Ramadan yang lalu ketika menziarahi keluarga yang kurang berkemampuan ternyata memberi sinar keceriaan kepada mereka.

Program anjuran Persatuan Alumni UMP dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, iBantu IKRAM Pahang, Kolej Kediaman 4 dan Hidayah Centre Foundation itu diadakan pada 26 Jun 2016 yang lalu.

Seramai 72 buah keluarga sekitar Kuantan meliputi Tanah Putih, Kampung Kurnia, Rumah Mualaf Hidayah Centre, Kampung Padang dan Jaya Gading menerima sumbangan keperluan makanan tradisi menyambut 1 Syawal seperti nasi impit, agar-agar, susu, kordial minuman, biskut dan bihun serta bantuan kewangan hasil sumbangan orang ramai yang disalurkan kepada persatuan alumni UMP.

Menurut Pengarah Program, Ahmad Haziq Ahmad Qalam, program ini dijalankan bagi meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan dan lanjutan daripada program Ziarah Ramadan yang diadakan sepanjang bulan Ramadan sebagai usaha dalam menyemarakkan semangat kesukarelawanan dan membantu mereka

yang memerlukan.

Ahmad Haziq berharap dapat mengumpul lebih banyak sumbangan terutamanya dalam kalangan alumni UMP agar dapat membantu lebih ramai insan yang sangat memerlukan bantuan serta mempelbagaikan aktiviti sebagai usaha menyokong usaha universiti dalam memperkenalkan inisiatif universiti komuniti dan mengumpul dana sumbangan MyGift yang dapat dimanfaatkan termasuk usaha membantu masyarakat setempat.

Bagi penerima sumbangan yang dikenali sebagai Umi Kalsom dari Kampung Tanah Putih berkata, beliau bersyukur menerima sumbangan ini memandangkan sebelum ini mereka hanya mengharapkan juadah raya hasil pemberian jiran sekeliling malah beliau tidak sabar untuk memasak sendiri juadah raya seperti nasi impit berserta kuah kacang dan rendang ayam yang menjadi kegemaran anak-anak.

Begitu juga dengan penerima lain yang dikenali sebagai Norazlina dari Kampung Permatang Badak yang merupakan ibu tunggal kepada lapan orang anak. Sejak kematian suami, mereka sekeluarga hilang tempat bergantung dan tiada sumber pendapatan. Dengan sumbangan ini sudah pastinya mereka sekeluarga dapat memakai pakaian baharu untuk meraikan Syawal.



# Konvoi Kembara Singgah Sahur edar 700 bungkus makanan

Sebanyak 700 bungkus makanan untuk bersahur diedarkan kepada rumah anak-anak yatim dan petugas yang berkhidmat sepanjang malam dalam program Kembara Singgah Sahur Penyayang anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Greener's Tok Gajah Exora Owner Car Club Malaysia (EOCM), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan Kelab Penyayang UMP.

Program yang diadakan sekitar Kuantan itu pada 24 Jun 2016 yang lalu turut mendapat sokongan daripada UMP Advanced Education (UAE), Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan KTM Pahang Rider.

Acara bermula selepas pelepasan konvoi yang disempurnakan Timbalan Naib Canselor UMP (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin di perkarangan Dataran UMP Kampus Gambang yang juga dihadiri Presiden EOCM, Zairy Lazran Asli.

Dalam program ini, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Pahang, Dato' Haji Shafik Fauzan Haji Sharif turut sama hadir mengedarkan makanan kepada petugas di Hospital Besar Tengku Ampuan Afzan (HTAA).

Pada kali ini, konvoi singgah di pejabat Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan, Rumah

Kebajikan Seri Permai Taman Tas, Rumah Anak Yatim Hembusan Amal Kasih Sayang, Balai Bomba Indera Mahkota, Casa Harapan dan Rumah Anak Yatim Permata Camar.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, dengan berkonsepkan singgah mesra sambil menyerahkan sumbangan juadah bersahur.

"Program kali ini juga memfokuskan kepada petugas yang menjaga keselamatan dan ketenteraman awam serta kecemasan seperti di hospital selain menzahirkan semangat kesukarelawanan membantu golongan yang memerlukan."

"Program ini adalah sebahagian daripada inisiatif UMP dalam menyokong Program MyGift UMP dan agenda kesukarelawanan dalam menjadi universiti komuniti."

"Penglibatan pelajar dan staf UMP termasuk komuniti setempat ini dapat merapatkan hubungan antara peserta dan masyarakat luar serta memahami kehidupan bermasyarakat dan memupuk nilai-nilai murni dan jati diri peserta," katanya.

Sementara itu, bagi Zairy Lazran, penglibatan pihaknya dalam konvoi seperti ini yang masuk tahun kedua memberi kesempatan pihak kelab kereta Exora membawa keluarga bersama-sama bertemu dengan warga tuan, anak-anak yatim dan komuniti setempat.

Manakala menurut Pengarah Program, Amira Mohd. Mustafa dari Kelab Penyayang UMP berkata, penganjuran program ini adalah sebagai salah satu usaha mendekatkan diri mahasiswa untuk membantu masyarakat tanpa mengira umur dan bangsa.

"Dalam masa yang sama, mahasiswa dapat menimba pengalaman yang baharu dengan berpeluang bersahur bersama-sama serta memupuk kesedaran para peserta betapa pentingnya kasih sayang untuk dirasai oleh anak-anak yatim di Rumah Kebajikan Permata Camar ini," katanya.

Program turut dimeriahkan dengan penglibatan seramai 40 pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) Tun Abdul Razak Pekan.

Sebanyak 45 kereta Exora dan 10 motosikal mengiringi konvoi dalam memastikan makanan dapat sampai ke destinasi tepat pada masanya.



# Ziarah Prihatin Ramadan UMP bantu insan lain kurang berkemampuan

Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (Alumni UMP) dengan kerjasama NGO I-Bantu IKRAM Pahang, Hidayah Centre Pahang, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan Kolej Kediaman 4 telah menganjurkan Program Ziarah Prihatin Ramadan 2016 pada 4 Jun 2016 yang lalu.

Program yang melibatkan seramai 50 orang sukarelawan itu memfokuskan pengagihan sumbangan dalam bentuk barang keperluan harian dan tunai kepada mereka yang kurang bernasib baik (mualaf), masyarakat orang Asli beragama Islam serta golongan orang kelainan upaya (OKU) dari tujuh buah kampung yang terpilih di sekitar Kuantan melibatkan 85 keluarga.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin berkata, siri pertama program ziarah ini berjalan serentak di lima buah lokasi iaitu Kampung Tiram, Kampung Teruntum, Kampung Kurnia, Kampung Sungai Isap, Kampung Padang dan ziarah rumah ke rumah saudara baharu Islam di bawah seliaan Hidayah Centre Pahang.

"Hari ini seramai 65 penerima menerima sumbangan berupa paket barang keperluan harian yang mengandungi beras, minyak masak, rempah ratus, kicap, gula, kopi, susu dan lain-lain, set telekung solat dan sejajah serta sedikit wang tunai hasil sumbangan terkumpul Persatuan Alumni UMP, sumbangan peribadi alumni-alumni UMP dan sumbangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMP manakala daripada pihak I-Bantu IKRAM Pahang menyampaikan sumbangan wang tunai."

"Bantuan seperti ini bukan sahaja bermakna buat mereka yang



menerima malah kita juga dapat memenuhi tanggungjawab sosial dalam membantu masyarakat setempat," ujar beliau.

Menurut Tok Empat Kampung Tiram, Tuan Haji Abd Rahama berkata, sumbangan keperluan harian yang diberikan ini sedikit sebanyak mampu meringankan beban dan menceriakan golongan yang memerlukan bagi menyambut kedatangan Ramadan.

Seorang penerima bantuan, Azizah Zakaria, 53, melahirkan rasa syukur kepada UMP dan pihak yang terlibat kerana menghulurkan bantuan tersebut. Beliau yang menghidap sakit kronik buah pinggang tidak mampu membuat kerja-kerja berat.

Beliau amat gembira kerana terpilih dalam salah seorang yang menerima sumbangan ini kerana keperluan dapur masih belum dibeli.

"Sumbangan ini adalah rezeki dari Allah untuk saya sekeluarga menyambut puasa tahun ini," katanya.

Begitu juga dengan Roshayati Mamat, 54, merupakan insan kelainan upaya yang pekak dan bisu berterima kasih kerana sumbangan ini amatlah diharapkan olehnya. Beliau hanya mengambil upah menjahit langsir untuk menampung perbelanjaan empat orang anak yang masih bersekolah.

Hadir menyampaikan sumbangan Yang di-Pertua Pertubuhan IKRAM Negeri Pahang Suhaimi Mohd Aripin mewakili I-Bantu Pahang yang turut serta dalam program ziarah ini di Kampung Tiram. Majlis turut dihadiri oleh Pengurus Hidayah Centre Pahang, Tuan Haji Zuraidi Ismail, serta Pengarah Program Ziarah Prihatin Ramadan 2016 daripada Persatuan Alumni UMP, Mohd Najib Razali.



# UMP rai 165 ahli keluarga asnaf terima sumbangan dan bantuan Aidilfitri

Seramai 165 orang dalam kalangan keluarga asnaf sekitar Kuantan dan Pekan dirai dalam Majlis Berbuka Puasa anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan UMP Advanced Education (UAE) pada 19 Jun 2016 yang lalu bertempat di Restoran Mc Donald's Indera Mahkota, Kuantan.

Dalam majlis itu, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berangkat mengurnikan sumbangan berbentuk makanan, keperluan harian, keperluan solat dan pakaian kepada 30 keluarga yang kurang berkemampuan ini.

Berangkat sama paduka anakanda Yang Mulia Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah bersama Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah Ibni Tengku Abdullah Al-Haj.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama isteri, Datin Fazia Ali yang juga Penasihat Persatuan Wanita UMP, Pendaftar, Abd Hamid Majid, Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced Education (UAE), Mohd. Rozi Hassan dan Presiden Persatuan Wanita UMP, Profesor Datin. Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, UMP mengambil inisiatif mendekati masyarakat dalam Program Jejak Asnaf Fakir Miskin yang dilaksanakan bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan dalam menjalani kesempitan kehidupan seharian terutamanya ketika umat Islam menjalani ibadah berpuasa pada bulan Ramadan.

Program yang dijalankan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) sempena Festival Ramadan pada tahun ini berjaya menjelaki lebih 30 golongan asnaf yang fakir dan miskin yang tinggal sekitar Kuantan dan Pekan.

"Program Jejak Asnaf Fakir Miskin memberi peluang dalam kalangan warga universiti untuk turun padang menghulurkan sumbangan keperluan asas seperti bantuan bekalan makanan,

keperluan rumah dan sumbangan baju raya untuk mereka merasai kegembiraan Syawal.

"Segala persiapan sumbangan diselaraskan menerusi Jawatankuasa Kebajikan di Jabatan Pendaftar dengan digerakkan pihak Persatuan Wanita UMP yang giat mengumpul sumbangan daripada pihak korporat dan orang ramai yang berhasrat membantu golongan yang memerlukan.

"Usaha ini merupakan salah satu program yang dijalankan dalam usaha mendekati masyarakat sekitar dalam membangunkan komuniti setempat yang mana universiti pada ketika ini turut memberi tumpuan terhadap program komuniti, kemasyarakatan dan kesukarelawanan," katanya yang hadir sama menyampaikan sumbangan kepada penerima manfaat.

Justeru ujar Profesor Dato' Dr. Daing, program MyGift UMP merupakan satu inisiatif mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen atau tabung bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu bagi golongan yang memerlukan.

Dalam memeriahkan Festival Ramadan, UMP turut mengadakan Iftar bersama penduduk kampung, berbuka puasa berjemaah (Iftar Jamaie) di kampus dan program gotong-royong yang dijalankan staf dan pelajar mengikut jabatan yang ditetapkan secara bergilir.

Sepanjang Ramadan, UMP turut menganjurkan program Jelajah Ramadan Asian 2016 yang memberi peluang pelajar UMP merasai pengalaman berpuasa, bersahur dan berbuka puasa bersama anak-anak yatim di Rumah Kebajikan Nurul Dayah di Aceh Indonesia.

Selain itu, Program Ziarah Prihatin Ramadan dan Ziarah Prihatin Syawal anjuran bersama alumni UMP juga turut menyokong inisiatif universiti ini yang cukup sinonim dengan program kesukarelawanan dan juga universiti komuniti.



# Penghuni Perempuan Maahad Lil Aytam gembira terima sumbangan raya

Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) baru-baru ini meluangkan masa bersama 46 pelajar Maahad Lil Aytam (MLA) Sungai Buloh pada 28 Jun 2016 yang lalu.

Kehadiran Penasihat Matahari UMP, Datin Fazia Ali bersama Presiden Matahari, Profesor Datin Dr. Mimi Sakinah Abd Munaim bersama jawatankuasa persatuan, Datin Wan Maizurina Wan Othman memeriahkan sesi berbuka puasa dan berpeluang beramah mesra dengan penghuni di sini.

Pada masa yang sama, Datin Fazia Ali turut menyampaikan sumbangan hari raya kepada pelajar dan Maahad tersebut.

Katanya, kunjungan ini merupakan sebahagian daripada usaha persatuan dalam menyampaikan sumbangan kepada golongan yang memerlukan bantuan terutama anak-anak yatim, fakir, miskin dan golongan asnaf yang lain.

Menurut Pengasas Maahad itu, Susi Nurani Razikin, pihaknya amat berterima kasih kepada UMP atas kunjungan dan sudi untuk bersama meriahkan berbuka puasa bersama anak-anak di maahad ini.

“Saya juga terharu dengan keprihatinan yang diberikan oleh UMP walaupun lokasi

yang berjauhan dengan maahadnya.

“Maahad ini mula ditubuhkan sejak empat tahun lalu yang menempatkan lebih 40 pelajar wanita yang berusia dari tujuh tahun hingga 18 tahun.

“Pelajar di sini ini terdiri daripada pelbagai golongan antaranya terdiri daripada anak yatim dan dari keluarga yang mempunyai masalah kewangan,” katanya

Tambah beliau lagi, kurikulum di sini adalah berdasarkan kepada al-Quran, tetapi juga menggabungkan pelbagai subjek akademik untuk menggalakkan pelajar mendalami pelbagai ilmu

“Di samping itu, MLA mengajar perempuan cara-cara untuk menggabungkan amalan mampan ke dalam rutin harian mereka dan terdedah kepada aktiviti beliau Nabi menunggang kuda, memanah, dan berenang,” ujar Susi.

Manakala menurut salah seorang pelajar, Nur Hafisyah Athira Hashim, 13 yang telah tinggal di maahad tersebut sejak 2 tahun lalu berkata, beliau amat berteima kasih diatas sumbangan berbuka puasa dengan sumbangan duit raya yang telah diberikan.

“Diharapkan UMP akan berkunjung lagi untuk melawat kami di sini,” ujarnya.





# Pameran Kemerdekaan di Perpustakaan UMP

Oleh: SITI SARAH MOHAMAD RAJIMI

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Program Kibaran Jalur Gemilang dan Pameran Kemerdekaan bersempena Sambutan Kemerdekaan 2016 ‘Sehati Sejawa’ yang bermula sejak 1 Ogos lalu berakhir pada 15 September 2016 di UMP Pekan.

Lebih 200 pelawat yang antaranya pelajar dan guru-guru dari Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tun Abdul Razak, Sekolah Kebangsaan Tanjung Medang Pekan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Maharaja Pasir Putih Kelantan berpeluang menyaksikan pameran sejarah kemerdekaan negara.

Selain melihat pameran, pelajar turut dibawa melawat sekitar perpustakaan dan diberi peluang untuk membaca bahan bacaan yang terdapat di sini.

Ketua Pustakawan UMP, Tuan Haji Ruslan Che Pee berkata, tujuan utama pemeran ini adalah sebagai tanda penghargaan kita kepada kesemua pejuang negara yang telah mempertahankan dan memerdekakan Malaysia serta memberi peluang generasi muda mengenali tokoh-tokoh ini dan tidak melupakan jasa mereka.

“Negara kita Malaysia menghampiri sambutan kemerdekaannya yang ke-59, semangat juang dan cintakan negara itu penting jika kita



mahu melihat negara kita, dan rakyatnya mencapai kemajuan dalam dekad akan datang,” katanya.

Beliau percaya tidak kira apa warna kulit atau bahasa pertuturan, terdapat nilai-nilai sejagat yang perlu dikongsi bersama dalam menyatukan rakyat di negara ini.

Sementara itu, Pustakawan Kanan UMP, Ahmad Nurudin Abdul Nasir yang merupakan pegawai yang bertanggungjawab dalam mengurus bahan-bahan pameran di sini berkata, antara yang dipamerkan adalah wajah-wajah pejuang negara, gambar-gambar tentera Melayu, tokoh politik, senarai Menteri-Menteri Besar Pahang dan juga tema dan logo sambutan kemerdekaan bermula dari tahun 1987 sehingga kini.

Turut dipamerkan gambar tokoh adalah Allahyarham Y.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Shah, Tok Janggut, Tok Gajah Dato' Maharaja lela, Mat Kilau, Mat Salleh dan ramai lagi.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada Muzium Tokoh Negeri Pahang dan pihak perpustakaan berharap agar program sebegini akan terus dilaksanakan bagi menyemai semangat patriotik dalam kalangan warga universiti.



# 50 sertai Kem Motivasi dan Klinik Badminton Bersama Dato' Razif Sidek

oleh: NOR FADZILLAH ZULKIFLY



Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang berguru bersama jaguh badminton negara iaitu Dato' Mohamad Razif Dato' Haji Mohd Sidek dalam penganjuran Kem Motivasi dan Klinik Badminton 'The Route to be World Champion' anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada 25 Mei 2016 yang lalu.

Lebih 50 orang peserta hadir menyertai program dan berkongsi rahsia kejayaan Dato' Mohamad Razif yang berjaya melonjakkan nama Malaysia hingga ke peringkat antarabangsa. Program turut dihadiri Ketua Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Haji Safie.

Menurut Abd. Rahman, program ini memberi peluang kepada pelajar untuk

bertemu dengan ikon badminton negara bagi berkongsi semangat dalam mencapai kejayaan dalam bidang sukan yang diminati terutamanya sukan badminton.

"Dato' Razif bukan sahaja menjadi pemain badminton yang disegani malahan juga seorang ahli perniagaan yang berjaya," ujar beliau.

Sementara itu, Dato' Razif menyifatkan sokongan yang kuat dari keluarga faktor utama beliau dan adik beradiknya berjaya menempa nama di dalam sukan ini.

"Sentiasa berusaha dengan lebih gigih, berbincang dengan jurulatih dan orang yang dipercayai untuk menghadapi perlawanan yang seterusnya adalah penting untuk mendapatkan tumpuan yang sepenuhnya,"

katanya.

Bagi Aina Mardiyah Kamaruzzaman, 24, berpendapat klinik sebegini mendekatkan mereka kepada ikon negara sekaligus mendapatkan tips-tips berguna untuk kekal di dalam bidang sukan yang diminati.

Manakala bagi pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Ng Pui Xin, 22, selepas mendapat tunjuk ajar dari Dato' Razif secara peribadi membuatkan beliau ingin lebih serius di dalam sukan badminton yang diminati sejak dari bangku sekolah.

Katanya, cara memegang raket yang betul turut mempengaruhi pukulan supaya dapat membuat pukulan yang baik. Program turut disertai peserta dari Kelab Badminton Politeknik Metro Kuantan.



## UMP cemerlang Seni Gerak Silat Tradisional Pahang

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIFLY

Persatuan Pencak Silat Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menyertai Pertandingan Seni Gerak Silat Tradisional Pahang 2016 bertempat di Pekan Chenor Lama, Maran pada 14 Mei 2016 yang lalu.

Pertandingan yang merupakan anjuran Persatuan Seni Silat Senaman Gerak Sentuhan Kuantan dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pahang itu merupakan program Merakyatkan Seni Budaya (PMS) Seni Bela Diri.

Sebanyak sepuluh pasukan telah mengambil bahagian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang silat dari seluruh Malaysia.

Pasukan pencak silat UMP diketuai Nor Azazi Mamat serta Mohd Zulfahmi Zulkifli selaku Jurulatih Pasukan.

Persatuan Pencak Silat UMP telah mengungguli beberapa kategori sekaligus dinobatkan sebagai Pasukan Terbaik dan membawa pulang hadiah berupa piala pusingan, pingat dan wang tunai.

UMP mengungguli pertandingan dengan menang Pasukan Terbaik, Persembahan Terbaik kategori Gerak Solo Tanpa Senjata dan

Gerak Tempur Tangan Kosong serta tempat kedua Gerak Jurus Kumpulan Tanpa Senjata.

Menurut Mohamad Taufik Mohamad Fauzi,<sup>19</sup> dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), latihan yang konsisten sebelum pertandingan membawa hasil apabila berjaya menjuarai Gerak Solo Tanpa Senjata dan sungguh gembira kerana dapat membanggakan UMP.

Antara persatuan yang terlibat di dalam pengajian kali ini ialah Persatuan Seni Silat Senaman Gerak Sentuhan Kuantan, Persatuan Seni Silat Sembah Pahang, Persatuan Seni Silat Warisan Belebat dan Persatuan Seni Silat Lian Sabili Terengganu.

Bagi Jurulatih Pasukan, disiplin yang tinggi oleh para atlet menjadikan mereka mampu mengatasi pihak lawan.

“Saingan sengit dalam kalangan atlet kerana persembahan mereka mengikut perguruan atau persilatan masing-masing” katanya.

Majlis penyampaian hadiah dan sijil penyertaan disampaikan oleh Penasihat Persatuan Pengawal Peribadi (BGM), Dato’ Seri Dr. Shah Harizal Kamarudin.





# Temasya Olahraga UMP dapat tumpuan

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI



Temasya Olahraga Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2016 menjadi acara tahunan Pusat Sukan & Kebudayaan yang dinanti peminat sukan olahraga.

Acara anjuran Pusat Sukan & Kebudayaan itu bertujuan mencungkil bakat sukan dan mengenal pasti atlet yang berpotensi dalam kalangan mahasiswa dan staf universiti selain membantu persediaan bakal-bakal atlet yang akan mewakili UMP dalam Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) pada tahun ini.

Temasya yang diadakan di Sekolah Sukan Malaysia Pahang, Gambang pada 14 Mei 2016 yang lalu itu berlangsung dengan suasana meriah apabila mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Mahasiswa dibahagikan mengikut fakulti manakala staf pula dibahagikan mengikut gabungan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Menurut Ketua Pusat Sukan & Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Haji Safie, temasya kali ini berjalan lancar dan mendapat sambutan walaupun kita mengalami El-Nino iaitu musim cuaca panas.

“Namun saya percaya setiap atlet sudah membuat persediaan masing-masing untuk mencapai kegemilangan merebut juara,” katanya yang hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Bagi Muhammad Alif Faisal Roeslan, 23,

dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), pengajuran pada tahun ini menampakkan persaingan yang hebat dalam kalangan mahasiswa.

Beliau yang merupakan peserta acara 800m dan 1,500m mewakili fakultinya dapat melihat kesungguhan setiap fakulti apabila berjaya menghantar wakil serta mengambil bahagian dalam semua acara yang dipertandingkan.

Manakala gabungan PTJ juga tidak kurang hebatnya apabila setiap gabungan bersaing untuk mendapatkan tempat merebut pingat emas bagi PTJ masing-masing.

Acara yang menarik perhatian antaranya larian berganti-ganti 4x100 m staf wanita dan 4x400m staf lelaki yang mendapat sorakan paling gemuruh dalam kalangan penonton.

Temasya olahraga tahun ini mempertandingkan lempar cakera, lontar peluru, merenjam lembing, 100m, 200m, 400m, 4x100m, 4x400m, 1,500m dan 5,000m.

Temasya menyaksikan pemenang Dr. Nurul Nadrah Aqilah Tukiman dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) menjuarai acara 800m dan 200m.

Manakala Dr. Siti Rabiatull Aisha Idris mengungguli acara 1,500m dan 400m (Perak). Tidak ketinggalan Muhammad Ramddan Zahari menjuarai acara 1,500 m dan 800 m bagi kategori staf.



## ***UMP Racing sertai sambutan kemerdekaan***

UMP Racing Team (UMP RT) menyertai Sambutan Kemerdekaan Malaysia Ke-59 yang diraikan pada 31 Ogos 2016 yang lalu bandar Kuantan.

UMP RT mewakili universiti menampilkan dua buah jentera yang merupakan enjin kenderaan bagi kategori 131 cc dan 250cc.

Jentera yang dibawa ini disediakan sebagai persiapan pasukan ini untuk menyertai perlumbaan Educational Innovation Motorsport dan Automotive Race (EIMARACE) 2016 anjuran Malaysian Japan International Institute of Technology (MJIIT) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada masa akan datang.

Bagi ketua perarak, Muhd Kairul Rizwan Mohamad Kamaruzaman, 30 dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berkata, perarak kali ini memberi semangat kepada kami untuk bertanding di dalam perlumbaan EIMARACE nanti.

"Penglibatan pasukan kami tahun ini untuk menunjukkan semangat patriotik untuk

sambutan tahun ini.

"Dalam pada masa yang sama kami juga dapat memperkenalkan jentera baharu pasukan kami" katanya.

Manakala bagi dua orang mahasiswa yang mengendalikan jentera sepanjang perarakan berasa bangga atas pencapaian yang dicapai oleh pasukan apabila mereka berjaya menyiapkan jentera yang sekaligus dapat dipertontonkan kepada orang ramai.

Bagi Muhammad Ilman Mohd Rizam dan Wan Amir Haziq Wan Mohd Pandi, 22 dari fakulti yang sama memandu jentera 131 cc dan 250 cc bertuah kerana dapat bersama-sama meraikan sambutan kemerdekaan tahun ini dengan cara persembahan yang menarik.

Selain UMP, sambutan turut disertai MJIIT UTM, TATI University College dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Pekan serta Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKT) Kemaman yang juga mengambil bahagian dengan mempertontonkan kehebatan jentera masing-masing.





# UMP tumpuan peminat sukan berbasikal *UMP Funride*

Lebih 300 peserta dalam kalangan peminat sukan berbasikal berkayuh sejauh 70 kilometer sekitar Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan dan kampung berhampiran seperti Tanjung Gosong, Pantai Sepat, Kempadang, Jalan Utama Kuantan Pekan, Tanah Putih dan berakhir di kampus UMP pada 29 Mei 2016 yang lalu.

Penganjuran program *UMP Funride* yang julung kali diadakan anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dengan kerjasama Adham Bike Centre (ABC) serta syarikat lain termasuk 100 Plus, Nestle dan Pengurusan Air Pahang.

Menurut Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd. Rahman Haji Safie, program bertujuan mempromosi UMP Pekan kepada masyarakat di samping dapat menarik mereka menikmati keindahan kampus dan beberapa lokasi menarik di sekitar Pekan ini.

"Penglibatan peserta luar yang terdiri dari pihak Edubike Club, Forbearing Cycling Team, Galing Cycling Club dan Lipat Kayuh Team memberi peluang peserta menjalinkan hubungan baik dengan

peminat sukan berbasikal peserta yang datang bukan sahaja sekitar negeri Pahang malahan dari negeri Terengganu dan Pulau Pinang.

"Pada masa yang sama, menerusi program ini masyarakat sekeliling dapat merasai kewujudan UMP yang juga mempunyai kampus di Kuala Pahang," katanya.

Manakala Pengarah Program, Nor Azazi Mamat berkata, *UMP Funride* ini bermaksudkan kayuhan santai dan terdapat juga peserta kanak-kanak yang berumur seawal 11 tahun.

Menjayaikan program, bantuan seramai 33 orang marshall dari Auto Speed Owners Club (ASOC) yang banyak membantu melancarkan perjalanan program.

Bagi majlis pelepasan kayuhan telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusarie Zainuddin dan sesi penyampaian hadiah cabutan bertuah telah disampaikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Pusat Aktiviti Pelajar, UMP Pekan.



# Kumpulan Teater Senandika raih naib juara

Oleh: NOOR AFIZA MOHD. ASMI

Kumpulan Teater Senandika dari Sekretariat Kebudayaan & Kesenian Universiti Malaysia Pahang (UMP) muncul naib juara bagi Pertandingan Pengisahan Kenegaraan 1 Malaysia Peringkat Negeri Pahang mewakili daerah Pekan dengan membawa pulang wang tunai RM2,000.00, sijil dan cenderamata dalam pertandingan akhir yang dijalankan di Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan pada 25 Mei 2016 yang lalu.

Lima kumpulan telah melayakkan diri ke peringkat akhir iaitu kumpulan yang mewakili daerah Pekan, Kuantan, Raub, Maran dan Jerantut dalam pertandingan saringan melibatkan 10 kumpulan peringkat saringan yang diadakan di Sempurna Resort, Kuantan.

Program anjuran Jabatan Penerangan Negeri Pahang ini bertujuan menggalakkan masyarakat umum menyampaikan pandangan

dan pendapat mengenai peristiwa-peristiwa bersejarah dan juga tokoh-tokoh yang telah diiktiraf kejayaan mereka di Malaysia sebagai satu usaha pendidikan berterusan yang boleh dimanfaatkan dalam proses pembinaan negara bangsa dan jati diri rakyat Malaysia.

Selain itu, pertandingan ini dapat memupuk dan menyuburkan semangat intergrasi nasional antara wilayah, suku kaum, budaya dan kepercayaan melalui rentetan sejarah dan perjuangan tokoh-tokoh negara, mentasan selama 15 minit ini menampilkan naskhah bertajuk 'Aku Kartunis' karya Mohamad Radzi Mohd Sojak, mahasiswa tahun 2 Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) berkisahkan perjuangan Datuk Lat atau nama sebenarnya Mohammad Nor Khalid dalam menyatupadukan bangsa di Malaysia serta jasa dan bakti beliau kepada tanahair.

Menurut Mohamad Radzi, ilham menulis skrip mengenai tokoh kartunis terhasil apabila kami cuba mencari seorang tokoh yang hampir dilupakan oleh generasi muda supaya dapat disampaikan dengan cara yang lebih mudah difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengenal usia.

"Selain itu pihaknya cuba untuk keluar daripada konteks skrip yang biasa dipersembahkan seperti Tunku Mohamad Saad, Rantap, Tun Hussien Onn, Tun Abdul Razak dan sebagainya," katanya.

Manakala menurut Ketua Kumpulan Senandika, Ili Zhafirah Mardhiah Hashim, program ini adalah salah satu cabaran yang disahut bersama bagi mempelajari satu ilmu baharu untuk kami.

"Komitmen dan kerjasama yang tinggi amat perlu bagi memastikan hasil yang

dipersembahkan membawaikan kejayaan. Tanpa ahli dan jawatankuasa yang saling membantu, Senandika tidak akan mencegapi kejayaan demi kejayaan sehingga ke hari," katanya.

Bagi pendukung watak utama sebagai Salim dan Dato' Lat, Aizat Abdul Muttalib, pelajar tahun 4, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), dibantu watak Ijam oleh Mahadzir Nadzri, pelajar tahun 4 Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan watak Boy oleh Muhammad Shukry Md. Yunus@Iskandar, pelajar tahun 3, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Menurut mereka, memandangkan tidak semua tokoh dapat dipelajari di sekolah, pertandingan ini secara tidak langsung membuka mata anak-anak muda tentang pengorbanan, jasa dan sumbangan seorang tokoh yang kurang dikenali. Kami sendiri turut mulai cakna terhadap tokoh-tokoh negarawan dalam pelbagai bidang setelah menyertai program ini.

Seorang mahasiswa yang hadir memberi sokongan kepada kumpulan UMP yang bertanding, Intan Nurfarhanah Mohd Said, tahun 2, FKEE menyifatkan program ini sangat perlu diteruskan supaya mahasiswa terutamanya dapat memahami dan melaksanakan hak dan kewajipan secara santun dan beradab sebagai golongan yang terdidik.

Penganjuran ini sangat menarik kerana mudah difahami dan dihayati secara ringkas sekaligus meningkatkan semangat nasionalisme. Majlis dihadiri Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Haji Safie dan Pembantu Penerangan, Jabatan Penerangan Daerah Pekan, Ismail Idris.



# Sukarelawan UMP edar 450 pek juadah sahur untuk gelandangan



Sebanyak 450 pek makanan diedarkan kepada gelandangan sekitar bandar raya Kuala Lumpur dalam program Kembara Singgah Sahur membabitkan seramai 50 sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 24 Jun 2016 yang lalu di Kuala Lumpur.

Program anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) itu turut dihadiri Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob bersama Ustaz Muhammad Sallehudin Md. Derus dan Ustaz Muhammad Farid Mohd. Idris.

Profesor Dr. Zulkefli berkata, program ini memberi peluang kepada mahasiswa UMP untuk bertemu dengan golongan geladangan selain untuk beramal dengan memberikan juadah bersahur sempena bulan Ramadan.

"Program ini adalah sebahagian daripada inisif UMP dalam menyokong Program MyGift UMP dan agenda kesukarelawan dalam menjadi universiti komuniti. Lebih bermakna program kali ini mendapat sokongan daripada pihak Marrybrown Kuala Lumpur yang menyediakan juadah sahur."

Program ini dijalankan adalah bagi menerapkan sifat prihatin dan kasih sayang dalam kalangan mereka yang tidak berkemampuan serta menyuburkan rasa tanggungjawab membantu golongan ini dalam kalangan generasi muda.

"Dalam program ini sukarelawan bergerak

dengan tiga kumpulan melibatkan kawasan Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut dan Jalan Munsyi Abdullah serta berakhir di Masjid Jamek Kuala Lumpur," katanya.

Bagi Mohamad Danial Mohd. Azmi, 25 yang menjadi gelandangan sejak tiga tahun lalu berkata, kebanyakan mereka tinggal di lokasi ini adalah disebabkan tiada pilihan dan sukar mendapat pekerjaan.

Beliau yang dipinggirkan keluarga tetap berazam untuk mengubah kehidupan serta menjadi lebih baik.

Manakala bagi seorang geladangan yang hanya dikenali sebagai Azman, 30 yang bekerja di restoran berpendapat bayaran sewa bilik yang tinggi menyebabkan beliau dan bapa saudaranya memilih tinggal di kaki lima kedai.

Mereka menerima banyak bantuan daripada orang ramai yang kerap menyumbang makanan dan lain-lain keperluan selain mudah untuk ke tempat kerja.

Pengalaman bertemu golongan geladangan ini pastinya memberikannya peluang mereka melihat sendiri kehidupan golongan ini di tengah-tengah bandar raya. Kebanyakan geladangan terdiri daripada bekas penagih dadah, bekas banduan, penganggur, mereka yang dipinggirkan keluarga, miskin serta terdapat sesetengah kes akibat masalah sendiri yang memerlukan sokongan dalam memberi suntikan motivasi dan kesedaran.



# Eksplorasi Fotografi Shutterbuster serlah kreativiti

Oleh: NOOR AFIZA MOHD ASMI

Kumpulan Seni Fotografi Shutterbuster dari Sekretariat Kebudayaan & Kesenian Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program Eksplorasi Fotografi melibatkan penyertaan seramai 37 orang mahasiswa universiti pada 31 Mei 2016 yang lalu di Pulau Pinang.

Program berjaya melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja mahir dalam bidang akademik malah turut mempunyai kepelbagaiannya kemahiran sebagai persiapan menghadapi dunia luar yang lebih mencabar.

Pengarah Program, Izzat Khairi Muhammad Kamil berkata, pihaknya memilih lokasi Pulau Pinang kerana terdapat banyak tempat yang sesuai untuk sesi pembelajaran landskap seperti di Bukit Bendera dan Batu Ferringgi manakala di Georgetown pula, amat terkenal dengan budaya hasil seni mural yang kreatif atau disebut street arts yang memanfaatkan karya seni di segenap ruang di sekitar bangunan atau lorong kecil serta beberapa bangunan lama yang mempunyai

nilai seni bina yang tinggi.

"Program ini memupuk semangat kerjasama antara peserta serta menyuburkan rasa kagum ketika meneroka sebahagian lokasi di Pulau Pinang."

"Peserta dapat bertukar-tukar pendapat, idea dan teknik sesama ahli dalam menghasilkan karya gambar yang berkualiti dengan menggunakan konfigurasi berdasarkan elemen-elemen kamera yang digunakan," katanya.

Sementara itu bagi Ketua Kumpulan ShutterBuster UMP Pekan, Nurul Amira Syafiqah Shamsuddin yang kini merupakan pelajar tahun 2 dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) berkata, selain meningkatkan keyakinan peserta berinteraksi dengan masyarakat luar khususnya, mahasiswa didedahkan dengan situasi dan suasana sebenar kehidupan sebagai jurufoto.

"Walaupun sekadar hobi, namun bidang ini mendapat permintaan yang tinggi dan mampu menjana pendapatan sampingan

yang lumayan pada masa kini," katanya.

Begitu juga dengan pelajar dwi-ijazah yang menyertai program, Azhar Mohd Jusuh berkata, eksplorasi kali ini banyak memberikan beliau informasi buka sahaja dalam bidang fotografi malah dari segi videografi dan penyuntingan.

Katanya, waktu perjalanan program yang fleksibel sepanjang program memberikannya cukup ruang untuk menimba ilmu bersama rakan-rakan yang lebih hebat seperti Azree Azizi dan Izzat Khairi.

Pelajar tahun 3, Sarjana Kejuruteraan Automotif, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP dengan kerjasama Hochschule Karlsruhe, Germany (HsKA) berkata, pengalamannya berinteraksi menggunakan bahasa Jerman dengan pelancang dari negara Jerman memudahkan sesi bergambar.

Hasil fotografi peserta ini turut dipertandingkan dan dipamerkan dalam program-program anjuran Sekretariat Kebudayaan & Kesenian UMP.





# Program Tamar 4U ceriakan pelajar



Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA) 2 Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengedarkan buah kurma kepada hampir 100 penghuninya menerusi Program Tamar 4U pada 9 Jun 2016 yang lalu.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Syarif Wira'i Abd Razak, 22, dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), program ini merupakan julung kali diadakan di Kolej Kediaman 2 ini dan ianya merupakan sebahagian dari aktiviti yang dirancang dalam menjayakan projek Semarak Ramadan @ KK2 sepanjang bulan Ramadan.

"Program Tamar 4U iaitu pemberian kurma secara percuma ke setiap rumah pelajar di Kolej Kediaman 2 yang terletak di UMP Gambang.

"Edaran bermula sekitar jam 5.00 petang itu melibatkan hampir 100 buah rumah di Kolej Kediaman 2. Kami berharap dengan pemberian kurma percuma ini dapat menghidupkan lagi Sunnah memulakan berbuka dengan tamar ataupun kurma seperti yang dianjurkan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W," katanya.

Ujar Muhammad Syarif, program ini

juga turut disokong oleh pasukan '*Charity Trooper*' PEKA 2 yang ditubuhkan sejak bulan April lalu dengan memfokuskan aktiviti bersifat kemasyarakatan, kemanusiaan dan kebajikan yang melibatkan mahasiswa UMP dan masyarakat setempat selaras dengan temanya iaitu *With Love We Serve*.

Menurut salah seorang penghuni Kolej Kediaman 2, Mohammad Amirudin Adnan, 18, pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) berkata, beliau dan rakan-rakannya menghargai sumbangan kurma tersebut dan mengharapkan program sebegini akan diteruskan pada masa akan datang.

Katanya, sumbangan kurma yang banyak khasiat sebagai makanan berbuka puasa dan sahur pastinya dinanti pelajar serta memeriahkan lagi sambutan Ramadan Kareem yang hanya menjelang setahun sekali ini.

Turut hadir mengedarkan kurma pada program tersebut iaitu Felo Kolej Kediaman 2, Mohd Ferdaus Musa dan Mohamad Najib Mohamad Nor serta dibantu oleh Pembantu Felo PEKA 2.



## 38 sukarelawanan PEKA 5 anjur program *Lil' Elephant*

oleh: MUHAMMAD AKMAL HELMY BURHANUDDIN



Seramai 38 sukarelawanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama penduduk Kampung Beruas menganjurkan program kesukarelawanan *Lil' Elephant* anjuran Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 5 (PEKA5), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Kampung (JKKK) Kampung Beruas di Pusat Konservasi Gajah, Lanchang, Temerloh, pada 21 Mei 2016 yang lalu.

Peserta berpeluang memerhati kehidupan anak gajah yang dilepaskan secara bebas dalam kawasan yang dipagari dengan pagar elektrik dan menonton video dokumentari proses menyelamatkan gajah liar dari kawasan konflik ke habitat baru oleh Jabatan Perhilitan.

Penasihat PROGRAM KESUKARELAWANAN *Lil' Elephant*, Nooraziah Abdul Ghaffar dari Pejabat Naib Canselor berkata, penganjuran kali ini melibatkan penyertaan mahasiswa termasuk dari luar negara bersama penduduk setempat bagi menjayakan inspirasi universiti dalam

memasyarakatkan universiti.

"Selain berdepan dengan pengalaman baharu, mahasiswa dapat mengeratkan hubungan silaturahim dengan penduduk kampung dan mahasiswa universiti dengan mengadakan aktiviti termasuklah bergotong-royong membersihkan kandang gajah dan kawasan pusat pemeliharaan," katanya.

Bagi Pengarah Program, Muhammad Nazrul Haffiz Mohd. Bahrudin, pengalaman mendekati gajah, memberi makan gajah dan memandikannya suatu pengalaman yang menarik buat mahasiswa.

Mereka juga dapat menyaksikan pertunjukan gajah pentas dan tayangan video informasi gajah liar serta menambah pengetahuan melalui sesi penerangan yang diberikan oleh staf bertugas.

Dalam meningkatkan kesedaran mengenai penghijauan dan menjaga alam sekitar pada masa yang sama turut diadakan program menanam pokok buah-buahan termasuk pokok rambutan dan nangka madu di kawasan ini.



# Modul Bahasa Inggeris berkonseptkan Fun Learning tingkat kemahiran pelajar sekolah

Berita dan foto oleh: AHMAD BADRUZZAMAN IDRIS, AISYATUL SAKINAH BAHARUDIN, JURUFOTO OLEH NURUL 'AFINA MOHD AZMI DAN SHARIFAH NURAINA SYED NAHAR

Seramai 51 murid tahun lima dan empat dari Sekolah Kebangsaan (SK) Guar Nangka, Arau Perlis berpeluang menimba pengalaman dan berinteraksi dengan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Projek Kilauan Mutiara anjuran Kelab In-Smartive UMP pada 17 Julai 2016 yang lalu.

Projek selama tiga hari tersebut yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPNPs) merupakan edisi ketiga sejak mula-mula diperkenalkan di SK Guar Nangka pada tahun 2013.

Dengan fokus terhadap peningkatan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan peserta, projek ini turut bertujuan meningkatkan motivasi dan persediaan mereka untuk menghadapi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Menurut Pengurus Projek, Muhamad Firdaus Azman, 20, yang juga mahasiswa tahun dua di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP, modul bagi siri projek kali ini

dirumus khusus sejajar dengan keperluan pihak sekolah dan aspirasi JPNPs untuk menjadikan Projek Kilauan Mutiara sebagai sebahagian daripada sarana outreach dalam kerangka Highly Immersive Programmes (HIPS) yang kini sedang dilaksanakan di seluruh negeri Perlis.

"Modul-modul pembelajaran bahasa Inggeris direka bentuk menurut konsep *Fun Learning* dengan pengisian seperti *Chop!, Explorace, Spell It Right, Tongue Twister* dan lain-lain," katanya.

Keberkesanan konsep *Fun Learning* bagi merangsang minat peserta untuk mendalami bahasa Inggeris secara seronok dan santai ini diakui sendiri oleh Muhamad Farish Farhan Mohd Sofy, 11 dan Nur Amirah Khoyrul, 11 yang turut menerima penghargaan Anugerah Peserta Terbaik Projek.

Kedua-duanya menyuarakan kegembiraan kerana berpeluang berinteraksi dan menjalani aktiviti bersama 20 mahasiswa UMP dari

pelbagai fakulti yang berperanan sebagai fasilitator.

Hadir merasmikan penutupan projek ialah Pegawai School Improvement Specialist Coach (SISC+), Marsuzaina Mardipi yang hadir mewakili Pengarah Pendidikan Perlis.

Sambil mengalau-alukan komitmen sosial UMP melalui pelaksanaan Projek Kilauan Mutiara, beliau turut menyarankan supaya Kelab In-Smartive untuk menerajui inisiatif kesukarelawan pendidikan (*educational volunteerism*) seumpama ini dalam jaringan yang lebih luas dengan penyertaan lebih banyak sekolah rendah dan menengah di negeri Perlis.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Guru Besar SK Guar Nangka, Dalila Awang, Ketua Penyelidik Pejabat Naib Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Muhammad Abdul Muhammin Mamat.



DR. AISHAH BINTI ABU BAKAR



ENCIK MUHAMMAD BADRI BIN HUSSIN

## Dr. Aishah dan Muhammad Badri LPU baharu UMP

Dr. Aishah Abu Bakar dan Muhammad Badri Hussin dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang baru berkuat kuasa mulai 1 Mei 2016 hingga 30 April 2018.

Dr. Aishah berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Geoteknikal daripada Manchester University, United Kingdom dan beliau memulakan tugas dalam perkhidmatan sebagai seorang jurutera di sebuah syarikat swasta Minconsult Sdn. Bhd. pada tahun 1992.

Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Pensyarah Kanan di Universiti Malaya (UM) pada tahun 2013 hingga 2015.

Kini beliau merupakan Pengarah Bahagian Pentadbiran di Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Manakala Muhammad Badri Hussin pula berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada UMP dan kini beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah hospital swasta iaitu Kuantan Specialist Hospital Sdn. Bhd. iaitu dari kumpulan hospital KPJ Healthcare Berhad.

Beliau yang mempunyai pengalaman selama 14 tahun dalam industri penjagaan kesihatan turut pernah memegang jawatan sebagai akauntan dan juruadit di syarikat swasta luar dan dalam negara bermula tahun 1997.

Sidang Editor CREATE mengucapkan syabas dan tahniah atas pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP yang baru. Selamat maju jaya dan selamat berkhidmat.

## PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



**Dr. Mohd Bijarimi Mat Piah Pengarah**  
Bahagian Pengurusan Strategik  
Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti  
1 Jun 2016 hingga 31 Mei 2018



**Tuan Haji Samsudin Abdullah**  
Ketua Unit Perundingan & Bantuan Staf  
Jabatan Pendaftar  
8 Julai 2016 hingga 7 Julai 2017



**Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang**  
Pengarah Penerbit UMP  
15 Ogos 2016 hingga 31 Disember 2017



# Alumni UMP lancar Aplikasi Mobile Android sebagai saluran komunikasi

Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan *Android Aplikasi Alumni UMP* bersempena Majlis Sambutan Ulangtahun ke-10 persatuan yang berlangsung di Hotel Zenith Kuantan pada 30 Julai 2016 yang lalu.

Hadir merasmikan majlis ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Presiden Alumni UMP, Syed Mohamad Hamzah Al Junid Syed Abdul Rahman.

Majlis turut diserikan dengan acara memotong kek sebagai simbolik 10 generasi alumni UMP dan tayangan video yang memaparkan 1001 cerita untuk dikongsi bersama alumni universiti ini.

Menurut Dato' Rosli, dengan adanya aplikasi android ini perlulah dimanfaatkan secara optimum oleh semua agar rangkaian keluarga besar Alumni UMP dapat diperluas dan bertambah ahlinya.

"Melalui platform ini pastinya menjadi suatu saluran yang dapat memudahkan komunikasi antara semua alumni dan pihak universiti."

"Aplikasi mobile ini adalah cetusan idea daripada Unit Hubungan Alumni UMP yang dinaungi oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusserie Zainuddin dan dibangunkan oleh Pusat Kecemerlangan IBM UMP dengan kerjasama Persatuan Alumni UMP," kata Syed Mohamad Hamzah.

Baginya, aplikasi ini dibangunkan bertujuan untuk memudahkan perhubungan antara alumni UMP dalam berkongsi maklumat.

"Antara kelebihannya alumni boleh mendapatkan berita terkini tentang program dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak alumni secara terus.

"Selain itu, aplikasi ini juga memainkan peranan dalam perkongsian carian kerjaya, ruangan promosi produk dan perkhidmatan alumni. Aplikasi ini juga memberikan akses kepada majalah alumni secara *online* serta pautan terus ke media sosial alumni UMP seperti facebook, instagram dan juga twitter," ujar beliau.

Manakala menurut Nur Nazira Huda Mohamad Harun, 24 yang telah tamat belajar dalam jurusan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli pada tahun 2015, beliau amat bersyukur dan teruja kerana dapat hadir ke majlis ini.

"Kesempatan yang ada ini memberi peluang buat saya untuk mengenali bekas pelajar UMP tidak kira tahun pengajian dan beramah mesra dengan mereka," katanya.

Pada masa yang sama turut diadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang menyaksikan kehadiran kira-kira 300 orang alumni.

Hadir sama, Pendaftar, Abd Hamid Majid dan Penolong Pendaftar dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Rahman Ahmad dan Halizan Mohmood.



## Ramah mesra alumni Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawanan

Buat julung kalinya Majlis Makan Malam bersama alumni Sarjana Kejuruteraan Kimia (MKK) dengan Keusahawanan (MKK) telah diadakan di Hotel MS Garden, Kuantan pada 8 Mei 2016 yang lalu anjuran Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan kerjasama Unit Alumni, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEPA).

Majlis diserikan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusarie Zainuddin. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Pengarah Pusat Nadir Bumi, Profesor Dato' Dr. Ir. Badhrulhisham Abd. Aziz dan Dekan FKKSA, Zulkafli Hassan.

Dalam ucapannya, Profesor Dato' Dr. Yusarie melahirkan perasaan gembira dengan perkembangan program MKK ini yang bermula sejak tahun 2011.

"Dengan hanya sembilan orang pelajar yang mendaftar pada awalnya kini seramai 53 orang pelajar telah bergraduat. Para alumni perlu mengekalkan hubungan baik dengan pihak UMP bagi membolehkan pertukaran idea dan perkongsian ilmu atau mungkin sebagai salah satu rangkaian perniagaan," katanya.

Sementara itu, Zulkafli berkata, kebanyakan universiti terkemuka dan ternama dunia sentiasa memberikan penekanan yang kuat kepada peranan alumni bagi membantu menjayakan agenda pembangunan universiti.

"Universiti amat berharap dapat membina rangkaian alumni yang kuat yang mampu menjadi sumber kekuatan sesama mereka dan sumber kemahiran dalam pelbagai aspek kepada universiti.

"Alumni akan terus mencipta kejayaan dalam karier masing-masing dan menjadi

kebanggaan universiti serta dapat membantu pelajar hari ini untuk menimba pengalaman dari mereka," katanya.

Alumni UMP, Yuniza Mohamed melahirkan perasaan gembira dengan penganjuran program seperti ini bagi beramah-mesra dengan rakan-rakan lama di samping membentuk jalinan dan rangkaian di antara para alumni dan pihak UMP.

Beliau mengharapkan rakan-rakan alumni lain dapat terus memberikan sumbangan kepada masyarakat sesuai dengan hasrat UMP dalam memasyaratkan teknologi.

Dalam masa yang sama, pertemuan ini juga sebagai medium untuk menilai keberkesanan program MKK melalui borang kaji-selidik yang diedarkan di samping mengadakan perancangan dalam mengukuhkan hubungan baik dengan universiti.



# Alumni bantu 96 keluarga asnaf dalam Ziarah Prihatin Ramadan

Oleh: NUR HAZIRAH HIDA MOHD. HARUN

Seramai 96 keluarga asnaf berjaya dibantu dalam program Ziarah Prihatin yang dijalankan Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama I-Bantu, Hidayah Centre Pahang dan alumni Program MBA daripada Fakulti Pengurusan Industri (FIM).

Program mengagihkan sumbangan yang berakhir di Kampung Orang Asli Tasik Mentiga, Pekan dan di Kg Bukit Rangin, Kuantan, Pahang itu adalah anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP, Kolej Kediaman 4 UMP dan Tadika ABS Kuantan.

Pengarah Program Ziarah Ramadan 2016, Mohd Najib Razali berkata, program dilaksanakan dengan tiga siri iaitu menyampaikan bantuan kepada seramai 65 keluarga melibatkan Kampung Tiram, Kampung Teruntum, Kampung Kurnia, Kampung Padang dan Kampung Sungai Isap pada 4 Jun 2016 yang lalu.

"Sumbangan diteruskan pada 10 Jun membabitkan seramai 13 keluarga orang asli di Batu 14 Gambang serta membantu lima keluarga orang asli di Paloh Hinai, 11 keluarga di Kampung Bukit Rangin 2 Permatang

Badak," katanya.

Beliau mengharapkan sumbangan daripada semua pihak yang terbabit dapat meringankan beban mereka dan mengembalikan keriangan mereka untuk menjalani ibadah puasa di sepanjang bulan Ramadan ini.

Baru-baru ini juga, seramai 30 orang sukarelawan bergerak ke perkampungan Orang Asli Tasik Mentiga manakala kumpulan kedua diketuai oleh Pengurus Hidayah Centre Pahang, Haji Zuraidi Ismail ke Bukit Rangin.

Kunjungan kali ini menemui lima keluarga muslim orang asli dan 12 keluarga kurang berkemampuan di sekitar Bukit Rangin menerima sumbangan barang keperluan asas berupa beras, minyak masak, rempah ratus, kicap, gula, kopi, susu dan lain-lain. Manakala pihak I-Bantu dan Hidayah Centre yang diwakili Haji Zuraidi menyerahkan sumbangan wang tunai kepada keluarga yang terpilih.


Bagi penerima manfaat seorang warga emas, Salim Awang, 70, yang menghidap strok berkata, beliau sebelum ini merupakan seorang nelayan terpaksa berhenti mencari

nafkah disebabkan faktor usia dan strok yang dihidapi.

Mereka sekeluarga meneruskan hidup dengan mengharapkan bantuan daripada pihak berwajib dan orang ramai memandangkan isteri beliau yang juga seorang warga emas kurang sihat manakala satu-satunya anak perempuan beliau sedang menerima rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.

Begitu juga dengan Norazuha Muda, 30, yang turut menerima sumbangan. Beliau tinggal bersama bersama suami dan tiga anak di pondok usang tinggalan arwah bapa yang merupakan sebuah pondok kecil dengan papan buruk yang memisahkan ruangan dapur dan tempat tidur.


Beliau menghargai sumbangan daripada Skuad Ziarah Prihatin Ramadan atas bantuan yang diberikan memandangkan beliau sekeluarga sudah beberapa hari terputus bekalan makanan disebabkan ketidaaan wang. Seluruh perbelanjaan keluarga hanyalah bergantung kepada upah suami beliau yang bekerja sebagai pengutip besi buruk.



**BMM 3611 MANUFACTURING PROCESSES LABORATORY**

Penulis	: Mahadzir Ishak, Siti Rabiatull Aisha Idris, Syarifah Nur Aqidah Syed Ahmad, Siti Haryani Tomadi dan Mohd Rashidi Maarof
Kategori	: Modul
ISBN	: 978-967-0691-97-8
Muka Surat	: 92
Tahun	: 2016
Bahasa	: Bahasa Inggeris
Harga	: RM 30.00

*This module is developed in support of the BMM3611 Manufacturing Processes Laboratory. The laboratory provides hands-on experience for students to learn about manufacturing processes with emphasized on safety, knowledge on material processing application as well as material engineering.*



**COMPUTER VISION SYSTEM**

Penulis	: Kamarul Hawari Ghazali, Nurul Wahida Arshad, Faradila Naim, Rohana Abdul Karim, Nor Farizan Zakaria, Mohd Falfazli Mat Jusof, Nazriyah Che Zan, Rosyati Hamid dan Lailatul Niza Muhammad
Kategori	: Modul
ISBN	: 978-967-0691-99-2
Muka Surat	: 204
Tahun	: 2016
Bahasa	: Bahasa Inggeris
Harga	: RM 30.00

*Computer vision system is a subject that has a growing applications in diverse fields, such as manufacturing, robotic, automations system, biomedical, biometrics, remote sensing, and pattern recognition. As a result, it has become extremely important for students to study and understand image processing. This module attempts to provide some basic knowledge in computer vision system.*

## DAPATKAN SEGERA

Penerbit UMP

Jabatan Penyelidikan & Inovasi

Universiti Malaysia Pahang

Lebuh Raya Tun Razak

26300 Kuantan

Pahang Darul Makmur


Tel. : +609-549 3320/ 3318/ 2625

Faks : +609-549 3381

e-Mel : penerbitilmiah@ump.edu.my

Laman Web: <http://publisher.ump.edu.my>

### DAA1723-FLUID MECHANICS MODULE



Penulis	: Nor Azlina Alias
Kategori	: Modul
ISBN	: 978-967-0691-86-2
Muka Surat	: 107
Tahun	: 2016
Bahasa	: Bahasa Inggeris
Harga	: RM 42.00

*To introduce the fundamental principles of fluid mechanics, the basic equations governing fluid statics and fluid flow and the methods of solving engineering problems related to fluid mechanics.*

### MICROPROCESSOR & MICROCONTROLLER BASIC PRINCIPLES OF SOFTWARE, HARDWARE & INTERFACING USING 8 BIT FAMILY



Penulis	: Nik Mohd Kamil Nik Yusoff dan Bakri Hassan
Kategori	: Modul
ISBN	: 978-967-0691-87-9
Muka Surat	: 330
Tahun	: 2016
Bahasa	: Bahasa Inggeris
Harga	: RM 58.00

*The Microprocessors and Microcontrollers: Basic Principles of Software, Hardware & Interfacing Using 8-bit Family provides the fundamental of processing device to students in engineering and technology curricula. The book combines two popular devices 6800Microprocessor and 68HC11 Microcontroller for the benefits of college-level students and the tutors with easy to understand theoretical discussions, supporting materials, exercises and handful of project examples.*

# Transformasi Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan Awam dan Premis Kerajaan



Oleh:  
MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

Setiap bangunan awam atau premis kerajaan perlu diurus dengan cekap dan berkesan supaya ianya mampu memberi perkhidmatan memuaskan kepada pengguna dalam mencapai matlamat operasi sesebuah organisasi. Presmis ini sepatutnya menjadi tempat yang paling selamat bagi orang ramai yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan sehari-hari. Premis awam boleh dikenali iaitu hospital-hospital, klinik-klinik kesihatan dan pejabat-pejabat kerajaan. Bangunan merupakan aset organisasi yang amat bernilai, walau bagaimanapun ia dilihat sebagai aset kurang dititik beratkan dan seringkali tidak diurus dengan sempurna. Fungsi bangunan adalah bagi menjalankan aktiviti sehari-hari dan aktiviti penyelenggaraan bangunan diperlukan sebaik sahaja bangunan disiapkan.

Matlamat utama penyelenggaraan bangunan adalah untuk mengurangkan seberapa mungkin kegagalan dan kecacatan terhadap elemen dan peralatan bangunan secara efektif dan sistematik. Secara tidak langsung, segala aspek keselamatan dan keselesaan akan lebih terjamin bukan sahaja kepada pengguna malah kepada pemilik dan warga kerja sesebuah organisasi.

Sebarang kegagalan dan ketidaksempurnaan pengurusan bangunan boleh memberi kesan tidak baik kepada setiap komuniti yang telah berada di dalam persekitaran bangunan. Penghuni bergiat aktif di dalam bangunan tidak kira waktu menjadikan tahap prestasi bangunan akan menurun hari demi hari. Tragedi yang menimpa beberapa bangunan awam haruslah dijadikan iktibar dan pengajaran di masa hadapan. Setiap bangunan haruslah diperiksa tahap prestasi bermula dengan fungsi, keselamatan dan kesihatan.

Pengurusan penyelenggaraan perlu dijalankan dengan cekap dan berkesan bukan sahaja untuk memelihara aset Kerajaan dan Keselamatan warga bangunan tetapi juga untuk mengelakkan daripada berlakunya insiden yang tidak diingini.

Beberapa langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi memastikan keselamatan pada sesebuah organisasi seperti mewujudkan jawatan pengurus fasiliti bagi menjalankan pengurusan fasiliti; mewujudkan satu garis panduan penyelenggaraan bangunan dalam sesebuah organisasi; Mewujudkan kesedaran pada penghuni bangunan dan pengguna tentang keselamatan semasa berada di dalam bangunan; mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat; memeriksa peralatan pencegah kebakaran dan diselenggarakan berkala.

## Tindakan semasa mereka bentuk bangunan

Bangunan yang baharu haruslah direka bentuk berdasarkan kegiatan dan risiko beroperasi reka bentuk bangunan dan susunatur perlu mengetengahkan reka bentuk berdasarkan keselamatan dan kesihatan penghuni.

## Melakukan tinjauan dan pemeriksaan fizikal terhadap bangunan

Mengenal pasti bangunan-bangunan awam yang berisiko dan terdedah kepada bahaya dan bencana yang melibatkan aktiviti dalam dan persekitaran yang kurang sihat.

## Memastikan bangunan sihat dan bebas dari sindrom bangunan sakit

Setiap bangunan perlu mempunyai tahap pengudaraan dalam dan tidak mencemarkan dan mempunyai pencahayaan

dalam yang mencukupi. Bangunan harus mempunyai tahap keselamatan yang tinggi dan mempunyai sijil keselamatan bagi menjalankan sebarang aktiviti berkaitan penubuhan bangunan.

## Bina jaringan kepakaran penyelenggaraan bangunan

Kepakaran ahli-ahli akademik boleh membantu mengetengahkan teknik-teknik penyelenggaraan bangunan yang baharu. Bekerja sama dengan jabatan penyelamat bencana dan majlis berkuasa tempatan bagi memperkasakan dokumen-dokumen binaan bangunan dan kemudahan bangunan terkini. Memperkasakan dokumen-dokumen dan garis panduan menyelenggarakan bangunan-bangunan yang aktif beroperasi berisiko tinggi.

## Penubuhan pasukan khas penyelenggaraan dan bencana

Penubuhan pasukan khas bagi setiap bangunan awam terutama aspek penyelenggaraan fasiliti. Pasukan khas yang diwujudkan ini akan berkongsi maklumat yang diperoleh daripada mana-mana insiden pencemaran dari sudut teknikal, siasatan dan hasil laporan kejadian dan bencana. Aspek keselamatan dan bencana alam serta kebakaran perlu terapkan bagi penubuhan pasukan ini. Penghuni bangunan perlu dide dahukan dengan latihan menghadapi kebakaran atau *fire drill*.

## Mematuhi perundangan, akta, peraturan dan arahan-arahan berkaitan bangunan

Semua kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan perkhidmatan kejuruteraan di dalamnya adalah tertakluk kepada pematuhan akta, peraturan-peraturan dan

arahan-arahan yang berkuat kuasa seperti mematuhi garis panduan reka bentuk berdasarkan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Uniform Building By-Laws 1984.); Occupational Safety and Health Act 514:1994; Akta 447: Akta Bekalan Elektrik 1990; Peraturan-peraturan Elektrik 1994; Piawaian Malaysia (Malaysian Standards) yang berkaitan; perundangan dari Pihak Berkuasa Tempatan. Bangunan baharu dan sedang beroperasi perlu mendapatkan sijil keselamatan kebakaran bagi mengiktirafkan tahap keselamatan bangunan berpenghuni.

#### **Mengadakan audit bangunan dan audit keselamatan**

Bangunan awam yang telah berusia perlu menjalani audit bangunan. Ini bertujuan untuk melihat aspek kelemahan dari segi keselamatan dan kesihatan bangunan. Audit keselamatan boleh membantu untuk mengenal pasti dan memperkuuhkan pengurusan penyelenggaraan dengan menaik taraf bagi meingkatkan tahap keselamatan di bangunan awam.

Selain itu, perlu juga untuk mewujudkan satu sistem pengurusan keselamatan bagi setiap bangunan berpenghuni dan berisiko tinggi. Setiap bangunan perlu menjalani operasi penyelenggaraan berkala. Segala pengurusan perlu merujuk kepada perundangan melibatkan aspek keselamatan dan kesihatan bangunan. Pemeriksaan bangunan perlu diperiksa oleh pemeriksa bangunan bertauliahan.

#### **Mewujudkan dokumen pascabinaan**

Mewujudkan dokumen pascabina atau lukisan pascabina atau as *built drawing*. Lukisan itu adalah gambar realisasi suatu binaan yang telah dilaksanakan. Dokumen ini perlu menyatakan spesifikasi bangunan dan bahan binaan yang digunakan bagi pembinaan dan pengubahaian yang telah dilakukan. Maklumat kontraktor pengubahaian perlu dinyatakan bagi memudahkan kerja-kerja pengubahaian di masa hadapan.

#### **Membudayakan kesedaran penyelenggaraan**

Mewujudkan persekitaran sihat bagi meningkatkan tahap keselamatan bagi penghuni dan warga kerja di sesebuah bangunan. Bangunan harus mempunyai tindakan keselamatan dan penyelamat sekiranya berlaku musibah seperti kebakaran, ancaman banjir, pencemaran dan ancaman-ancaman luar. Di samping itu, perlu diwujudkan kaedah menyelamat penghuni di dalam pelan tindakan kebakaran dan sentiasa mengadakan taklimat kesedaran keselamatan dan kesihatan kepada setiap penghuni dan pengguna bangunan.

#### **Mewujudkan kepakaran bidang penyelenggaraan bangunan dan pengiktirafan kerja penyelenggaraan bangunan**

Di peringkat pengajian tinggi dan sekolah menengah, bidang pengajian ini perlu terus diperkasakan bagi semua proram kejuruteraan dan teknologi bangunan dan pembinaan. Modul penyelenggaraan bangunan perlu diperkenalkan seperti penyelenggaraan bangunan, bencana dan kebakaran. Ini bagi melahirkan kesedaran budaya pemuliharaan bangunan dan penyelenggaraan bangunan diperingkat awal.

Pengiktirafan di peringkat individu dan organisasi juga perlu diberikan bagi mewujudkan perjawatan profesional. Kerjaya ini tidak boleh lagi dianggap sebagai tugas diluar waktu pejabat dan kerjaya sampingan.

#### **Khidmat penyelenggaraan yang bertauliahan dan berkelayakan.**

Menggunakan khidmat pegawai operasi penyelenggaraan yang bertauliahan dan khidmat kontraktor yang bertauliahan dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan.

#### **Menyemak semula kos operasi penyelenggaraan bangunan.**

Perlu melihat semula kos penyelenggaraan yang relevan. Ini termasuk kos menyelenggarakan kemudahan termasuk lif, pendawaian elektrik, *escalator*, sistem bekalan air di dalam bangunan, kos penyelenggaraan alatan pencegah kebakaran seperti tabung pemadam kebakaran, pancur basah, pancur kering, pancuran semburan air dan pengesan asap.

#### **Menyusun atur laluan dalaman bagi kegiatan di dalam bangunan**

Perlu dilihat dengan teliti bagi memudahkan pergerakan di dalam bangunan. Susun atur perabot dalaman bangunan boleh menyebabkan pergerakan terbatas dan memungkinkan permasalahan berlaku apabila berlaku bencana terutama kebakaran. Selain itu ia turut menyukarkan untuk melakukan kerja-kerja menyelamat dan larian kecemasan.

#### **Mewajibkan penyelenggaraan bangunan dilakukan secara kerapkali dan sebagai perkuhan wajib selepas menduduki bangunan**

Pengiktirafan keselamatan dan kesihatan terhadap penghuni bangunan dan kemudahan bangunan perlu diadakan. Tahap prestasi bangunan berdasarkan kaedah merit bagi menunjukkan bangunan selamat untuk diduduki dan beroperasi. Pengubalan semula perkuhan kelayakan menduduki dan jangka masa penyelenggaraan perlu dinyatakan setelah premis beroperasi mengikut jangka masa pendek atau panjang. Saranan jangka masa bagi melakukan kerja-kerja penyelenggaraan premis iaitu tiga hingga lima tahun, enam hingga sepuluh tahun, 11 hingga 16 tahun, 20 hingga 30 tahun, 30 hingga 50 tahun. Bagi bangunan yang berusia 50 tahun ke atas perlu melalui proses pembaharuan (*refurbishment*) dan konservasi atau pemuliharaan (*conservation*).

**Aspek keselamatan perlu tekanan terutama aspek reka bentuk bangunan, kemudahan bangunan yang digunakan dalam bangunan awam serta mendapat persijilan dari aspek fungsi, kebakaran dan keselamatan.**

Penyenggaraan hendaklah dilihat sebagai satu aspek yang perlu di beri keutamaan. Aktiviti penyenggaraan bangunan bukan lagi dilihat sebagai "rosak-baiki", tetapi perlu dilihat secara menyeluruh. Ini termasuklah di peringkat prareka bentuk, semasa mereka bentuk bangunan, susun atur perabot dalaman, pemilihan bahan binaan dan kemasan dalaman, kos operasi penyelenggaraan. Di peringkat awal perancangan, perlaksanaan penyenggaraan akan melibatkan kewangan yang tinggi tetapi jika di ambil kira kos jangka panjang ianya lebih ekonomik dan praktikal. Pengurusan

bangunan perlu dilakukan dengan efektif bagi meminimumkan risiko kejadian seperti kebakaran, kemalangan melibatkan orang awam, ancaman banjir, keruntuhan bangunan atau struktur dalaman, terperangkap dalam lif, kemalangan melibatkan kemudahan awam di dalam bangunan.

Ketidakcekapan dan kelememahan penyelenggaraan boleh memberikan kesan negatif terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Justeru, aktiviti penyelenggaraan bangunan perlu dilakukan oleh semua pihak dan tidak wajar bangunan dilepaskan kepada bahagian penyelenggaraan semata-mata. Penyelenggaraan perlu dilakukan seawal mungkin sebaik sahaja bangunan diserah kepada pemilik premis. Tidak adil menundung jari kemana-mana pihak apabila telah berlaku musibah. Kita perlu sedar dan memperbaiki budaya penyelenggaraan yang mungkin alpa dan kesibukan membangunkan pembinaan struktur dan infrastruktur. Kesedaran dan tindakan penyelenggaraan di peringkat awal merupakan langkah untuk elakkan perkara yang tidak diingini berlaku dan mengurangkan kos operasi penyelenggaraan serta memudahkan pengurusan penyelenggaraan.

*Penulis ialah Pensyarah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan, (FTeK) Universiti Malaysia Pahang.*

**Matlamat utama penyelenggaraan bangunan adalah untuk mengurangkan seberapa mungkin kegagalan dan kecacatan terhadap elemen dan peralatan bangunan secara efektif dan sistematik. Secara tidak langsung, segala aspek keselamatan dan keselesaan akan lebih terjamin bukan sahaja kepada pengguna malah kepada pemilik dan warga kerja sesebuah organisasi.**



**MyGift** merupakan usaha mengumpulkan sumbangan daripada pelbagai pihak untuk digunakan bagi tujuan tajaan pengajian dan peningkatan mutu pendidikan yang sedia ada di UMP, memperkasakan program-program kerohanian dan menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada yang memerlukan.

## Cara Menderma

→ Penyumbang boleh mengreditkan terus sumbangan ke akaun **BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG** nombor akaun **MBB 556235304236** dan meninggalkan butiran peribadi untuk dihubungi oleh pegawai yang berkenaan.

Manakala untuk menyumbang melalui Perbankan Internet boleh terus ke laman sesawang **mygift.ump.edu.my** dan klik menu **BUAT SUMBANGAN** dengan memilih salah satu menu sumbangan yang tertera dan mengisi butiran yang diminta.



### Hubungi Kami

Untuk maklumat lanjut, sila layari

[mygift.ump.edu.my](http://mygift.ump.edu.my)

atau hubungi

**Mohd Jamil Bin Mohd Ja'afar**  
Pegawai MyGift  
Universiti Malaysia Pahang



09 - 424 5142



09 - 424 5141



019 - 935 2013



mjamilj@ump.edu.my

[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)

# UMPMalaysia



## Endowmen Biasiswa Pelajar

Membantu mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan untuk menamatkan pengajian di peringkat universiti. Di samping itu juga, dana ini turut dapat menyokong para pelajar yang cemerlang dalam pelajaran untuk menyambung pelajaran yang pada peringkat lebih tinggi di UMP serta memberi peluang kepada para pelajar untuk mengikuti program-program keilmuan di luar negara yang memerlukan kos yang tinggi.



## Endowmen Kursi

Dana atau derma dari pertubuhan atau yayasan sukarela untuk perubahan Kursi Kecemerlangan di universiti bagi menjalankan aktiviti seperti wacana ilmiah, akademik, penyelidikan, penerbitan dan perkongsian ilmu serta pembinaan kapasiti. Endowmen ini boleh digunakan untuk membayar gaji Profesor ternamda dan menawarkan bantuan kepada pelajar cemerlang bagi menjalankan pendidikan dalam bidang berkaitan.



## Endowmen Tajaan Makmal / Kemudahan

Endowmen ini diwujudkan bagi membayai kos pembinaan dan peralatan saintifik seperti membangunkan makmal atau menjaya makmal yang sedia ada. Tabung Endowmen ini juga bertujuan agar lebih ramai mahasiswa dapat menikmati kemudahan yang disediakan, selain menyediakan pelbagai prasarana untuk merancakkan aktiviti akademik di universiti seperti makmal termaju dan geran penyelidikan.



## Endowmen Kecemerlangan

Pemberian Insentif atau hadiah kecemerlangan kepada mahasiswa yang mencapai keputusan yang cemerlang semasa Hari Konvokesyen oleh Tuanku Canselor Universiti Malaysia Pahang.

Contoh:

- Hadiah Kecemerlangan Sapura
- Hadiah Kecemerlangan Perodua



## Tabung Ramadan

Dijalankan sepanjang bulan Ramadan dan Syawal untuk mengumpul dana sumbangan daripada seluruh warga universiti meliputi staf, mahasiswa, alumni, individu dan syarikat korporat bagi meningkatkan Tabung Endowmen selaras dengan galakan melakukan amal jariah sempena bulan yang mulia.

Antara aktiviti yang menjadi aktiviti tahunan UMP adalah;

- Program Iftar Ramadhan;
- Singgah Sahur; dan
- Jejak Asnaf



## Tabung Masjid

Pelbagai sumbangan dalam bentuk wang ringgit ataupun peralatan bagi membantu aktiviti dan pembangunan Masjid UMP serta lain-lain masjid yang memerlukan. Penderma mempunyai pilihan untuk menyumbang ke dalam tabung Masjid UMP secara terus atau secara atas talian.



## Tabung Bencana

Bertujuan untuk membantu mereka yang menghadapi bencana seperti banjir, kebakaran atau kerosakan harta benda disebabkan malapetaka bagi meringankan beban mereka sama ada dalam bentuk wang ringgit mahu pun barang.



## Tabung Wakaf

Program wakaf ini dikhaskan kepada individu atau syarikat korporat yang ingin menyumbang peralatan, kemudahan, kendaraan dan tunai bagi tujuan wakaf.



## Tabung Komuniti

Program pemindahan ilmu turut menjadi tumpuan UMP. Selain bidang pendidikan, penyelidikan, pengkomersialan dan keusahawanan, UMP turut memainkan peranan untuk memasyarakatkan universiti untuk merapatkan jurang di antara masyarakat dan komuniti universiti.



## Tabung Prasarana

Wang yang disumbangkan melalui terma tidak patuh syariah, akan digunakan untuk maslahah-maslahah umum seperti membayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya di Universiti Malaysia Pahang.

# Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Universiti Malaysia Pahang

- |   |  |   |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jejak Asnaf</li> <li>• Asnaf: Back to School</li> <li>• Asnaf: Raya bersama UMP</li> <li>• Iftar Jamaie Ramadan</li> <li>• Iftar Jamie anak-anak yatim</li> <li>• Singgah Sahur</li> <li>• Dakwah Ummah</li> <li>• Bubur Jumaat</li> <li>• Kem Ibadah</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Free Market</li> <li>• Mahasiswa: Projek Kongsi Rezeki</li> <li>• I Bantu</li> <li>• Food for Needy</li> <li>• Sukarelawan Banjir</li> <li>• Misi Kemanusiaan Kemboja</li> <li>• Khidmat Komuniti Minggu Induksi Siswa</li> <li>• Mobiliti Pelajar</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kayuhan Zakat</li> <li>• Majlis Khatam Quran</li> <li>• Program Motivasi Pelajar (Rendah, Menengah dan Matrikulasi)</li> <li>• Program Perkongsian Ilmu: Sekolah Kluster Pahang</li> <li>• Solar untuk Komuniti</li> <li>• Masjid Teknologi Hijau</li> </ul> |
|---|--|---|





Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:  
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Pejabat Naib Canselor  
Aras Bawah, Anjung Selatan  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 424 5000  
Faks : 09 424 5055  
e-Mel : pro@ump.edu.my

UMPMalaysia